Rubber crops contributed highest number of **agricultural holding** at **35.2%** (387,433)

The planted area is 7.5 million hectare with **69.0%** by **establishment agricultural holding**

Establishment agricultural holding recorded a total of **67.4%** (6.6 million hectare) of harvested area

Sarawak contributed **22.3%** (22.9 million tonnes) of total crop subsector production

Sarawak recorded the highest total quantity of sales of **22.4%** (22.8 million tonnes)

Pahang contributed **18.7%** (RM21.78 billion) of sales value crops subsector

73.0% (RM136.05 billion) of agriculture sector's income contributed by **establishment agricultural holding**

72.4% (RM49.18 billion) of agriculture sector's expenditure was contributed by **establishment agricultural holding**

Legend:

Individual Agriculture Holding | Planted Area | Harvested Area | Production Quantity | Sales Quantity | Sales Value | Income | Expenditure

Source: Agriculture Census 2024

MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

AGRICULTURAL HOLDINGS PROFILE AND KEY PARAMETERS AGRICULTURE SECTOR, MALAYSIA, 2023

AGRICULTURAL HOLDING

Total	Individual	Establishment
1,034,182	1,012,993	21,189

CITIZENSHIP (PERSONS)

Malaysian	Non-Malaysian
1,005,316 (99.2%)	7,677 (0.8%)

SEX (PERSONS)

Male	Female
754,204 (74.5%)	258,789 (25.5%)

AGE GROUP (PERSONS)

15 - 30 years	31 - 45 years	46 - 59 years	60 years and above
33,215 (3.3%)	190,944 (18.8%)	326,968 (32.3%)	461,866 (45.6%)

ETHNIC GROUPS (PERSONS)

Bumiputera	Indian	Chinese	Others
888,752 (88.4%)	10,589 (1.1%)	97,605 (9.7%)	8,370 (0.8%)

Note: Malaysian only

MARITAL STATUS (PERSONS)

Never Married	Married	Divorced / Separated	Widow / Widower
107,211 (10.7%)	766,299 (76.3%)	12,892 (1.3%)	118,554 (11.8%)

No Information: 8,037

HIGHEST CERTIFICATE ATTAINED (PERSONS)

Tertiary	Secondary	Primary	No Certificate
77,929 (7.7%)	376,515 (37.2%)	263,323 (26.0%)	274,782 (27.1%)

No Information: 20,444

KEY PARAMETERS OF THE AGRICULTURE SECTOR, MALAYSIA, 2023

	Agricultural Holding	Planted Area (Ha)	Harvest Area (Ha)	Production Quantity (mt)	Sales Quantity (mt)	Sales Value (RM million)
Total	1,034,182	7,540,319.8	6,674,308.2	102,929,762.3	102,046,911.1	116,711.19
Individual	1,012,993 (98.0%)	2,337,115.3 (31.0%)	2,172,787.7 (32.6%)	19,106,684.7 (18.6%)	18,326,017.6 (17.8%)	31,753.90 (27.2%)
Establishment	21,189 (2.0%)	5,203,204.5 (69.0%)	4,501,520.5 (67.4%)	83,823,077.6 (81.4%)	83,720,893.5 (81.3%)	84,957.29 (72.8%)

Source: Agriculture Census 2024

MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

INCOME AND EXPENDITURE AGRICULTURE SECTOR, MALAYSIA, 2023


INCOME (RM million)

Total	Individual	Establishment
RM186,433.27	RM50,378.04 (27.0%)	RM136,055.23 (73.0%)

EXPENDITURE (RM million)

Total	Individual	Establishment
RM67,890.66	RM18,713.72 (27.6%)	RM49,176.94 (72.4%)

INCOME AND EXPENDITURE BY STATE (RM MILLION)



Note: The map is not to scale

Source: Agriculture Census 2024

MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MAIN PARAMETER OF EMPLOYMENT AND SALARIES & WAGES AGRICULTURE SECTOR, MALAYSIA, 2023

Employment in the agriculture sector reached 1,735,469 persons in 2023, and annual salaries & wages amounted to RM18,003.10 million.



1,735,469

RM18,003.10



1,186,282

RM7,257.96



549,187

RM10,745.14

Employment (persons) | Salaries & Wages (million) | Total | Individuals | Establishments

Employment of Agriculture Sector

The number of paid employees in 2023 was 887,274 person receiving an annual mean salaries and wages of RM20,290.

TOTAL EMPLOYMENT
1,735,469 (100%)

Working Proprietor and Active Business Partners
780,329 (45.0%)

Unpaid Family Workers
67,866 (3.9%)

Paid Employees
887,274 (51.1%)

Annual Mean Salaries and Wages
RM20,290

Employment and Annual Mean Salaries & Wages by State

Sarawak, Sabah, Johor, Perak and Pahang accounted for 71.3 per cent of national employment in the Agriculture sector. Pulau Pinang, W.P Kuala Lumpur, Melaka, Kedah and Selangor were the five states that recorded the highest annual mean salaries & wages.

1,735,469	210,575	121,924	80,256	19,542	53,196	193,216	28,219	194,316
RM20,290	RM21,315	RM22,720	RM18,507	RM23,226	RM19,747	RM20,987	RM23,691	RM19,750


24,224	70,058	97,114	281,116	358,803	276	2,454	180	
RM17,467	RM21,534	RM17,373	RM20,475	RM19,122	RM23,236	RM19,623	RM13,196	

Employment (persons) | Mean Salaries & Wages

Source: Agriculture Census 2024

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

MAIN PARAMETER OF EMPLOYMENT IN AGRICULTURE SECTOR, MALAYSIA, 2023



Source: Agriculture Census 2024

Note: The total employment refers to the number of individuals involved in agriculture activities. However, this total does not represent the sum of employment across all agriculture activities, as an individual may be engaged in more than one type of activity simultaneously.


MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

HIGHLIGHTS OF AGRICULTURE SECTOR, KELANTAN, 2023

AGRICULTURAL HOLDINGS PROFILE



99.5 % (87,597) are Individual Agricultural Holdings



50.3% (183,531.4 hectares) of the planted area was recorded by **Individual Agricultural Holdings**

50.8% (162,183.9 hectares) of the harvested area was recorded by **Individual Agricultural Holdings**

75.7% (1,706,374.0 tonne) of the total production was sold

42.0% (RM3,297,582,244) of the income was contributed by **Individual Agricultural Holdings**

77.0% (2,719,884.4 tonne) of production quantity led by **Establishment Agricultural Holdings**

3,530,601.8 tonnes

Kelantan contributed **3.4%** (3,530,601.8 tonnes) to Malaysia's total production.

43.5% (RM1,193,655,934) of the expenditure was contributed by **Individual Agricultural Holdings**

Source: Agriculture Census 2024

Legend:
Individual Agriculture Holding | Planted Area | Harvested Area | Production Quantity | Sales Quantity | Sales Value | Income | Expenditure

MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

AGRICULTURAL HOLDINGS PROFILE AND KEY PARAMETERS AGRICULTURE SECTOR, KELANTAN, 2023

AGRICULTURE HOLDING

Total	Individual	Establishment
88,039	87,597	442

CITIZENSHIP (PERSONS)

Malaysian	Non-Malaysian
87,496 (99.9%))	101 (0.1%)

SEX (PERSONS)

Male	Female
57,680 (65.8%)	29,917 (34.2%)

AGE GROUP (PERSONS)

15 - 30 years	46 - 59 years	31 - 45 years	60 years and above
2,376 (2.7%)	28,240 (32.2%)	14,370 (16.4%)	42,611 (48.6%)

ETHNIC GROUPS (PERSONS)

Bumiputera	Indian	Chinese	Others
84,587 (96.7%)	126 (0.1%)	1,979 (2.3%)	804 (0.9%)

Note: Malaysian only

MARITAL STATUS (PERSONS)

Never Married	Married	Divorced / Separated	Widow / Widower
8,489 (9.7%)	67,830 (77.5%)	655 (0.8%)	10,548 (12.1%)

No Information: 75

HIGHEST CERTIFICATE ATTAINED (PERSONS)

Tertiary	Primary	Secondary	No Certificate
7,802 (9.3%)	20,631 (23.6%)	39,502 (47.0%)	19,494 (22.3%)

No Information: 168

KEY PARAMETERS OF THE AGRICULTURAL SECTOR, KELANTAN, 2023

	Agricultural Holding	Planted Area (Ha)	Harvested Area (Ha)	Production Quantity (mt)	Sales Quantity (mt)	Sales Value (RM million)
Total	88,039	364,804	318,984	3,530,602	3,459,043	7,039.81
Individual	87,597 (99.5%)	183,531 (50.3%)	162,184 (50.8%)	810,717 (23.0%)	744,541 (21.5%)	2,946.64 (41.9%)
Establishment	442 (0.5%)	181,272 (49.7%)	156,800 (49.2%)	2,719,884 (77.0%)	2,714,502 (78.5%)	4,093.17 (58.1%)

Source: Agriculture Census 2024

MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

INCOME AND EXPENDITURE AGRICULTURE SECTOR, KELANTAN, 2023

INCOME (RM million)

Total
RM7,844.35

Individual
RM3,297.58 (42.0%)

Establishment
RM4,546.77 (58.0%)


EXPENDITURE (RM million)

Total
RM2,745.57

Individual
RM1,193.66 (43.5%)

Establishment
RM1,551.91 (56.5%)

INCOME AND EXPENDITURE BY STATE (RM MILLION)



Tumpat
RM293.02
RM110.03

Kota Bharu
RM394.73
RM155.84

Bachok
RM676.71
RM261.98

Pasir Mas
RM294.73
RM89.87

Pasir Puteh
RM396.36
RM150.25

Tanah Merah
RM421.99
RM141.27

Machang
RM270.30
RM99.30

Jeli
RM645.28
RM209.02

Kuala Krai
RM1,075.27
RM417.56

Kecil Lojing
RM839.69
RM312.03

Gua Musang
RM2,536.27
RM798.40

Income (RM million)
Expenditure (RM million)

Note: Map is not to scale

Source: Agriculture Census 2024

MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MAIN PARAMETER OF EMPLOYMENT AND SALARIES & WAGES AGRICULTURE SECTOR, KELANTAN, 2023

Employment in the agriculture sector reached 80,256 persons in 2023, and annual salaries & wages amounted to RM712.37 million.



Total		Individuals		Establishments	
80,256	RM712.37	61,167	RM387.96	19,089	RM324.42

Employment of Agriculture Sector

The number of paid employees in 2023 was 38,492 person receiving an annual mean salaries and wages of RM18,507.

TOTAL EMPLOYMENT	80,256	(100%)
Working Proprietor and Active Business Partners	37,799	(47.1%)
Unpaid Family Workers	3,965	(4.9%)
Paid Employees	38,492	(48.0%)
Annual Mean Salaries and Wages	RM18,507	

Employment and Annual Mean Salaries & Wages by Districts

Bachok, Gua Musang, Kota Bharu, Pasir Puteh and Tumpat accounted for 70.0 per cent of national employment in the Agriculture sector. Kecil Lojing, Pasir Puteh, Kota Bharu, Kuala Krai and Tumpat were the five districts that recorded the highest annual mean salaries & wages.


80,256	18,038	8,817	2,788	4,905	7,009
RM18,507	RM17,762	RM20,518	17,335	RM17,852	RM21,430
5,228	6,544	15,733	5,882	3,766	1,546
RM18,842	RM19,515	RM17,281	RM19,596	RM18,146	RM22,015

Employment (persons) | Mean Salaries & Wages

Source: Agriculture Census 2024

MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MAIN PARAMETER OF EMPLOYMENT IN AGRICULTURE SECTOR, KELANTAN, 2023



Source: Agriculture Census 2024

Note: The total employment refers to the number of individuals involved in agriculture activities. However, this total does not represent the sum of employment across all agriculture activities, as an individual may be engaged in more than one type of activity simultaneously.

@StatsMalaysia
BANCI EKONOMI 2026 DATA PEMANGKIN EKONOMI NEGARA
MALAYSIA MADANI kemampanan
ODIN 2024-2026 OPEN DATA INVENTORY MALAYSIA NUMBER ONE IN THE WORLD
20 October
SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS MALAYSIA 2016 - 2030











PENEMUAN UTAMA

25 Pengenalan

25 Latar Belakang

27 Profil Pegangan Pertanian

31 Keluasan Bertanam

31 Keluasan Bertuai

32 Kuantiti Pengeluaran

36 Kuantiti dan Nilai Jualan

40 Pendapatan

44 Perbelanjaan

47 Guna Tenaga

53 Gaji & Upah

56 Aktiviti Sektor Pertanian mengikut Daerah Pentadbiran

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

1.0 PENGENALAN

Laporan Banci Pertanian 2024 membentangkan penemuan menyeluruh bagi sektor pertanian Negeri Kelantan, merangkumi profil pegangan pertanian dengan aspek sosio-demografi pengusaha dan pertubuhan serta parameter utama iaitu Pegangan Pertanian, Keluasan Bertanam, Keluasan Bertuai, Kuantiti Pengeluaran, Kuantiti Jualan dan Nilai Jualan dengan tambahan tiga (3) parameter baharu iaitu Pendapatan, Perbelanjaan, Pekerja dan Gaji & Upah bagi memberikan gambaran komprehensif tentang struktur ekonomi dalam sektor pertanian Negeri Kelantan.

2.0 LATAR BELAKANG

Banci Pertanian 2024 yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) merupakan aktiviti pengumpulan data yang dijalankan ke atas semua pertubuhan dan isi rumah yang menjalankan aktiviti pertanian meliputi tanaman, ternakan, perikanan dan perhutanan & pembalakan. Banci Pertanian 2024 adalah banci yang keempat dilaksanakan semenjak penubuhan Malaysia pada tahun 1963. Pelaksanaan Banci Pertanian 2024 adalah di bawah peruntukan yang terkandung dalam Akta Banci 1960 (disemak 1969). Tempoh pembancian bermula dari Julai sehingga Oktober 2024.

Banci Pertanian ini penting bagi tujuan perancangan dan pembangunan negara. Ianya juga digunakan sebagai penanda aras baharu dalam penyediaan indikator pertanian bagi tujuan perancangan industri pertanian di Malaysia. Penemuan banci ini dapat menilai kedudukan sektor pertanian dan bagaimana ia dapat menyokong Agenda Pembangunan Mampan 2030. Dengan adanya data yang lengkap dan terkini, kerajaan serta pihak berkepentingan dapat membuat keputusan yang lebih tepat dalam merangka pelan dasar dan strategi pembangunan sektor pertanian dengan lebih berkesan.

Secara umum, sektor pertanian di Malaysia merangkumi pelbagai aktiviti di bawah subsektor tanaman makanan & komoditi, perikanan & akuakultur, penternakan dan perhutanan & pembalakan. Sektor pertanian juga menjadi sumber pendapatan utama bagi kebanyakan penduduk luar bandar dan menyediakan peluang pekerjaan serta pembangunan komuniti. Selain itu, subsektor tanaman makanan seperti padi, sayur-sayuran dan buah-buahan turut memainkan peranan penting dalam memenuhi

keperluan domestik. Dalam subsektor perikanan, industri akuakultur semakin berkembang bagi menampung permintaan yang meningkat terhadap sumber protein.

Penternakan pula memberi sumbangan besar dalam pengeluaran daging, telur, susu dan produk ternakan lain. Kerajaan telah memperkenalkan pelbagai dasar dan inisiatif bagi menyokong pertumbuhan sektor pertanian, antaranya Dasar Agromakanan Negara 2.0 bagi tempoh 2021-2030 dan pelbagai program transformasi pertanian. Langkah-langkah ini bertujuan untuk meningkatkan daya saing sektor pertanian, memperkenalkan teknologi moden serta menggalakkan amalan pertanian lestari yang mampu menjamin kelangsungan sumber semula jadi.

Sektor pertanian memainkan peranan penting dalam ekonomi Malaysia dengan menyumbang kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), menyediakan peluang pekerjaan dan menggalakkan eksport produk pertanian. Kepentingan sektor ini bukan sahaja terletak pada pengeluaran makanan, tetapi juga dalam memastikan keterjaminan sumber makanan negara, keseimbangan sosial serta pembangunan luar bandar yang lebih inklusif. Oleh itu, pemantauan dan penilaian melalui Banci Pertanian adalah penting bagi memastikan sektor ini terus berkembang dan memberi manfaat kepada rakyat serta negara secara keseluruhan.

2.1 LATAR BELAKANG SOSIOEKONOMI KELANTAN

Di negeri Kelantan, Banci Pertanian 2024 telah melibatkan sejumlah 87,597 Tempat Kediaman dan 442 pertubuhan berdaftar. Kelantan terletak di timur laut Semenanjung Malaysia, serta berhadapan dengan Laut China Selatan dan bersempadan dengan wilayah Narathiwat, Thailand. Berkeluasan 15,036 kilometer persegi dengan kepadatan penduduk 124 orang per kilometer persegi. Kelantan mempunyai 11 daerah dan jumlah penduduk Kelantan pada tahun 2023 mencecah bilangan 1,859.8 ribu orang dimana penduduk lelaki berjumlah 943 ribu orang berbanding 925.8 ribu orang penduduk perempuan. Kadar pertumbuhan tahunan direkodkan pada nilai 1.6 peratus. Pada tahun 2023, tenaga buruh di Kelantan meningkat sebanyak 4.1 peratus berbanding tahun sebelumnya (2022: 2.1%). Sejumlah 685.3 ribu orang tenaga buruh direkodkan pada tahun 2023 berbanding 658.0 ribu orang pada tahun 2022. Dalam tempoh yang sama, bilangan penduduk bekerja meningkat kepada 661.1 ribu orang pada tahun 2023 daripada 634.4 ribu orang pada tahun 2022.

3.0 PARAMETER SEKTOR PERTANIAN, KELANTAN

3.1 PROFIL PEGANGAN PERTANIAN

Hasil dapatan Banci Pertanian 2024 menunjukkan 88,039 pegangan pertanian direkodkan pada tahun 2023, merangkumi 87,597 pegangan pertanian individu (99.5%) dan 442 pegangan pertanian pertubuhan (0.5%). Pasir Mas mempunyai bilangan pegangan pertanian tertinggi iaitu 16,169 (18.4%), diikuti oleh Kuala Krai (11,480;13.0%) dan Tanah Merah (10,810;12.3%).

Paparan 1: Pegangan Pertanian, mengikut Daerah Pentadbiran, Kelantan, 2023

KELANTAN


Jumlah	Individu	Pertubuhan
88,039	**87,597**	**442**

Individu	Daerah	Jumlah	Pertubuhan
10,019	Bachok	**10,031**	12
7,893	Kota Bharu	**7,969**	76
7,389	Machang	**7,412**	23
16,155	Pasir Mas	**16,16**	14
5,913	Pasir Puteh	**5,946**	33
10,781	Tanah Merah	**10,81**	29
3,960	Tumpat	**3,978**	18
7,448	Gua Musang	**7,595**	147
11,421	Kuala Krai	**11,48**	59
5,405	Jeli	**5,426**	21
1,213	Kecil Lojing	**1,223**	10

3.1.1 Kewarganegaraan

Daripada 87,496 pegangan pertanian individu di Kelantan, seramai 87,496 orang atau 99.9 peratus merupakan warganegara, manakala seramai 101 orang (0.1%) lagi terdiri daripada bukan warganegara.

Paparan 2: Pegangan Pertanian Individu mengikut Kewarganegaraan, Kelantan, 2023



Warganegara

87,496
(99.9%)




Bukan Warganegara

101
(0.1%)

3.1.2 Jantina

Pegangan pertanian individu di Kelantan didominasi oleh lelaki iaitu seramai 57,680 orang (65.8%) berbanding 29,917 perempuan (34.2%). Semua daerah merekodkan bilangan pegangan pertanian individu lelaki yang lebih tinggi berbanding perempuan.


Paparan 3: Pegangan Pertanian Individu mengikut Jantina, Kelantan, 2023



3.1.3 Kumpulan Umur

Seramai 42,611 orang atau 48.6 peratus daripada pegangan pertanian individu adalah berumur 60 tahun dan ke atas, diikuti oleh individu yang berumur 46 hingga 59 tahun seramai 28,240 orang (32.2%), 31 hingga 45 tahun seramai 14,370 orang (16.4%) dan 15 hingga 30 tahun seramai 2,376 orang (2.7%).

Paparan 4: Pegangan Pertanian Individu mengikut Kumpulan Umur, Kelantan, 2023




Nota: Penjumlahan peratusan ≠ 100% kerana tiada maklumat.

3.1.4 Kumpulan Etnik

Majoriti pegangan pertanian individu adalah etnik Bumiputera dengan bilangan seramai 84,587 orang (96.7%), diikuti oleh Cina seramai 1,979 orang (2.3%), lain-lain 804 orang (0.9%) dan India seramai 126 orang (0.1%).


Paparan 5: Pegangan Pertanian Individu mengikut Kumpulan Etnik, Kelantan, 2023



3.1.5 Taraf Perkahwinan

Majoriti pegangan pertanian individu terdiri daripada mereka yang telah berkahwin seramai 67,830 orang (77.4%), diikuti oleh balu/ duda seramai 10,548 orang (12.0%), tidak pernah berkahwin seramai 8,489 orang (9.7%) dan bercerai/ berpisah seramai 655 orang (0.8%).

Paparan 6: Pegangan Pertanian Individu mengikut Taraf Perkahwinan, Kelantan, 2023




Nota: Penjumlahan peratusan ≠ 100% kerana tiada maklumat.

3.1.6 Sijil Tertinggi Diperoleh

Seramai 39,502 orang atau 45.1 peratus pegangan pertanian individu mempunyai sijil pendidikan peringkat Menengah, diikuti oleh peringkat Rendah seramai 20,631 orang (23.6%) dan Tiada Sijil seramai 19,494 orang (22.3%). Pegangan pertanian individu yang mempunyai pendidikan peringkat Tertiari pula berjumlah seramai 7,802 orang (8.9%).

Paparan 7: Pegangan Pertanian Individu mengikut Sijil Tertinggi Diperoleh, Kelantan, 2023




Nota: Penjumlahan peratusan ≠ 100% kerana tiada maklumat.

3.2 KELUASAN BERTANAM

Jumlah keluasan bertanam pada tahun 2023 adalah seluas 364,803.8 hektar. Daripada jumlah tersebut, seluas 183,531.4 hektar (50.3%) diusahakan oleh pegangan pertanian individu, manakala seluas 181,272.4 hektar (49.7%) oleh pegangan pertanian pertubuhan. Gua Musang mencatatkan jumlah keluasan bertanam terbesar iaitu seluas 142,071.6 hektar, diikuti oleh Kuala Krai (49,052.2 hektar) dan Tanah Merah (30,809.2 hektar).


Paparan 8: Keluasan Bertanam mengikut Pegangan Pertanian, Kelantan, 2023



3.3 KELUASAN BERTUAI

Jumlah keluasan bertuai merekodkan sebanyak 318,984.3 hektar. Daripada jumlah tersebut, keluasan bertuai bagi pegangan pertanian individu adalah seluas 162,183.9 hektar (50.8%), manakala keluasan bertuai bagi pertubuhan adalah seluas 156,800.4 hektar (49.2%). Gua Musang mencatatkan jumlah keluasan bertuai terbesar iaitu seluas 122,930.2 hektar, diikuti oleh Kuala Krai (45,268.8 hektar) dan Tanah Merah (27,230.5 hektar).

Paparan 9: Keluasan Bertuai mengikut Pegangan Pertanian, Kelantan, 2023




3.4 KUANTITI PENGELUARAN

3.4.1 Subsektor Tanaman

Kuantiti pengeluaran bagi subsektor tanaman pada tahun 2023 mencatatkan sebanyak 3,477,778.9 tan metrik. Pegangan pertanian individu mencatatkan 763,234.9 tan metrik (21.9%) pengeluaran, manakala pegangan pertanian pertubuhan merekodkan sebanyak 2,714,544.0 tan metrik (78.1%). Tanaman kelapa sawit merekodkan kuantiti pengeluaran tertinggi sebanyak 2,656,061.4 tan metrik, diikuti oleh padi (264,713.3 tan metrik) dan buah-buahan (199,766.9 tan metrik). Gua Musang mencatatkan kuantiti pengeluaran tanaman tertinggi iaitu 2,026,571.9 tan metrik, menyumbang (58.3%) kepada pengeluaran tanaman di Kelantan.



Paparan 10: Kuantiti Pengeluaran Subsektor Tanaman, Kelantan, 2023




3.4.2 Subsektor Ternakan

Kuantiti pengeluaran bagi aktiviti ternakan hidup adalah sebanyak 13,562,238 ekor. Bagi tahun 2023, Kuala Krai merekodkan kuantiti pengeluaran ternakan hidup tertinggi dengan jumlah sebanyak 4,507,594 ekor atau 33.2 peratus kepada pengeluaran ternakan hidup di Kelantan, diikuti oleh Jeli (2,444,799 ekor) dan Gua Musang (2,280,476 ekor). Ketiga-tiga daerah ini menyumbangkan 68.1 peratus kepada pengeluaran ternakan hidup di Kelantan. Bagi hasilan ternakan pula, penghasilan telur adalah sebanyak 2,394,612 biji dengan pegangan pertanian individu yang menyumbang sebanyak 91.2 peratus berbanding 8.8 peratus oleh pegangan pertanian pertubuhan. Pasir Mas, Kuala Krai dan Kota Bharu merupakan tiga (3) daerah teratas yang menyumbang kepada pengeluaran telur iaitu masing-masing 638,796 biji, 458,360 biji dan 421,051 biji. Selain itu, sebanyak 483,791.6 liter susu segar telah dihasilkan bagi tahun 2023 dengan pegangan pertanian individu yang menyumbangkan 78.2 peratus (378,451.6 liter) berbanding 21.8 peratus (105,340 liter) bagi pegangan pertanian pertubuhan. Kota Bharu direkodkan sebagai daerah pengeluar tertinggi susu segar iaitu sebanyak 265,910 liter. Sementara itu, kuantiti pengeluaran bagi lain-lain hasilan ternakan adalah sebanyak 15,790.4 kilogram dengan menjadikan Kota Bharu sebagai daerah yang mencatatkan kuantiti pengeluaran tertinggi iaitu sebanyak 4,249 kilogram, diikuti oleh Tanah Merah (3,500.4 kilogram) dan Pasir Puteh (2,109 kilogram).




Paparan 11: Kuantiti Pengeluaran Subsektor Ternakan, Kelantan, 2023



3.4.3 Subsektor Perikanan Tangkapan

Subsektor perikanan tangkapan mencatatkan jumlah pengeluaran 46,725.1 tan metrik dengan individu mencatatkan pengeluaran 42,073.3 tan metrik (90.0%) diikuti pertubuhan 4,651.8 tan metrik (10.0%). Bachok merekodkan kuantiti pengeluaran tertinggi dengan jumlah sebanyak 14,577.8 tan metrik, diikuti oleh Pasir Puteh (13,392.0 tan metrik) dan Tumpat (9,968.40 tan metrik).

Paparan 12: Kuantiti Pengeluaran Subsektor Perikanan Tangkapan, Kelantan, 2023




3.4.4 Subsektor Akuakultur

Subsektor akuakultur merekodkan kuantiti pengeluaran 6010.3 tan metrik, yang meliputi aktiviti air tawar dan air payau. Manakala bagi baka & benih dan ikan hiasan pula, kuantiti pengeluaran adalah 14,346,477 ekor. Pegangan Pertanian individu merekodkan 5,325.2 tan metrik (88.6%) manakala, 685.1 tan metrik (11.4%) direkodkan oleh pegangan pertanian pertubuhan. Kuantiti pengeluaran bagi ekor pula, pegangan pertanian pertubuhan mencatatkan sebanyak 7,631,983 ekor (53.2%) manakala pegangan pertanian individu mencatatkan 6,714,494 ekor (46.8%). Kuantiti pengeluaran akuakultur tertinggi dicatatkan oleh daerah Pasir Puteh, dengan jumlah pengeluaran 1,087.4 tan metrik, diikuti oleh Kota Bharu (987.2 tan metrik) dan Bachok (880.1 tan metrik). Manakala bagi baka & benih dan ikan hiasan pula, kuantiti pengeluaran bagi Jajahan Kuala Krai merekodkan pengeluaran tertinggi 5,916,055 ekor, diikuti oleh Tanah Merah (2,550,412 ekor) dan Tumpat (2,407,088 ekor).

.




Paparan 13: Kuantiti Pengeluaran Subsektor Akuakultur, Kelantan, 2023



3.4.5 Subsektor Perhutanan & Pembalakan

Kuantiti pengeluaran bagi aktiviti pembalakan adalah 679,085 meter padu. Daripada jumlah tersebut, pegangan pertanian pertubuhan menghasilkan 677,918 meter padu (99.8%), manakala pegangan pertanian individu sebanyak 1,167 meter padu (0.2%). Kuala Krai mencatatkan kuantiti pengeluaran kayu tertinggi iaitu 527,224 meter padu, diikuti oleh Gua Musang (120,887 meter padu) dan Kota Bharu (22,205 meter padu). Kuantiti pengeluaran bagi hasil hutan bukan kayu pula direkodkan sebanyak 71,624 kilogram yang dinominasi oleh pegangan pertanian individu. Gua Musang mengeluarkan hasil hutan bukan kayu yang tertinggi iaitu 21,194 kilogram, manakala Kecil Lojing dan Pasir Puteh pula masing-masing 19,271 kilogram dan 12,576 kilogram.

Paparan 14: Kuantiti Pengeluaran Subsektor Perhutanan & Pembalakan, Kelantan, 2023



1. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.
2. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambilkira pengeluaran kayu balak sahaja.


3.5 KUANTITI DAN NILAI JUALAN

3.5.1 Subsektor Tanaman

Secara keseluruhannya, kuantiti jualan bagi subsektor tanaman pada tahun 2023 mencatatkan sebanyak 3,407,039.2 tan metrik dengan nilai jualan RM5.90 bilion. Pegangan pertanian individu mencatatkan kuantiti jualan 697,825.9 tan metrik (20.5%) manakala pegangan pertanian pertubuhan mencatatkan kuantiti jualan sebanyak 2,709,213.3 tan metrik (79.5%) dengan nilai jualan masing-masing RM 2.32 bilion dan

RM3.58 bilion. Kuantiti jualan tertinggi direkodkan oleh kelapa sawit iaitu sebanyak 2,656,061.4 tan metrik. Ini diikuti oleh padi dan sayur-sayuran dengan kuantiti jualan masing-masing sebanyak 247,830.4 tan metrik dan 189,055.6 tan metrik. Gua Musang mencatatkan kuantiti jualan keseluruhan tanaman tertinggi pada tahun 2023 iaitu sebanyak 2,021,293.3 tan metrik diikuti oleh Kuala Krai (331,110.3 tan metrik) dan Tanah Merah (259,300.5 tan metrik). Daerah yang mencatatkan nilai jualan teratas bagi subsektor ini adalah Gua Musang iaitu RM2.17 bilion diikuti Kecil Lojing (RM714.77 juta) dan Kuala Krai (RM684.42 juta).


Paparan 15: Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Tanaman, Kelantan, 2023



3.5.2 Subsektor Ternakan

Banci Pertanian 2024 merekodkan 1,891,842 biji telur dan 13,014,741 ekor haiwan hidup telah dijual. Jumlah susu segar yang dijual pula adalah 417,452.6 liter. Manakala, bagi lain-lain hasilan ternakan, kuantiti jualan adalah 14,149.4 kilogram. Kuala Krai mencatatkan kuantiti jualan yang tertinggi bagi ternakan hidup sebanyak 4,282,895 ekor dan Pasir Mas merekodkan jualan telur tertinggi iaitu sebanyak 535,331 biji. Sementara itu, Kota Bharu merekodkan kuantiti jualan bagi susu segar dan lain-lain hasilan ternakan teratas iaitu 247,430 liter dan 3,129 kilogram. Nilai jualan bagi subsektor ternakan adalah RM278.49 juta. Pegangan pertanian pertubuhan menyumbang sebanyak RM149.34 juta (53.6%) dan selebihnya oleh pegangan pertanian individu iaitu RM129.15 juta (46.4%). Kuala Krai mencatatkan nilai jualan teratas iaitu RM57.99 juta diikuti Bachok (RM45.95 juta) dan Jeli (RM39.78 juta).


Paparan 16: Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Ternakan, Kelantan, 2023



3.5.3 Subsektor Perikanan

Keseluruhan kuantiti jualan subsektor perikanan tangkapan di Kelantan adalah 46,593.2 tan metrik dengan nilai jualan RM504.83 juta. Pegangan pertanian individu mencatatkan kuantiti jualan 41,941.5 tan metrik (90.0%) manakala pegangan pertanian pertubuhan adalah 4,651.7 tan metrik (10.0%) dengan nilai jualan masing-masing RM449.19 juta dan RM55.63 juta. Bachok mencatatkan kuantiti jualan yang teratas iaitu 14,485.8 tan metrik, diikuti oleh Pasir Puteh (13,392.0 tan metrik) dan Tumpat (9,945.2 tan metrik) dengan nilai jualan masing-masing adalah RM159.15 juta, RM145.76 juta dan RM100.08 juta.


Paparan 17: Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Perikanan Tangkapan, Kelantan, 2023



3.5.4 Subsektor Akuakultur

Subsektor akuakultur merekodkan kuantiti jualan 5,325.8 tan metrik dengan nilai jualan RM58.22 juta merangkumi aktiviti akuakultur air tawar dan air payau di Kelantan. Pasir Puteh merekodkan kuantiti jualan tertinggi iaitu sebanyak 1,060.6 tan metrik, diikuti oleh Kota Bharu (904.7 tan metrik) dan Bachok (643.7 tan metrik). Sementara itu, kuantiti jualan bagi baka & benih dan ikan hiasan adalah sebanyak 13,632,237 ekor. Tiga Jajahan yang mencatatkan kuantiti jualan tertinggi bagi baka & benih dan ikan hiasan adalah Kuala Krai (5,312,166 ekor), diikuti oleh Tanah Merah (2,537,892 ekor) dan Tumpat (2,406,596 ekor). Daerah yang mencatatkan nilai jualan tertinggi ialah Pasir Puteh dengan catatan sebanyak RM14.60 juta diikuti dengan Kota Bharu mencatatkan nilai RM8.02 juta dan Tumpat RM7.09 juta.

Paparan 18: Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Akuakultur, Kelantan, 2023




3.5.5 Subsektor Perhutanan & Pembalakan

Kuantiti jualan bagi aktiviti pembalakan adalah sebanyak 679,084.9 meter padu. Daripada jumlah tersebut, kuantiti jualan bagi pegangan pertanian pertubuhan adalah sebanyak 677,917.9 meter padu (99.8%) dan pegangan individu sebanyak 1,167 meter padu (0.2%). Tiga (3) daerah teratas yang menyumbang kuantiti jualan tertinggi bagi aktiviti pembalakan adalah Kuala Krai sebanyak 527,224 meter padu, Gua Musang (120,887.0 meter padu) dan Kota Bharu (22,205.0 meter padu). Kuantiti jualan bagi hasil hutan bukan kayu pula direkodkan sebanyak

71,106.1 kilogram. Secara keseluruhannya, sumbangan ini adalah 100 peratus direkodkan oleh pegangan pertanian individu. Daripada jumlah tersebut, Gua Musang mencatat sebagai jajahan kuantiti jualan tertinggi iaitu sebanyak 20,987.7 kilogram, manakala Kecil Lojing dan Pasir Puteh masing-masing 19,271.0 kilogram dan 12,576.0 kilogram.

Subsektor perhutanan & pembalakan merekodkan nilai jualan RM301.14 juta. Pegangan pertanian pertubuhan menyumbang RM299.87 juta (99.6%) dan selebihnya oleh pegangan pertanian individu iaitu RM1.27 juta (0.4%). Jajahan yang mencatatkan nilai jualan teratas ialah Kuala Krai dengan catatan RM208.47 juta diikuti Gua Musang (RM79.72 juta) dan Kota Bharu (RM9.71 juta).

Paparan 19: Kuantiti Jualan Subsektor Perhutanan & Pembalakan, Kelantan, 2023




1. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.
2. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/ arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambilkira pengeluaran kayu balak sahaja.

3.7 PENDAPATAN

Jumlah pendapatan sektor pertanian pada tahun 2023 adalah sebanyak RM7.84 bilion. Daripada jumlah ini, sebanyak RM4.55 bilion (58.0%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan, manakala baki sebanyak RM3.30 bilion (42.0%) merupakan pegangan pertanian individu. Gua Musang mencatatkan pendapatan tertinggi iaitu sebanyak RM2.54 bilion diikuti Kuala Krai (RM1.08 bilion) dan Kecil Lojing (RM839.69 bilion).


Paparan 25: Pendapatan Sektor Pertanian, Kelantan, 2022



3.7.1 Subsektor Tanaman

Bagi pendapatan, subsektor tanaman merekodkan sebanyak RM6.65 bilion. Daripada jumlah pendapatan subsektor tanaman ini, pegangan pertanian pertubuhan menyumbang sebanyak RM4.00 bilion (60.1%), manakala pegangan pertanian individu menyumbang sebanyak RM2.66 bilion (39.9%). Jumlah pendapatan subsektor tanaman didominasi oleh tiga daerah teratas iaitu Gua Musang (RM2.42 bilion), Kecil Lojing (RM839.30 juta) dan Kuala Krai (RM791.63 juta).

Paparan 26: Pendapatan Subsektor Tanaman, Kelantan, 2023



3.7.2 Subsektor Ternakan

Pendapatan daripada aktiviti ternakan pada 2023 berjumlah RM319.82 juta dengan pegangan pertanian pertubuhan iaitu sebanyak RM179.28 juta (56.1%) berbanding pegangan pertanian individu merekodkan jumlah pendapatan sebanyak RM140.54 juta (43.9%). Kuala Krai mencatatkan jumlah pendapatan teratas iaitu sebanyak RM66.96 juta diikuti oleh Kota Bharu dan Bachok dengan masing masing berjumlah RM50.23 juta dan RM49.62 juta.




Paparan 27: Pendapatan Subsektor Ternakan, Kelantan, 2023



3.7.3 Subsektor Perikanan Tangkapan

Pendapatan keseluruhan bagi subsektor perikanan tangkapan di Kelantan adalah RM509.43 juta. Pegangan pertanian individu mencatatkan jumlah pendapatan sebanyak RM453.70 juta (89.1%), manakala pegangan pertanian pertubuhan merekodkan sebanyak RM55.73 juta (10.9%). Daerah Bachok merekodkan pendapatan tertinggi bagi subsektor perikanan tangkapan dengan nilai sebanyak RM160.60 juta, dikuti oleh Pasir Puteh iaitu (RM146.24 juta) dan Tumpat sebanyak (RM102.04 juta).


Paparan 28: Pendapatan Subsektor Perikanan Tangkapan, Kelantan, 2023



3.7.4 Subsektor Akuakultur

Subsektor akuakultur di Kelantan merekodkan pendapatan sebanyak RM59.23 juta. Pegangan pertanian individu mencatatkan jumlah pendapatan sebanyak RM47.02 juta (79.4%) manakala pegangan pertanian pertubuhan merekodkan sebanyak RM12.20 juta (20.6%). Pasir Puteh mencatatkan pendapatan tertinggi iaitu sebanyak RM14.63 juta diikuti oleh Kota Bharu sebanyak (RM8.02 juta) dan Tumpat (RM7.26 juta).


Paparan 29: Pendapatan Subsektor Akuakultur, Kelantan, 2023



3.7.5 Subsektor Perhutanan & Pembalakan

Pendapatan bagi aktiviti perhutanan & pembalakan adalah RM302.68 juta. Daripada jumlah tersebut, pendapatan daripada pegangan pertanian pertubuhan berjumlah sebanyak RM301.39 juta (99.6%), manakala pegangan pertanian individu menyumbang sebanyak RM1.29 juta (0.4%). Bagi subsektor perhutanan dan pembalakan, rekod sumbangan pendapatan tertinggi adalah daerah Kuala Krai iaitu sebanyak RM209.18 juta diikuti Gua Musang (RM79.72 juta) dan Kota Bharu (RM9.71 juta).

Paparan 30: Pendapatan Subsektor Perhutanan & Pembalakan, Kelantan, 2023



1. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.
2. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/ arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambilkira pengeluaran kayu balak sahaja.

3.8 PERBELANJAAN

Jumlah perbelanjaan sektor pertanian pada tahun 2023 adalah sebanyak RM2.75 bilion. Daripada jumlah ini, sebanyak RM1.55 bilion (56.5%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan, manakala baki sebanyak RM1.19 bilion (43.5%) merupakan pegangan pertanian individu. Gua Musang mencatatkan perbelanjaan tertinggi iaitu sebanyak RM798.40 juta dikuti Kuala Krai (RM417.55 juta) dan Kecil Lojing (RM312.03 juta).

Paparan 31: Perbelanjaan Sektor Pertanian, Kelantan, 2022




3.8.1 Subsektor Tanaman

Bagi perbelanjaan, subsektor tanaman merekodkan sebanyak RM2.17 bilion. Daripada jumlah perbelanjaan subsektor tanaman ini, pegangan pertanian pertubuhan menyumbang sebanyak RM1.26 bilion (58.3%), manakala pegangan pertanian individu menyumbang sebanyak RM902.94 juta (41.7%). Gua Musang mencatatkan perbelanjaan tertinggi iaitu sebanyak RM753.28 juta diikuti oleh Kecil Lojing (RM311.91 juta) dan Kuala Krai (RM251.59 juta).



Paparan 32: Perbelanjaan Subsektor Tanaman, Kelantan, 2023



3.8.2 Subsektor Ternakan

Pada tahun 2023, perbelanjaan yang direkodkan oleh subsektor ternakan adalah sebanyak RM174.96 juta dengan pegangan pertanian pertubuhan menyumbang sebanyak 65.5 peratus kepada jumlah perbelanjaan berbanding 34.5 peratus oleh pegangan pertanian individu. Jumlah perbelanjaan subsektor ternakan didominasi oleh tiga daerah teratas, iaitu Kuala Krai (RM49.59 juta), Kota Bharu (RM33.07 juta) dan Bachok (RM25.86 juta).


Paparan 33: Perbelanjaan Subsektor Ternakan, Kelantan, 2023



3.8.3 Subsektor Perikanan Tangkapan

Rekod perbelanjaan subsektor perikanan tangkapan Kelantan bagi tahun 2023 menunjukkan jumlah perbelanjaan keseluruhan sebanyak RM236.76 juta. Pegangan pertanian individu menyumbang 91.0 peratus kepada jumlah perbelanjaan berbanding 9.0 peratus oleh pegangan pertanian pertubuhan. Daripada jumlah perbelanjaan subsektor ini daerah yang tertinggi iaitu Bachok menyumbang sebanyak RM75.03 juta, diikuti dengan Pasir Puteh RM70.61 juta dan Tumpat RM47.60 juta.


Paparan 34: Perbelanjaan Subsektor Perikanan Tangkapan, Kelantan, 2023



3.8.4 Subsektor Akuakultur

Secara keseluruhan, subsektor akuakultur Kelantan mencatatkan nilai perbelanjaan berjumlah RM18.63 juta, merangkumi aktiviti akuakultur air tawar, air payau, baka & benih dan ikan hiasan. Pegangan pertanian individu menyumbang sebanyak 78.7 peratus kepada jumlah perbelanjaan berbanding 21.3 peratus oleh pegangan pertanian pertubuhan. Daripada jumlah perbelanjaan tersebut Jajahan Pasir Puteh mencatatkan jumlah tertinggi dengan nilai sebanyak RM4.76 juta diikuti dengan Kota Bharu (RM3.05 juta) dan Pasir Mas (RM2.17 juta).


Paparan 35: Perbelanjaan Subsektor Akuakultur, Kelantan, 2023



3.8.5 Subsektor Perhutanan & Pembalakan

Bagi subsektor perhutanan & pembalakan, jumlah perbelanjaan merekodkan sebanyak RM150.12 juta. Daripada jumlah tersebut, pegangan pertanian pertubuhan menyumbang sebanyak RM149.90 juta (99.9%) manakala pegangan pertanian individu mencatatkan sebanyak RM224.10 ribu (0.1%). Kuala Krai mencatatkan perbelanjaan tertinggi iaitu sebanyak RM113.72 juta, diikuti oleh Gua Musang (RM30.54 juta) dan Kota Bharu (RM4.31 juta).

Paparan 36: Perbelanjaan Subsektor Perhutanan & Pembalakan, Kelantan, 2023




1. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.
2. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/ arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambilkira pengeluaran kayu balak sahaja.

3.9 GUNA TENAGA


Jumlah keseluruhan guna tenaga yang terlibat dalam aktiviti pertanian di Kelantan adalah seramai 80,256 orang. Daripada jumlah ini, sebanyak 47.1 peratus merupakan Pemilik & Rakan Niaga yang aktif, iaitu bersamaan 37,799 orang, manakala 38,492 orang atau 48.0 peratus terdiri daripada Pekerja Bergaji. Selebihnya, seramai 3,965 orang adalah Pekerja Keluarga Tanpa Gaji. Tiga daerah utama yang mencatatkan jumlah guna tenaga tertinggi adalah Bachok iaitu seramai 18,038 orang, Gua Musang (15,733 orang) dan Kota Bharu (8,817 orang).

Paparan 37: Guna Tenaga Pertanian, Kelantan, 2023




Dari segi pecahan pegangan pertanian individu, jumlah guna tenaga yang direkodkan adalah seramai 61,167 orang, di mana 60.5 peratus atau 37,004 orang merupakan Pemilik & Rakan Niaga yang aktif, diikuti 20,312 orang atau 33.2 peratus sebagai Pekerja Bergaji, manakala Pekerja Keluarga Tanpa Gaji berjumlah 3,851 orang, iaitu bersamaan 6.3 peratus.

Paparan 38: Guna Tenaga Pertanian, Pegangan Individu, Kelantan, 2023



Bagi pegangan pertanian pertubuhan pula, jumlah guna tenaga adalah seramai 19,089 orang, dengan 18,180 orang atau 95.2 peratus sebagai Pekerja Bergaji diikuti 4.2 peratus atau 795 orang merupakan Pemilik & Rakan Niaga yang aktif manakala Pekerja Keluarga Tanpa Gaji berjumlah 114 orang.

Paparan 39: Guna Tenaga Pertanian, Pegangan Pertubuhan, Kelantan, 2023




3.9.1 Subsektor Tanaman

Guna tenaga bagi subsektor tanaman merekodkan seramai 126,413 orang. Majoriti daripadanya terdiri daripada pemilik dan rakan niaga yang aktif seramai 76,029 orang (60.1%), diikuti oleh pekerja bergaji seramai 41,597 orang (32.9%). Selebihnya, 8,787 orang (7.0%) merupakan pekerja keluarga tanpa gaji.

Bagi pegangan pertanian individu, guna tenaga yang direkodkan seramai 108,793 orang. Kebanyakannya terdiri daripada pemilik dan rakan niaga yang aktif iaitu 75,394 orang (69.3%), diikuti pekerja bergaji iaitu 24,689 orang (22.7%) dan selebihnya pekerja keluarga tanpa gaji iaitu 8,710 orang (8.0%).

Manakala bagi pegangan pertanian pertubuhan, guna tenaga yang direkodkan adalah seramai 17,620 orang. Guna tenaga didominasi oleh pekerja bergaji seramai 16,908 orang (96.0%), diikuti pemilik dan rakan niaga yang aktif iaitu 635 orang (3.6%) serta pekerja keluarga tanpa gaji iaitu 77 orang (0.4%).

Paparan 40: Guna Tenaga Subsektor Tanaman Kelantan, 2023




3.9.2 Subsektor Ternakan

Guna tenaga bagi subsektor ternakan merekodkan seramai 13,222 orang. Majoriti daripadanya terdiri daripada pemilik dan rakan niaga yang aktif seramai 10,834 orang (81.9%), diikuti oleh pekerja bergaji seramai 1,346 orang (10.2%). Selebihnya, 1,042 orang (7.9%) merupakan pekerja keluarga tanpa gaji.

Bagi pegangan pertanian individu, guna tenaga yang direkodkan seramai 12,737 orang. Kebanyakannya terdiri daripada pemilik dan rakan niaga yang aktif iaitu 10,719 orang (84.2%), diikuti pekerja bergaji iaitu 977 orang (7.7%) dan selebihnya pekerja keluarga tanpa gaji iaitu 1,041 orang (8.2%).

Manakala bagi pegangan pertanian pertubuhan, guna tenaga yang direkodkan adalah seramai 485 orang. Guna tenaga didominasi oleh pekerja bergaji seramai 369 orang (76.1%), diikuti pemilik dan rakan niaga yang aktif iaitu 115 orang (23.7%) serta pekerja keluarga tanpa gaji iaitu satu (1) orang (0.2%).

Paparan 41: Guna Tenaga Subsektor Ternakan Kelantan, 2023




3.9.3 Subsektor Perikanan Tangkapan

Guna tenaga bagi subsektor perikanan tangkapan merekodkan seramai 2,941 orang. Majoriti daripadanya terdiri daripada pekerja bergaji seramai 1,468 orang (49.9%), diikuti oleh pemilik dan rakan niaga yang aktif seramai 1,386 orang (47.1%). Selebihnya, 87 orang (3.0%) merupakan pekerja keluarga tanpa gaji.

Bagi pegangan pertanian individu, guna tenaga yang direkodkan adalah seramai 2,767 orang. Kebanyakannya terdiri daripada pemilik dan rakan niaga yang aktif iaitu 1,377 orang (49.8%), diikuti pekerja bergaji iaitu 1,303 orang (47.1%) dan selebihnya pekerja keluarga tanpa gaji iaitu 87 orang (3.1%).

Manakala bagi pegangan pertanian pertubuhan, guna tenaga yang direkodkan adalah seramai 174 orang. Guna tenaga didominasi oleh pekerja bergaji seramai 165 orang (94.8%), diikuti pemilik dan rakan niaga yang aktif iaitu Sembilan (9) orang (5.2%).

Paparan 42: Guna Tenaga Subsektor Perikanan Tangkapan, Kelantan, 2023




3.9.4 Subsektor Akuakultur

Guna tenaga bagi subsektor akuakultur merekodkan seramai 1,821 orang. Majoriti daripadanya terdiri daripada pemilik dan rakan niaga yang aktif seramai 1,117 orang (61.3%), diikuti oleh pekerja bergaji seramai 486 orang (26.7%). Selebihnya, 218 orang (12.0%) merupakan pekerja keluarga tanpa gaji.

Bagi pegangan pertanian individu, guna tenaga yang direkodkan adalah seramai 1,588 orang. Kebanyakannya terdiri daripada pemilik dan rakan niaga yang aktif iaitu 1,006 orang (63.4%), diikuti pekerja bergaji iaitu 388 orang (24.4%) dan selebihnya pekerja keluarga tanpa gaji iaitu 194 orang (12.2%).

Manakala bagi pegangan pertanian pertubuhan, guna tenaga yang direkodkan adalah seramai 233 orang. Guna tenaga didominasi oleh pemilik dan rakan niaga yang aktif seramai 111 orang (47.6%), diikuti pekerja bergaji iaitu 98 orang (42.1%) dan pekerja keluarga tanpa gaji seramai 24 orang (10.3%).

Paparan 43: Guna Tenaga Subsektor Akuakultur Kelantan, 2023




3.9.5 Subsektor Perhutanan & Pembalakan

Guna tenaga bagi subsektor perhutanan & pembalakan merekodkan seramai 1,090 orang. Majoriti daripadanya terdiri daripada pekerja bergaji seramai 844 orang (77.4%), diikuti oleh pemilik dan rakan niaga yang aktif seramai 221 orang (20.3%). Selebihnya, 25 orang (2.3%) merupakan pekerja keluarga tanpa gaji.

Bagi pegangan pertanian individu, guna tenaga yang direkodkan adalah seramai 263 orang. Kebanyakannya terdiri daripada pemilik dan rakan niaga yang aktif iaitu 202 orang (76.8%), diikuti pekerja bergaji iaitu 53 orang (20.2%) dan selebihnya pekerja keluarga tanpa gaji iaitu lapan (8) orang (3.0%).

Manakala bagi pegangan pertanian pertubuhan, guna tenaga yang direkodkan adalah seramai 827 orang. Guna tenaga didominasi oleh pekerja bergaji seramai 791 orang (95.6%), diikuti pemilik dan rakan niaga yang aktif iaitu 19 orang (2.3%) dan pekerja keluarga tanpa gaji seramai 17 orang (2.1%).


Paparan 44: Guna Tenaga Subsektor Perhutanan & Pembalakan Kelantan, 2023



3.10 GAJI & UPAH

Kelantan merekodkan purata gaji dan upah tahunan sebanyak RM18,507.06. Bagi pegangan pertanian individu mencatatkan purata gaji dan upah tahunan sebanyak RM19,100 manakala pegangan pertanian pertubuhan mencatatkan sebanyak RM17,845. Jajahan Kecil Lojing mencatatkan purata gaji dan upah tahunan tertinggi iaitu sebanyak RM22,015 diikuti oleh Pasir Puteh (RM21,430) dan Kota Bharu (RM20,518).


Paparan 45: Purata Gaji dan Upah Tahunan, Kelantan, 2023



3.10.1 Subsektor Tanaman

Purata gaji dan upah tahunan subsektor tanaman yang direkodkan ialah RM15,329. Pegangan pertanian individu merekodkan purata gaji dan upah tahunan RM14,024 manakala pegangan pertanian pertubuhan adalah RM17,234. Jajahan Kecil Lojing mencatatkan purata gaji dan upah tahunan tertinggi iaitu sebanyak RM21,729 diikuti oleh Pasir Puteh (RM16,990) dan Gua Musang (RM16,597).


Paparan 46: Purata Gaji dan Upah Tahunan, Subsektor Tanaman, 2023



3.10.2 Subsektor Ternakan

Purata gaji dan upah tahunan subsektor ternakan yang direkodkan ialah RM22,360. Pegangan pertanian individu merekodkan purata gaji dan upah tahunan RM22,528 manakala pegangan pertanian pertubuhan adalah RM21,914. Jajahan Bachok mencatatkan purata gaji dan upah tahunan tertinggi iaitu sebanyak RM26,084 diikuti oleh Gua Musang (RM25,834) dan Pasir Puteh (RM24428).


Paparan 47: Purata Gaji dan Upah Tahunan, Subsektor Ternakan, 2023



3.10.3 Subsektor Perikanan Tangkapan

Purata gaji dan upah tahunan subsektor perikanan tangkapan yang direkodkan ialah RM34,267. Pegangan pertanian individu merekodkan purata gaji dan upah tahunan RM34,804 manakala pegangan pertanian pertubuhan adalah RM30,026. Jajahan Kota Bharu mencatatkan purata gaji dan upah tahunan tertinggi iaitu RM42,296 diikuti oleh Bachok (RM34,318) dan Pasir Puteh (RM32,772).


Paparan 48: Purata Gaji dan Upah Tahunan, Subsektor Perikanan Tangkapan, 2023



3.10.4 Subsektor Akuakultur

Purata gaji dan upah tahunan subsektor akuakultur yang direkodkan ialah RM22,660. Pegangan pertanian individu merekodkan purata gaji dan upah tahunan RM21,530 manakala pegangan pertanian pertubuhan adalah RM27,132. Jajahan Tanah Merah mencatatkan purata gaji dan upah tahunan tertinggi iaitu RM29,977 diikuti oleh Bachok (RM28,259) dan Kuala Krai (RM26,972).


Paparan 49: Purata Gaji dan Upah Tahunan, Subsektor Akuakultur, 2023



3.10.5 Subsektor Perhutanan & Pembalakan

Purata gaji dan upah tahunan subsektor perhutanan & pembalakan yang direkodkan ialah RM25,044. Pegangan pertanian individu merekodkan purata gaji dan upah tahunan RM6,451 manakala pegangan pertanian pertubuhan adalah RM26,290. Jajahan Gua Musang mencatatkan purata gaji dan upah tahunan tertinggi iaitu RM26,374 diikuti oleh Kuala Krai (RM25,997) dan Kota Bharu (RM25,435).

Paparan 50: Purata Gaji dan Upah Tahunan, Subsektor Perhutanan & Pembalakan, 2023




4.0 PARAMETER UTAMA PERTANIAN MENGIKUT DAERAH PENTADBIRAN, KELANTAN

4.1 DAERAH PENTADBIRAN BACHOK

Sektor pertanian memainkan peranan utama dalam meningkatkan ekonomi daerah Bachok. Hasil dapatan Banci Pertanian 2024 menunjukkan jumlah Pegangan pertanian di Bachok adalah 10,031 meliputi seramai 10,019 pegangan pertanian individu dan 12 pertubuhan.

Bilangan pegangan pertanian tertinggi di Bachok adalah subsektor tanaman iaitu 5,820 dengan 5,815 pegangan individu dan lima (5) pegangan pertubuhan, diikuti oleh subsektor ternakan iaitu 3,845 dengan 3,839 pegangan pertanian individu dan enam (6) pegangan pertanian pertubuhan. Seterusnya adalah perikanan tangkapan iaitu 455 yang keseluruhannya merupakan pegangan pertubuhan, akuakultur (79) dengan 77 pegangan individu dan dua (2) pegangan pertubuhan serta perhutanan & pembalakan sebanyak tujuh (7) yang keseluruhannya adalah pegangan pertubuhan.

Paparan 51: Pegangan Pertanian, Bachok, 2023



Keluasan bertanam yang direkodkan di Jajahan ini adalah 22,492.71 hektar. Nilai jualan sektor pertanian bagi Bachok merupakan yang keempat tertinggi di Kelantan dengan nilai sebanyak RM647.69 juta pada tahun 2023. Subsektor tanaman mendominasi aktiviti pertanian dengan menyumbang sebanyak RM437.23 juta atau 67.5 peratus daripada keseluruhan nilai jualan pertanian di Bachok diikuti oleh subsektor perikanan tangkapan berjumlah RM159.15 juta, subsektor ternakan RM45.95 juta, subsektor akuakultur RM5.28 juta dan subsektor perhutanan & pembalakan RM0.08 juta.

Carta 1: Nilai Jualan Mengikut Subsektor, Bachok, 2023 (RM Juta)



4.1.1 Subsektor Ternakan

Subsektor ternakan merupakan antara industri pertanian yang penting dalam aspek keterjaminan makanan negara. Bagi Jajahan Bachok, kuantiti pengeluaran bagi penternakan ruminan (lembu/ kambing/ bebiri/ kerbau) dan unggas (ayam/ itik) adalah sebanyak 1.1 juta ekor dengan nilai jualan sebanyak RM45.14 juta. Manakala kuantiti pengeluaran bagi hasilan ternakan pula direkodkan dengan 318.3 ribu biji telur, 1.1 ribu liter susu segar dan 1.2 ribu kilogram bagi hasilan yang lain. Nilai jualan keseluruhan bagi aktiviti ternakan adalah sebanyak RM45.95 juta. Jumlah pendapatan pula mencecah RM49.62 juta dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM25.86 juta. Pegangan pertanian bagi subsektor ternakan di Bachok adalah sebanyak 3,845 dimana pegangan individu dan pertubuhan masing-masing adalah sebanyak 3,839 (99.8%) dan 6 (0.2%).


Paparan 52: Parameter Utama Subsektor Ternakan, Bachok, 2023

TERNAKAN	Ekor	Biji	Kilogram	Liter
Kuantiti Pengeluaran	1.1 juta	318.3 ribu	1.2 ribu	1.1 ribu
Nilai Jualan (RM)	45.32 juta	213.32 ribu	410.24 ribu	64.13 ribu
Jumlah Pendapatan (RM)	49.62 juta			
Jumlah Perbelanjaan (RM)	25.86 juta			

4.1.2 Subsektor Tanaman

Bagi subsektor tanaman kuantiti pengeluaran yang direkodkan adalah sebanyak 166,631.9 tan metrik dengan nilai jualan sebanyak RM437.23 juta. Keluasan tanaman mencecah 22,492.71 hektar. Pegangan pertanian bagi subsektor ini adalah sebanyak 5,820. Daripada jumlah ini 99.9 peratus (5,815) adalah pegangan individu manakala 0.1 peratus (5) merupakan pegangan pertubuhan. Berdasarkan dapatan Banci Pertanian 2024, tanaman sayur-sayuran merekodkan nilai jualan tertinggi iaitu sebanyak RM225.11 juta dengan keluasan bertanam 2,517.5 hektar diikuti tanaman buah-buahan (RM89.09 juta), tanaman lain (RM69.71 juta) dan padi (RM47.10 juta). Bagi tanaman buah-buahan, tanaman lain dan padi masing-masing berkeluasan 1,228.6 hektar, 6,218.6 hektar dan 11,520.2 hektar. Jajahan Bachok merekodkan jumlah pendapatan sebanyak RM461.07 juta bagi subsektor ini dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM159.67 juta.

Paparan 53: Parameter Utama Subsektor Tanaman, Bachok, 2023



4.1.3 Subsektor Perikanan

Subsektor akuakultur dan subsektor perikanan tangkapan turut memainkan peranan penting kepada ekonomi Jajahan Bachok. Subsektor akuakultur mencatatkan kuantiti pengeluaran sebanyak 880.1 tan metrik dengan nilai jualan RM4.99 juta yang meliputi aktiviti air tawar dan air payau. Manakala bagi baka & benih dan ikan hiasan pula, kuantiti pengeluaran adalah sebanyak

249,845 ekor. Nilai jualan yang direkodkan adalah RM286.25 ribu. Jumlah pendapatan dan perbelanjaan pula masing-masing direkodkan sebanyak RM5.34 juta dan RM1.39 juta.

Bagi subsektor perikanan tangkapan, kuantiti pengeluaran adalah sebanyak 14,577.81 tan metrik dengan nilai jualan RM159.15 juta. Jumlah pendapatan bagi subsektor ini adalah sebanyak RM160.60 juta dan jumlah perbelanjaan sebanyak RM75.03 juta.

Paparan 54: Parameter Utama Subsektor Perikanan, Bachok, 2023




4.1.4 Subsektor Perhutanan & Pembalakan

Kuantiti pengeluaran bagi hasil hutan di jajahan Bachok adalah 8.7 tan metrik dengan nilai jualan RM78.66 ribu. Jumlah pendapatan yang dijana oleh subsektor ini adalah RM78.66 ribu dengan jumlah perbelanjaan RM24.05 ribu.

4.1.5 Guna Tenaga Dan Gaji & Upah

Jumlah keseluruhan guna tenaga yang terlibat dalam aktiviti pertanian di Jajahan Bachok adalah seramai 18,038 orang. Berdasarkan jumlah ini, sebanyak 17,915 orang terdiri daripada pegangan individu dan 123 orang daripada pegangan pertubuhan. Secara keseluruhan sebanyak 53.4 peratus merupakan Pemilik & Rakan Niaga yang aktif, iaitu bersamaan 9,631 orang, manakala 7,012 orang atau 38.9 peratus terdiri daripada Pekerja Bergaji. Selebihnya, seramai 1,395 orang atau 7.7 peratus adalah Pekerja Keluarga Tanpa Gaji. Purata gaji dan upah tahunan yang dicatatkan adalah sebanyak RM17,762. pegangan pertanian individu mencatatkan purata gaji dan upah tahunan sebanyak RM17,627 manakala pegangan pertanian pertubuhan pula merekodkan RM27,308.

Paparan 55: Guna Tenaga Pertanian, Bachok, 2023




4.2 DAERAH PENTADBIRAN KOTA BHARU

Jajahan Kota Bharu merupakan Ibu Negeri yang menjadi pusat pentadbiran dan pusat ekonomi utama. Namun begitu, sektor pertanian masih memainkan peranan penting terutama di kawasan pinggir bandar dan luar bandar. Jumlah pegangan pertanian di jajahan ini adalah 7,969 meliputi seramai 7,893 (99.0%) pegangan pertanian individu dan 76 (1.0%) pegangan pertubuhan.


Bilangan pegangan pertanian tertinggi di Kota Bharu adalah subsektor tanaman iaitu 6,263 dengan 6,216 pegangan individu dan 47 pegangan pertubuhan, diikuti oleh subsektor ternakan iaitu 1,601 dengan 1,581 pegangan pertanian individu dan 20 pegangan pertanian pertubuhan. Seterusnya adalah perikanan tangkapan iaitu 204 dengan 200 pegangan individu dan empat (4) pegangan pertubuhan, akuakultur (100) dengan 90 pegangan individu dan 10 pegangan pertubuhan serta perhutanan & pembalakan sebanyak dua (2) yang keseluruhannya adalah pegangan pertubuhan.

Paparan 56: Pegangan Pertanian, Kota Bharu, 2023



Keluasan bertanam yang direkodkan di Jajahan ini adalah 20,541.2 hektar. Nilai jualan sektor pertanian bagi Kota Bharu adalah sebanyak RM356.45 juta pada tahun 2023. Subsektor tanaman mendominasi aktiviti pertanian dengan menyumbang sebanyak RM212.02 juta atau 59.5 peratus daripada keseluruhan nilai jualan pertanian di Jajahan ini diikuti oleh subsektor perikanan tangkapan berjumlah RM93.75 juta, subsektor ternakan RM32.96 juta, subsektor perhutanan & pembalakan RM9.71 juta dan subsektor akuakultur RM8.02 juta.

Carta 2: **Nilai Jualan Mengikut Subsektor, Kota Bharu, 2023 (RM Juta)**




4.2.1 Subsektor Ternakan

Subsektor ternakan mencatatkan kuantiti pengeluaran paling tinggi dalam sektor pertanian di Kota Bharu. Bagi penternakan ruminan (lembu/ kambing/ bebiri/ kerbau) dan unggas (ayam/ itik) adalah sebanyak 0.99 juta ekor dengan nilai jualan sebanyak RM30.39 juta. Manakala kuantiti pengeluaran bagi hasilan ternakan pula direkodkan dengan 421.1 ribu biji telur, 265.9 ribu liter susu segar dan 4,249 kilogram bagi hasilan yang lain. Nilai jualan keseluruhan bagi aktiviti ternakan adalah sebanyak RM32.96 juta. Jumlah pendapatan pula mencecah RM50.23 juta dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM33.07 juta. Pegangan pertanian bagi subsektor ternakan di Kota Bharu adalah sebanyak 1,601 dimana pegangan individu dan pertubuhan masing-masing adalah sebanyak 1,581 (99.8%) dan 20 (1.2%).

Paparan 57 : Parameter Utama Subsektor Ternakan, Kota Bharu, 2023

TERNAKAN	Ekor	Biji	Kilogram	Liter
Kuantiti Pengeluaran	1.0 juta	421.1 ribu	4.2 ribu	265.9 ribu
Nilai Jualan (RM)	31.20 juta	204.44 ribu	470.30 ribu	1.09 ribu
Jumlah Pendapatan (RM)	50.23 juta			
Jumlah Perbelanjaan (RM)	33.07 juta			



4.2.2 Subsektor Perikanan

Kuantiti pengeluaran bagi subsektor akuakultur mencatatkan nilai kedua tertinggi berbanding subsektor lain di Jajahan ini iaitu sebanyak 1.2 juta ekor bagi baka & benih dan ikan hiasan dengan nilai jualan RM272.67 ribu. Sebanyak 987.2 tan metrik pengeluaran pula meliputi aktiviti air tawar dan air payau. Nilai jualan yang direkodkan adalah RM7.74 juta. Jumlah pendapatan dan perbelanjaan pula masing-masing direkodkan sebanyak RM8.02 juta dan RM3.05 juta. Bagi subsektor perikanan tangkapan, kuantiti pengeluaran adalah sebanyak 8.6 ribu tan metrik dengan nilai jualan RM93.75 juta. Jumlah pendapatan bagi subsektor ini adalah sebanyak RM94.22 juta dan jumlah perbelanjaan sebanyak RM40.28 juta.

Paparan 58: Parameter Utama Subsektor Perikanan, Kota Bharu, 2023






4.2.3 Subsektor Tanaman

Bagi subsektor tanaman kuantiti pengeluaran yang direkodkan adalah sebanyak 99.0 ribu tan metrik dengan nilai jualan sebanyak RM212.02 juta. Keluasan tanaman mencecah 20,541.2 hektar. Pegangan pertanian bagi subsektor ini adalah sebanyak 6,263 orang. Daripada jumlah ini 99.2 peratus (6,216) adalah pegangan individu manakala 0.8 peratus (47) merupakan pegangan pertubuhan. Banci Pertanian 2024 mencatatkan buah-buahan merekodkan nilai jualan tertinggi iaitu sebanyak RM80.70 juta dengan keluasan bertanam 908 hektar diikuti tanaman padi (RM74.0 juta), sayur-sayuran (RM34.29 juta) dan tanaman lain (RM15.15 juta). Bagi tanaman padi, sayur-sayuran dan tanaman lain masing-masing berkeluasan 16,092.72 hektar, 340.1 hektar dan 1,706.4 hektar. Jajahan Kota Bharu merekodkan jumlah pendapatan RM232.54 juta bagi subsektor ni dengan jumlah perbelanjaan RM75.14 juta.

Paparan 59: Parameter Utama Subsektor Tanaman, Kota Bharu, 2023




4.2.4 Subsektor Perhutanan & Pembalakan

Kuantiti pengeluaran bagi aktiviti pembalakan di Kota Bharu merekodkan 22.2 ribu meter padu dengan nilai jualan RM9.71 juta. Jumlah pendapatan yang dijana oleh subsektor ini adalah RM9.71 juta dengan jumlah perbelanjaan RM4.31 juta.

4.2.5 Guna Tenaga Dan Gaji & Upah

Jumlah guna tenaga yang terlibat dalam aktiviti Pertanian di Jajahan Kota Bharu adalah seramai 8,817 orang. Berdasarkan jumlah ini, sebanyak 8,354 orang terdiri daripada pegangan individu dan 463 orang daripada pegangan pertubuhan. Secara keseluruhan sebanyak 61.5 peratus merupakan Pemilik & Rakan Niaga yang aktif, iaitu bersamaan 5,422 orang, manakala 2,966 orang atau 33.6 peratus terdiri daripada Pekerja Bergaji. Selebihnya, seramai 429 orang atau 4.9 peratus adalah Pekerja Keluarga Tanpa Gaji. Purata gaji dan upah tahunan yang dicatatkan adalah sebanyak RM20,518. Pegangan pertanian individu mencatatkan purata gaji dan upah tahunan sebanyak RM20,376 manakala pegangan pertanian pertubuhan pula merekodkan RM21,526.

Paparan 60: Guna Tenaga Pertanian, Kota Bharu, 2023




4.3 DAERAH PENTADBIRAN MACHANG

Machang merupakan jajahan yang bersempadan dengan Jajahan Kuala Krai, Tanah Merah dan Kota Bharu. Jumlah pegangan pertanian di jajahan ini adalah 7,412 meliputi seramai 7,389 (99.7%) pegangan pertanian individu dan 23 (0.3%) pegangan pertubuhan.


Bilangan pegangan pertanian tertinggi di Machang adalah subsektor tanaman iaitu 7,163 dengan 7,147 pegangan individu dan 16 pegangan pertubuhan, diikuti oleh subsektor ternakan iaitu 257 dengan 254 pegangan pertanian individu dan tiga (3) pegangan pertanian pertubuhan. Seterusnya adalah perikanan tangkapan iaitu lima (5) dengan keseluruhannya adalah pegangan individu, akuakultur, 44 dengan 38 pegangan individu dan enam (6) pegangan pertubuhan.

Paparan 61: Pegangan Pertanian, Machang, 2023



Keluasan bertanam yang direkodkan di Jajahan ini adalah 13,905.3 hektar. Nilai jualan sektor pertanian bagi Machang adalah sebanyak RM236.17 juta pada tahun 2023. Subsektor tanaman mendominasi aktiviti pertanian dengan menyumbang sebanyak RM211.71 juta atau 89.6 peratus daripada keseluruhan nilai jualan pertanian di Jajahan ini diikuti oleh subsektor ternakan RM22.86 juta, subsektor akuakultur RM1.48 juta dan subsektor perikanan tangkapan berjumlah RM0.11 juta.

Carta 3: **Nilai Jualan Mengikut Subsektor, Machang, 2023 (RM Juta)**




4.3.1 Subsektor Ternakan

Subsektor ternakan mencatatkan kuantiti pengeluaran paling tinggi dalam sektor pertanian di Machang. Kuantiti pengeluaran bagi penternakan ruminan (lembu/ kambing/ bebiri/ kerbau) dan unggas (ayam/ itik) adalah sebanyak 1.7 juta ekor dengan nilai jualan sebanyak RM22.63 juta. Manakala kuantiti pengeluaran bagi hasilan ternakan pula direkodkan dengan 6.1 ribu biji telur, 3.8 ribu liter susu segar dan 890 kilogram bagi hasilan yang lain. Nilai jualan keseluruhan bagi aktiviti ternakan adalah sebanyak RM22.86 juta. Jumlah pendapatan pula mencecah RM28.00 juta dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM23.04 juta. Pegangan pertanian bagi subsektor ternakan di Machang adalah sebanyak 257 dimana pegangan individu dan pertubuhan masing-masing adalah sebanyak 254 (98.8%) dan 3 (1.2%).

Paparan 62: Parameter Utama Subsektor Ternakan, Machang, 2023

TERNAKAN	Ekor	Biji	Kilogram	Liter
Kuantiti Pengeluaran	1.7 juta	6.1 ribu	890	3.8 ribu
Nilai Jualan (RM)	22.64 juta	3.90 ribu	127.14 ribu	95.93 ribu
Jumlah Pendapatan (RM)			28.00 juta	
Jumlah Perbelanjaan (RM)			23.04 juta	



4.3.2 Subsektor Perikanan

Kuantiti pengeluaran bagi subsektor akuakultur mencatatkan nilai kedua tertinggi berbanding subsektor lain di Jajahan ini iaitu sebanyak 263.9 ribu ekor bagi baka & benih dan ikan hiasan dengan nilai jualan RM34.04 ribu. Sebanyak 212.7 tan metrik pengeluaran pula meliputi aktiviti air tawar dan air payau. Nilai jualan yang direkodkan adalah RM1.44 juta. Jumlah pendapatan dan perbelanjaan pula masing-masing direkodkan sebanyak RM1.54 juta dan RM1.04 juta. Bagi subsektor perikanan tangkapan, kuantiti pengeluaran adalah sebanyak 11.8 tan metrik dengan nilai jualan RM111.02 ribu. Jumlah pendapatan bagi subsektor ini adalah sebanyak RM113.02 ribu dan jumlah perbelanjaan sebanyak RM57.35 ribu.


Paparan 63: Parameter Utama Subsektor Perikanan, Machang, 2023



4.3.3 Subsektor Tanaman

Bagi subsektor tanaman, kuantiti pengeluaran yang direkodkan adalah 67.8 ribu tan metrik dengan nilai jualan RM211.71 juta. Keluasan tanaman mencecah 13,905.3 hektar. Pegangan pertanian bagi subsektor ini adalah 7,163. Daripada jumlah ini 99.8 peratus (7,147) adalah pegangan individu manakala 0.2 peratus (16) merupakan pegangan pertubuhan. Berdasarkan dapatan Banci Pertanian 2024, buah-buahan merekodkan nilai jualan tertinggi iaitu RM119.56 juta dengan keluasan bertanam 1,085.2 hektar diikuti tanaman kelapa sawit (RM23.63 juta), padi (RM22.58 juta) dan getah (RM20.70 juta). Bagi tanaman kelapa sawit, padi dan getah masing-masing berkeluasan 1,475.5 hektar, 5,041.54 hektar dan 5,838.9 hektar. Jajahan Machang merekodkan jumlah pendapatan RM240.65 juta bagi subsektor ni dengan jumlah perbelanjaan RM75.17 juta.


Paparan 64: Parameter Utama Subsektor Tanaman, Machang, 2023



4.3.4 Guna Tenaga Dan Gaji & Upah

Jumlah guna tenaga yang terlibat dalam aktiviti pertanian di Jajahan Machang adalah seramai 2,788 orang. Berdasarkan jumlah ini, sebanyak 2,455 orang terdiri daripada pegangan individu dan 333 orang daripada pegangan pertubuhan. Secara keseluruhan sebanyak 63.7 peratus merupakan Pemilik & Rakan Niaga yang aktif, iaitu bersamaan 1,775 orang, manakala 879 orang atau 31.5 peratus terdiri daripada Pekerja Bergaji. Selebihnya, seramai 134 orang atau 4.8 peratus adalah Pekerja Keluarga Tanpa Gaji. Purata gaji dan upah tahunan yang dicatatkan adalah sebanyak RM17,335. Pegangan pertanian individu mencatatkan purata gaji dan upah tahunan sebanyak RM17,173 manakala pegangan pertanian pertubuhan pula merekodkan RM17,670.

Paparan 65: Guna Tenaga Pertanian, Machang, 2023




4.4 DAERAH PENTADBIRAN PASIR MAS

Pegangan pertanian di Pasir Mas merupakan yang tertinggi berbanding 10 jajahan lain di Negeri Kelantan. Daripada jumlah ini, 16,169 meliputi seramai 16,155 pegangan pertanian individu dan 14 pertubuhan.

Bilangan pegangan pertanian tertinggi di Pasir Mas adalah subsektor tanaman iaitu 15,544 dengan 15,537 pegangan individu dan 7 pegangan pertubuhan, diikuti oleh subsektor ternakan iaitu 596 dengan 591 pegangan pertanian individu dan lima (5) pegangan pertanian pertubuhan. Seterusnya adalah akuakultur iaitu 73 dengan 71 pegangan individu dan dua (2) pegangan pertubuhan, diikuti perikanan, 16 dengan keseluruhannya adalah pegangan individu.

Paparan 66: Pegangan Pertanian, Pasir Mas, 2023



Keluasan bertanam yang direkodkan di Jajahan ini adalah 27,922.7 hektar. Nilai jualan sektor pertanian bagi Pasir Mas adalah sebanyak RM220.54 juta pada tahun 2023. Subsektor tanaman mendominasi aktiviti pertanian dengan menyumbang sebanyak RM210.41 juta atau 95.4 peratus daripada keseluruhan nilai jualan pertanian di Pasir Mas diikuti oleh subsektor ternakan RM6.49 juta, subsektor akuakultur RM3.39 juta dan subsektor perikanan tangkapan berjumlah RM0.25 juta.

Carta 4: Nilai Jualan Mengikut Subsektor, Pasir Mas, 2023 (RM Juta)




4.4.1 Subsektor Ternakan

Kuantiti pengeluaran bagi penternakan ruminan (lembu/ kambing/ bebiri/ kerbau) dan unggas (ayam/ itik) adalah sebanyak 33.1 ribu ekor dengan nilai jualan sebanyak RM5.75 juta. Manakala kuantiti pengeluaran bagi hasilan ternakan pula direkodkan dengan 638.8 ribu biji telur, 45.6 ribu liter susu segar dan 841 ribu kilogram bagi hasilan yang lain. Nilai jualan keseluruhan bagi aktiviti ternakan adalah sebanyak RM6.49 juta. Jumlah

pendapatan pula mencecah RM7.21 juta dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM2.51 juta. Pegangan pertanian bagi subsektor ternakan di Pasir Mas adalah sebanyak 596 dimana pegangan individu dan pertubuhan masing-masing adalah sebanyak 591 (99.2%) dan lima (5) (0.8%).

Paparan 67 : Parameter Utama Subsektor Ternakan, Pasir Mas, 2023


TERNAKAN	Ekor	Biji	Kilogram	Liter
Kuantiti Pengeluaran	34.0 juta	638.8 ribu	841	45.5 ribu
Nilai Jualan (RM)	5.85 juta	384.82 ribu	168.95 ribu	86.90 ribu
Jumlah Pendapatan (RM)			7.21 juta	
Jumlah Perbelanjaan (RM)			2.51 juta	



4.4.2 Subsektor Tanaman

Bagi subsektor tanaman kuantiti pengeluaran yang direkodkan adalah sebanyak 81.9 ribu tan metrik dengan nilai jualan sebanyak RM210.41 juta. Keluasan tanaman mencecah 27,922.7 hektar. Pegangan pertanian bagi subsektor ini adalah sebanyak 15,544. Daripada jumlah ini 100 peratus (15,537) adalah pegangan individu. Berdasarkan dapatan Banci Pertanian 2024, tanaman buah-buahan merekodkan nilai jualan tertinggi iaitu sebanyak RM77.61 juta dengan keluasan bertanam 965.2 hektar diikuti padi (RM58.53 juta), getah (RM37.34 juta) dan sayur-sayuran (RM23.46 juta). Bagi padi, getah dan sayur-sayuran masing-masing berkeluasan 14,735.36 hektar, 11,378.25 hektar dan 159.47 hektar. Jajahan Pasir Mas merekodkan jumlah pendapatan sebanyak RM283.42 juta bagi subsektor ni dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM85.07 juta.

Paparan 68: Parameter Utama Subsektor Tanaman, Pasir Mas, 2023



4.4.3 Subsektor Perikanan

Subsektor akuakultur dan subsektor perikanan tangkapan turut memainkan peranan penting kepada ekonomi Pasir Mas. Subsektor akuakultur mencatatkan kuantiti pengeluaran 476.1 tan metrik dengan nilai jualan RM3.37 juta yang meliputi aktiviti air tawar dan air payau. Manakala bagi baka & benih dan ikan hiasan pula, kuantiti pengeluaran adalah 375 ekor. Nilai jualan yang direkodkan adalah RM15.0 ribu. Jumlah pendapatan dan perbelanjaan pula masing-masing merekodkan RM3.85 juta dan RM2.17 juta.

Bagi subsektor perikanan tangkapan, kuantiti pengeluaran adalah 10.9 tan metrik dengan nilai jualan RM250.55 ribu. Jumlah pendapatan bagi subsektor ini adalah RM251.45 ribu dan jumlah perbelanjaan RM123.93 ribu.

Paparan 69: Parameter Utama Subsektor Perikanan, Pasir Mas, 2023






4.4.4 Guna Tenaga Dan Gaji & Upah

Jumlah keseluruhan guna tenaga yang terlibat dalam aktiviti pertanian di Jajahan Pasir Mas adalah seramai 4,905 orang. Berdasarkan jumlah ini, sebanyak 4,815 orang terdiri daripada pegangan individu dan 90 orang daripada pegangan pertubuhan. Secara keseluruhan sebanyak 58.4 peratus merupakan Pemilik & Rakan Niaga yang aktif, iaitu bersamaan 2,865 orang, manakala 1,681 orang atau 34.3 peratus terdiri daripada Pekerja Bergaji. Selebihnya, seramai 359 orang atau 7.3 peratus adalah Pekerja Keluarga Tanpa Gaji. Purata gaji dan upah tahunan yang dicatatkan adalah sebanyak RM17,852. Pegangan pertanian individu mencatatkan purata gaji dan upah tahunan sebanyak RM18,192 manakala pegangan pertanian pertubuhan pula merekodkan RM9,529.

Paparan 70: Guna Tenaga Pertanian, Pasir Mas, 2023




4.5 DAERAH PENTADBIRAN PASIR PUTEH

Pasir Puteh merupakan satu jajahan yang mempunyai kepelbagaian aktiviti pertanian. Jumlah pegangan pertanian di jajahan ini adalah 5,946 meliputi seramai 5,913 (99.4%) pegangan pertanian individu dan 33 (0.6%) pegangan pertubuhan.


Bilangan pegangan pertanian tertinggi di Pasir Puteh adalah subsektor tanaman iaitu 5,038 dengan 5,022 pegangan individu dan 16 pegangan pertubuhan, diikuti oleh subsektor ternakan iaitu 711 dengan 706 pegangan pertanian individu dan 5 pegangan pertanian pertubuhan. Seterusnya adalah perikanan tangkapan iaitu 225 dengan 221 pegangan individu dan 4 pegangan pertubuhan, akuakultur, 106 dengan 98 pegangan individu dan 8 pegangan pertubuhan serta perhutanan & pembalakan iaitu tiga (3) dengan keseluruhannya adalah pegangan pertanian individu.

Paparan 71: Pegangan Pertanian, Pasir Puteh, 2023



Keluasan bertanam yang direkodkan di Jajahan ini adalah 20,540.3 hektar. Nilai jualan sektor pertanian bagi Pasir Puteh adalah sebanyak RM372.03 juta pada tahun 2023. Subsektor tanaman mendominasi aktiviti pertanian dengan menyumbang sebanyak RM203.37 juta atau 54.7 peratus daripada keseluruhan nilai jualan pertanian di Jajahan ini diikuti oleh subsektor perikanan tangkapan RM145.76 juta, subsektor akuakultur RM14.60 juta, subsektor ternakan RM8.14 juta dan subsektor perhutanan & pembalakan berjumlah RM0.17 juta.

Carta 5: Nilai Jualan Mengikut Subsektor, Pasir Puteh, 2023 (RM Juta)



4.5.1 Subsektor Ternakan

Subsektor ternakan mencatatkan kuantiti pengeluaran paling tinggi dalam sektor pertanian di Pasir Puteh. Kuantiti pengeluaran bagi penternakan ruminan (lembu/ kambing/ bebiri/ kerbau) dan unggas (ayam/ itik) adalah 108.4 ribu ekor dengan nilai jualan RM7.18 juta. Manakala kuantiti pengeluaran bagi hasilan ternakan pula direkodkan dengan 248.4 ribu biji telur,

145.9 ribu liter susu segar dan 2.1 ribu kilogram bagi hasilan yang lain. Nilai jualan keseluruhan bagi aktiviti ternakan adalah RM8.14 juta. Jumlah pendapatan pula mencecah RM10.84 juta dengan jumlah perbelanjaan RM4.40 juta. Pegangan pertanian bagi subsektor ternakan di Pasir Puteh adalah 711 dimana pegangan individu dan pertubuhan masing-masing adalah 706 (99.3%) dan lima (5) (0.7%).

zPaparan 72: Parameter Utama Subsektor Ternakan, Pasir Puteh, 2023


TERNAKAN	Ekor	Biji	Kilogram	Liter
Kuantiti Pengeluaran	110.0 ribu	248.4 ribu	2.1 ribu	145.9 ribu
Nilai Jualan (RM)	7.21 juta	105.02 ribu	279.81 ribu	536.77 ribu
Jumlah Pendapatan (RM)			10.84 juta	
Jumlah Perbelanjaan (RM)			4.40 juta	



4.5.2 Subsektor Perikanan

Kuantiti pengeluaran bagi subsektor akuakultur mencatatkan nilai kedua tertinggi berbanding subsektor lain di Jajahan ini iaitu 276.6 ribu ekor bagi baka & benih dan ikan hiasan dengan nilai jualan RM128.65 ribu. Sebanyak 1.1 ribu tan metrik pengeluaran pula meliputi aktiviti air tawar dan air payau. Nilai jualan yang direkodkan adalah RM14.47 juta. Jumlah pendapatan dan perbelanjaan pula masing-masing merekodkan RM14.63 juta dan RM4.76 juta. Bagi subsektor perikanan tangkapan, kuantiti pengeluaran adalah 13.4 ribu tan metrik dengan nilai jualan RM145.76 juta. Jumlah pendapatan bagi subsektor ini adalah RM146.24 juta dan jumlah perbelanjaan RM70.61 juta.


Paparan 73 : Parameter Utama Subsektor Perikanan, Pasir Puteh, 2023



4.5.3 Subsektor Tanaman

Bagi subsektor tanaman kuantiti pengeluaran yang direkodkan adalah 95.8 ribu tan metrik dengan nilai jualan RM203.37 juta. Keluasan tanaman mencecah 20,540.3 hektar. Pegangan pertanian bagi subsektor ini adalah 5038. Daripada jumlah ini 99.7 peratus (5,022) adalah pegangan individu manakala 0.3 peratus (16) merupakan pegangan pertubuhan. Berdasarkan dapatan Banci Pertanian 2024, sayur-sayuran merekodkan nilai jualan tertinggi iaitu RM72.72 juta dengan keluasan bertanam 658.72 hektar diikuti tanaman padi (RM70.15 juta), buah-buahan (RM37.63 juta) dan tanaman lain (RM6.85 juta). Bagi tanaman padi, buah-buahan dan tanaman lain masing-masing berkeluasan 16,244.3 hektar, 633.1 hektar dan 582.7 hektar. Jajahan Pasir Puteh merekodkan jumlah pendapatan RM224.46 juta bagi subsektor ni dengan jumlah perbelanjaan RM70.48 juta.

Paparan 74 : Parameter Utama Subsektor Tanaman, Pasir Puteh, 2023




4.5.4 Subsektor Perhutanan & Pembalakan

Perhutanan dan pembalakan di Jajahan Pasir Puteh turut menjadi penyumbang kepada ekonomi setempat. Aktiviti pembalakan di jajahan ini merekodkan kuantiti pengeluaran sebanyak 1,167 meter padu dengan nilai jualan RM120.20 ribu. Bagi hasil hutan pula, kuantiti pengeluaran dan hasil jualan masing-masing berjumlah 12.6 ribu kilogram dan RM49.0 ribu. Jumlah pendapatan yang dijana oleh subsektor ini adalah sebanyak RM181.76 ribu dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM6.77 ribu.

4.5.5 Guna Tenaga Dan Gaji & Upah

Jumlah guna tenaga yang terlibat dalam aktiviti pertanian di Jajahan Pasir Puteh adalah seramai 7,009 orang. Berdasarkan jumlah ini, sebanyak 6,784 orang terdiri daripada pegangan individu dan 225 orang daripada pegangan pertubuhan. Secara keseluruhan sebanyak 54.4 peratus merupakan Pemilik & Rakan Niaga yang aktif, iaitu bersamaan 3,810 orang, manakala 2,740 orang atau 39.1 peratus terdiri daripada Pekerja Bergaji. Selebihnya, seramai 459 orang atau 6.5 peratus adalah Pekerja Keluarga Tanpa Gaji. Purata gaji dan upah tahunan yang dicatatkan adalah sebanyak RM21,430. Pegangan pertanian individu mencatatkan purata gaji dan upah tahunan sebanyak RM21,131 manakala pegangan pertanian pertubuhan pula merekodkan RM25,967.

Paparan 75: Guna Tenaga Pertanian, Pasir Puteh, 2023




4.6 DAERAH PENTADBIRAN TANAH MERAH

Jajahan Tanah Merah terletak di bahagian tengah negeri Kelantan bersempadan dengan Jajahan Pasir Mas, Machang, Kuala Krai dan Negara Thailand. Jumlah pegangan pertanian di jajahan ini adalah 10,810 meliputi seramai 10,781 (99.7%) pegangan pertanian individu dan 29 (0.3%) pegangan pertubuhan.


Bilangan pegangan pertanian tertinggi di Tanah Merah adalah subsektor tanaman iaitu 10,500 dengan 10,478 pegangan individu dan 22 pegangan pertubuhan, diikuti oleh subsektor ternakan iaitu 292 dengan 287 pegangan pertanian individu dan lima (5) pegangan pertanian pertubuhan. Seterusnya adalah akuakultur iaitu 65 dengan 64 pegangan individu dan satu (1) pegangan pertubuhan, perikanan tangkapan iaitu 11 dengan keseluruhannya adalah pegangan individu, serta perhutanan & pembalakan iaitu dua (2) dengan keseluruhannya adalah pegangan pertubuhan.

Paparan 76: Pegangan Pertanian, Tanah Merah, 2023



Keluasan bertanam yang direkodkan di Jajahan ini adalah 30,809.2 hektar. Nilai jualan sektor pertanian bagi Tanah Merah adalah sebanyak RM359.56 juta pada tahun 2023. Subsektor tanaman mendominasi aktiviti pertanian dengan menyumbang sebanyak RM344.38 juta atau 95.7 peratus daripada keseluruhan nilai jualan pertanian di Jajahan ini diikuti oleh subsektor ternakan RM6.66 juta, subsektor akuakultur RM5.27 juta, subsektor perhutanan & pembalakan berjumlah RM2.71 juta dan subsektor perikanan tangkapan RM0.54 juta.


Carta 6: Nilai Jualan Mengikut Subsektor, Tanah Merah, 2023 (RM Juta)



4.6.1 Subsektor Tanaman

Bagi subsektor tanaman kuantiti pengeluaran yang direkodkan adalah sebanyak 261.5 ribu tan metrik dengan nilai jualan sebanyak RM344.38 juta. Keluasan tanaman mencecah 30,809.2 hektar. Pegangan pertanian bagi subsektor ini adalah sebanyak 10,500. Daripada jumlah ini 99.8 peratus (10,478) adalah pegangan individu manakala 0.2 peratus (22) merupakan pegangan pertubuhan. Berdasarkan dapatan Banci Pertanian 2024, tanaman kelapa sawit merekodkan nilai jualan tertinggi iaitu sebanyak RM219.99 juta dengan keluasan bertanam 14,865.53 hektar diikuti tanaman getah (RM46.23 juta), buah-buahan (RM38.89 juta) dan sayur-sayuran (RM25.58 juta). Bagi tanaman getah, buah-buahan dan sayur-sayuran masing-masing berkeluasan 12,323.8 hektar, 1,464.4 hektar dan 266.2 hektar. Jajahan Tanah Merah merekodkan jumlah pendapatan sebanyak RM405.10 juta bagi subsektor ini dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM134.67 juta.

Paparan 77: Parameter Utama Subsektor Tanaman, Tanah Merah, 2023



4.6.2 Subsektor Ternakan

Subsektor ternakan mencatatkan kuantiti pengeluaran paling tinggi dalam sektor pertanian di Tanah Merah. Kuantiti pengeluaran bagi penternakan ruminan (lembu/ kambing/ bebiri/ kerbau) dan unggas (ayam/ itik) adalah sebanyak 68.5 ribu ekor dengan nilai jualan sebanyak RM5.90 juta. Manakala kuantiti pengeluaran bagi hasilan ternakan pula direkodkan dengan 134.8 ribu biji telur, 0.6 liter susu segar dan 3.5 ribu kilogram bagi hasilan yang lain. Nilai jualan keseluruhan bagi aktiviti ternakan adalah sebanyak RM6.66 juta. Jumlah pendapatan pula mencecah RM7.44 juta dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM3.99 juta. Pegangan pertanian bagi subsektor ternakan di Tanah Merah adalah 292 dimana pegangan individu dan pertubuhan masing-masing adalah sebanyak 287 (98.3%) dan 5 (1.7%).

Paparan 78 : Parameter Utama Subsektor Ternakan, Tanah Merah, 2023

TERNAKAN	Ekor	Biji	Kilogram	Liter
Kuantiti Pengeluaran	98.7 ribu	134.8 ribu	3.5 ribu	0.6
Nilai Jualan (RM)	6.10 juta	97.24 ribu	460.79 ribu	2.80
Jumlah Pendapatan (RM)			7.44 juta	
Jumlah Perbelanjaan (RM)			3.99 juta	



4.6.3 Subsektor Perikanan

Kuantiti pengeluaran bagi subsektor akuakultur di Tanah Merah direkodkan sebanyak 2.6 juta ekor bagi baka & benih dan ikan hiasan dengan nilai jualan RM2.58 juta. Sebanyak 420.1 tan metrik pengeluaran pula meliputi aktiviti air tawar dan air payau. Nilai jualan yang direkodkan adalah RM2.69 juta. Jumlah pendapatan dan perbelanjaan pula masing-masing direkodkan sebanyak RM5.39 juta dan RM853.49 ribu. Bagi subsektor perikanan tangkapan, kuantiti pengeluaran adalah sebanyak 21.8 tan metrik dengan nilai jualan RM540.00 ribu. Jumlah pendapatan bagi subsektor ini adalah sebanyak RM543.93 juta dan jumlah perbelanjaan sebanyak RM256.29 juta.

Paparan 79 : Parameter Utama Subsektor Perikanan, Tanah Merah, 2023






4.6.4 Subsektor Perhutanan Dan Pembalakan

Kuantiti pengeluaran bagi aktiviti pembalakan di Tanah Merah dicatatkan sebanyak 7,602 meter padu dengan nilai jualan RM2.71 juta. Jumlah pendapatan yang dijana oleh subsektor ini adalah sebanyak RM3.52 juta dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM1.50 juta.

4.6.5 Guna Tenaga Dan Gaji & Upah

Jumlah guna tenaga yang terlibat dalam aktiviti Pertanian di Jajahan Tanah Merah adalah seramai 5,228 orang. Berdasarkan jumlah ini, sebanyak 3,659 orang terdiri daripada pegangan individu dan 1,569 orang daripada pegangan pertubuhan. Secara keseluruhan sebanyak 39.3 peratus merupakan Pemilik & Rakan Niaga yang aktif, iaitu bersamaan 2,052 orang, manakala 2,984 orang atau 57.1 peratus terdiri daripada Pekerja Bergaji. Selebihnya, seramai 192 orang atau 3.7 peratus adalah Pekerja Keluarga Tanpa Gaji. Purata gaji dan upah tahunan yang dicatatkan adalah sebanyak RM18,842. Pegangan pertanian individu mencatatkan purata gaji dan upah tahunan sebanyak RM22,023 manakala pegangan pertanian pertubuhan pula merekodkan RM15,761.

Paparan 80: Guna Tenaga Pertanian, Tanah Merah, 2023




4.7 DAERAH PENTADBIRAN TUMPAT

Jumlah pegangan pertanian di Jajahan Tumpat adalah 3,978 meliputi seramai 3,960 (99.5%) pegangan pertanian individu dan 18 (0.5%) pegangan pertubuhan. Dari segi bilangan pegangan pertanian ini, Tumpat berada di kedudukan kedua terendah selepas Jajahan Kecil Lojing.


Bilangan pegangan pertanian tertinggi di Tumpat adalah subsektor tanaman iaitu 2,669 dengan 2,659 pegangan individu dan 10 pegangan pertubuhan, diikuti oleh subsektor ternakan iaitu 946 dengan 944 pegangan pertanian individu dan dua (2) pegangan pertanian pertubuhan. Seterusnya adalah perikanan tangkapan iaitu 346 dengan 344 pegangan individu dan dua (2) pegangan pertubuhan, akuakultur iaitu 126 dengan 121 pegangan individu dan lima (5) pegangan pertubuhan, serta perhutanan & pembalakan iaitu dua (2) dengan keseluruhannya adalah pegangan pertubuhan.

Paparan 81: Pegangan Pertanian, Tumpat, 2023



Keluasan bertanam yang direkodkan di Jajahan ini adalah 12,696.8 hektar. Nilai jualan sektor pertanian bagi Tumpat adalah sebanyak RM282.06 juta pada tahun 2023. Subsektor tanaman masih lagi mendahului aktiviti pertanian dengan menyumbang sebanyak RM150.61 juta atau 53.4 peratus daripada keseluruhan nilai jualan pertanian di Jajahan ini diikuti oleh subsektor perikanan tangkapan RM100.08 juta, subsektor ternakan RM24.27 juta, subsektor akuakultur RM7.09 juta, dan subsektor perhutanan & pembalakan berjumlah RM0.02 juta.

Carta 7: Nilai Jualan Mengikut Subsektor, Tumpat, 2023 (RM Juta)



4.7.1 Subsektor Perikanan

Kuantiti pengeluaran bagi subsektor akuakultur adalah sebanyak 2.4 juta ekor bagi baka & benih dan ikan hiasan dengan nilai jualan RM1.65 juta. Sebanyak 806.1 ribu tan metrik pengeluaran pula meliputi aktiviti air tawar dan air payau. Nilai jualan yang direkodkan adalah RM5.43 juta. Jumlah pendapatan dan perbelanjaan pula masing-masing direkodkan sebanyak RM7.26 juta dan RM1.79 juta. Bagi subsektor perikanan tangkapan, kuantiti pengeluaran adalah sebanyak 9,968.4 tan metrik dengan nilai jualan RM100.08 juta. Jumlah pendapatan bagi subsektor ini adalah sebanyak RM102.04 juta dan jumlah perbelanjaan sebanyak RM47.60 juta.

Paparan 82: Parameter Utama Subsektor Perikanan, Tumpat, 2023





4.7.2 Subsektor Ternakan

Subsektor ternakan mencatatkan kuantiti pengeluaran ketiga tertinggi dalam sektor pertanian di Tumpat. Kuantiti pengeluaran bagi penternakan ruminan (lembu/ kambing/ bebiri/ kerbau) dan unggas (ayam/ itik) adalah 110.3 ribu ekor dengan nilai jualan RM23.89 juta. Manakala kuantiti pengeluaran bagi hasilan ternakan pula direkodkan dengan 113.1 ribu biji telur, 9.6 ribu liter susu segar dan 198.0 kilogram bagi hasilan yang lain. Nilai jualan keseluruhan bagi aktiviti ternakan adalah RM24.27 juta. Jumlah pendapatan pula mencecah RM25.11 juta dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM5.87 juta. Pegangan pertanian bagi subsektor ternakan di Tumpat adalah 946 dimana pegangan individu dan pertubuhan masing-masing adalah sebanyak 944 (99.8%) dan 2 (0.2%).

Paparan 83 : Parameter Utama Subsektor Ternakan, Tumpat, 2023


TERNAKAN	Ekor	Biji	Kilogram	Liter
Kuantiti Pengeluaran	113.9 ribu	113.1 ribu	198	9.6 ribu
Nilai Jualan (RM)	24.10 juta	60.86 ribu	80.10 ribu	37.33 ribu
Jumlah Pendapatan (RM)	25.11 juta			
Jumlah Perbelanjaan (RM)	5.87 juta			



4.7.3 Subsektor Tanaman

Bagi subsektor tanaman kuantiti pengeluaran yang direkodkan adalah 58.6 ribu tan metrik dengan nilai jualan RM150.61 juta. Keluasan tanaman mencecah 12,696.83 hektar. Pegangan pertanian bagi subsektor ini adalah 2,669. Daripada jumlah ini 99.6 peratus (2,659) adalah pegangan individu manakala 0.4 peratus (10) merupakan pegangan pertubuhan. Berdasarkan dapatan Banci Pertanian 2024, sayur-sayuran merekodkan nilai jualan tertinggi iaitu RM68.84 juta dengan keluasan bertanam 812.34 hektar diikuti tanaman padi (RM31.70 juta), buah-buahan (RM24.73 juta) dan tanaman lain (RM23.47 juta). Bagi tanaman padi, buah-buahan dan tanaman lain masing-masing berkeluasan 10,018.20 hektar, 399.90 hektar dan 1,196.77 hektar. Jajahan Tumpat merekodkan jumlah pendapatan RM158.60 juta bagi subsektor ni dengan jumlah perbelanjaan RM54.76 juta.

Paparan 84 : Parameter Utama Subsektor Tanaman, Tumpat, 2023




4.7.4 Subsektor Perhutanan Dan Pembalakan

Kuantiti pengeluaran bagi hasil hutan di Jajahan Tumpat adalah sebanyak 2,791 kilogram dengan nilai jualan RM15.08 ribu. Jumlah pendapatan yang dijana oleh subsektor ini adalah RM15.08 ribu dengan jumlah perbelanjaan RM1.53 ribu.

4.7.5 Guna Tenaga Dan Gaji & Upah

Jumlah guna tenaga yang terlibat dalam aktiviti pertanian di Jajahan Tumpat adalah seramai 6,544 orang. Berdasarkan jumlah ini, 6,446 orang terdiri daripada pegangan individu dan 98 orang daripada pegangan pertubuhan. Secara keseluruhan sebanyak 66.2 peratus merupakan Pemilik & Rakan Niaga yang aktif, iaitu bersamaan 4,335 orang, manakala 1,714 orang atau 26.2 peratus terdiri daripada Pekerja Bergaji. Selebihnya, seramai 495 orang atau 7.6 peratus adalah Pekerja Keluarga Tanpa Gaji. Purata gaji dan upah tahunan yang dicatatkan adalah sebanyak RM19,515. Pegangan pertanian individu mencatatkan purata gaji dan upah tahunan sebanyak RM19,296 manakala pegangan pertanian pertubuhan pula merekodkan RM25,332.

Paparan 85: Guna Tenaga Pertanian, Tumpat, 2023




4.8 DAERAH PENTADBIRAN GUA MUSANG

Jajahan Gua Musang merupakan jajahan yang mempunyai keluasan terbesar di Negeri Kelantan. Jumlah pegangan pertanian di jajahan ini adalah 7,595 meliputi seramai 7,448 (98.1%) pegangan pertanian individu dan 147 (1.9%) pegangan pertubuhan.

Bilangan pegangan pertanian tertinggi di Gua Musang adalah subsektor tanaman iaitu 7,295 dengan 7,162 pegangan individu dan 133 pegangan pertubuhan, diikuti oleh subsektor ternakan iaitu 232 dengan 229 pegangan pertanian individu dan tiga (3) pegangan pertanian pertubuhan. Seterusnya adalah perhutanan & pembalakan iaitu 95 dengan 89 pegangan individu dan enam (6) pegangan pertubuhan, perikanan tangkapan iaitu 59 dengan keseluruhannya adalah pegangan individu, serta akuakultur iaitu 40 dengan 35 pegangan individu dan lima (5) pegangan pertubuhan.


Paparan 86: Pegangan Pertanian, Gua Musang, 2023



Keluasan bertanam yang direkodkan di Jajahan ini adalah 142,071.6 hektar. Nilai jualan sektor pertanian bagi Gua Musang adalah sebanyak RM2.29 bilion pada tahun 2023. Subsektor tanaman masih lagi

mendahului subsektor lain dengan menyumbang sebanyak RM2.17 bilion atau 94.8 peratus daripada keseluruhan nilai jualan pertanian di Jajahan ini diikuti oleh subsektor perhutanan & pembalakan berjumlah RM79.72 juta, subsektor ternakan RM33.25 juta, subsektor akuakultur RM3.83 juta dan subsektor perikanan tangkapan RM3.22 juta.

Carta 8: Nilai Jualan Mengikut Subsektor, Gua Musang, 2023 (RM Juta)



4.8.1 Subsektor Ternakan

Kuantiti pengeluaran bagi penternakan ruminan (lembu/ kambing/ bebiri/ kerbau) dan unggas (ayam/ itik) adalah 2.3 juta ekor dengan nilai jualan RM30.67 juta. Manakala kuantiti pengeluaran bagi hasilan ternakan pula direkodkan dengan 33.2 ribu biji telur, 11.8 ribu liter susu segar dan 1.0 ribu kilogram bagi hasilan yang lain. Nilai jualan keseluruhan bagi aktiviti ternakan adalah RM33.25 juta. Jumlah pendapatan pula mencecah RM33.76 juta dengan jumlah perbelanjaan RM11.94 juta. Pegangan pertanian bagi subsektor ternakan di Gua Musang adalah 232 dimana pegangan individu dan pertubuhan masing-masing adalah sebanyak 229 (98.7%) dan 3 (1.3%).

Paparan 87 : Parameter Utama Subsektor Ternakan, Gua Musang, 2023


TERNAKAN	Ekor	Biji	Kilogram	Liter
Kuantiti Pengeluaran	2.3 ribu	33.2 ribu	1.0 ribu	11.8 ribu
Nilai Jualan (RM)	30.75 juta	14.25 ribu	2.43 juta	53.49 ribu
Jumlah Pendapatan (RM)		33.76 juta		
Jumlah Perbelanjaan (RM)		11.94 juta		



4.8.2 Subsektor Tanaman

Bagi subsektor tanaman kuantiti pengeluaran yang direkodkan adalah 2.0 juta tan metrik dengan nilai jualan RM2.17 bilion. Keluasan tanaman mencecah 142,071.6 hektar. Pegangan pertanian bagi subsektor ini adalah 7,295. Daripada jumlah ini 98.2 peratus (7,162) adalah pegangan individu manakala 1.8 peratus (133) merupakan pegangan pertubuhan. Berdasarkan dapatan Banci Pertanian 2024, tanaman kelapa sawit merekodkan nilai jualan tertinggi iaitu RM1.90 bilion dengan keluasan bertanam 121,753.7 hektar diikuti buah-buahan (RM150.51 juta), getah (RM63.62 juta) dan sayur-sayuran (RM41.23 juta). Bagi tanaman buah-buahan, getah dan sayur-sayuran masing-masing berkeluasan 1,528.9 hektar, 18,167.50 hektar dan 466.6 hektar. Jajahan Gua Musang merekodkan jumlah pendapatan sebanyak RM2.42 bilion bagi subsektor ni dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM753.28 juta.

Paparan 88 : Parameter Utama Subsektor Tanaman, Gua Musang, 2023



4.8.3 Subsektor Perikanan

Kuantiti pengeluaran bagi subsektor akuakultur mencatatkan nilai ketiga tertinggi berbanding subsektor lain di Jajahan ini iaitu sebanyak 426.5 ribu ekor bagi baka & benih dan ikan hiasan dengan nilai jualan RM237.30 ribu. 193.2 tan metrik pengeluaran pula direkodkan meliputi aktiviti air tawar dan air payau. Nilai jualan yang direkodkan adalah RM3.59 juta. Jumlah pendapatan dan perbelanjaan pula masing-masing direkodkan sebanyak RM3.85 juta dan RM974.58 ribu. Bagi subsektor perikanan tangkapan, kuantiti pengeluaran adalah sebanyak 76.2 tan metrik dengan nilai jualan RM3.22 juta. Jumlah pendapatan bagi subsektor ini adalah sebanyak RM3.31 juta dan jumlah perbelanjaan sebanyak RM1.66 juta.

Paparan 89: Parameter Utama Subsektor Perikanan, Gua Musang, 2023




4.8.4 Subsektor Perhutanan & Pembalakan

Perhutanan dan pembalakan di Jajahan Gua Musang turut menjadi penyumbang kepada ekonomi setempat. Aktiviti pembalakan di jajahan ini merekodkan kuantiti pengeluaran sebanyak 120.89 ribu meter padu dengan nilai jualan RM78.98 juta. Bagi hasil hutan pula, kuantiti pengeluaran dan hasil jualan masing-masing berjumlah 21.2 ribu kilogram dan RM731.84 ribu. Jumlah pendapatan yang dijana oleh subsektor ini adalah sebanyak RM79.72 juta dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM30.54 juta.

4.8.5 Guna Tenaga Dan Gaji & Upah

Jumlah guna tenaga yang terlibat dalam aktiviti Pertanian di Jajahan Gua Musang adalah seramai 15,733 orang. Berdasarkan jumlah ini, sebanyak 4,297 orang terdiri daripada pegangan individu dan 11,436 orang daripada pegangan pertubuhan. Secara keseluruhan sebanyak 18.2 peratus merupakan Pemilik & Rakan Niaga yang aktif, iaitu bersamaan 2,857 orang, manakala 12,648 orang atau 80.4 peratus terdiri daripada Pekerja Bergaji. Selebihnya, seramai 228 orang atau 1.4 peratus adalah Pekerja Keluarga Tanpa Gaji. Purata gaji dan upah tahunan yang dicatatkan adalah sebanyak RM17,281. Pegangan pertanian individu mencatatkan purata gaji dan upah tahunan sebanyak RM18,996 manakala pegangan pertanian pertubuhan pula merekodkan RM17,058.

Paparan 90: Guna Tenaga Pertanian, Gua Musang, 2023




4.9 DAERAH PENTADBIRAN KUALA KRAI

Jajahan Kuala Krai terletak di bahagian tengah negeri Kelantan bersempadan dengan Jajahan Gua Musang, Jeli, Tanah Merah dan Negeri Terengganu. Jumlah pegangan pertanian di jajahan ini adalah yang kedua tertinggi selepas Jajahan Pasir Mas dengan jumlah sebanyak 11,480 meliputi seramai 11,421 (99.5%) pegangan pertanian individu dan 59 (0.5%) pegangan pertubuhan.

Bilangan pegangan pertanian tertinggi di Kuala Krai adalah subsektor tanaman iaitu 11,122 dengan 11,075 pegangan individu dan 47 pegangan pertubuhan, diikuti oleh subsektor ternakan iaitu 334 dengan 331 pegangan pertanian individu dan tiga (3) pegangan pertanian pertubuhan. Seterusnya adalah perikanan tangkapan iaitu 64 dengan keseluruhannya adalah pegangan

individu, akuakultur, 62 dengan 59 pegangan individu dan tiga (3) pegangan pertubuhan, serta perhutanan & pembalakan iaitu tujuh (7) dengan satu (1) pegangan individu dan enam (6) pegangan pertubuhan.

Paparan 91: Pegangan Pertanian, Kuala Krai, 2023



Keluasan bertanam yang direkodkan di Jajahan ini adalah 49,052.2 hektar. Nilai jualan sektor pertanian bagi Kuala Krai adalah sebanyak RM958.20 juta pada tahun 2023. Subsektor tanaman mendominasi aktiviti pertanian dengan menyumbang sebanyak RM684.42 juta atau 71.4 peratus daripada keseluruhan nilai jualan pertanian di Jajahan ini diikuti oleh subsektor perhutanan & pembalakan berjumlah RM208.47 juta, subsektor ternakan RM57.99 juta, subsektor akuakultur RM5.46 juta, dan subsektor perikanan tangkapan RM1.86 juta.


Carta 9: Nilai Jualan Mengikut Subsektor, Kuala Krai, 2023 (RM Juta)



4.9.1 Subsektor Tanaman

Bagi subsektor tanaman kuantiti pengeluaran yang direkodkan adalah sebanyak 340.0 ribu tan metrik dengan nilai jualan sebanyak RM684.42 juta. Keluasan tanaman mencecah 49,052.2 hektar. Pegangan pertanian bagi subsektor ini adalah sebanyak 11,122 orang. Daripada jumlah ini 99.6 peratus (11,075) adalah pegangan individu manakala 0.4 peratus (47) merupakan pegangan pertubuhan. Berdasarkan dapatan Banci Pertanian 2024, tanaman kelapa sawit merekodkan nilai jualan tertinggi iaitu sebanyak RM273.32 juta dengan keluasan bertanam 16,367.8 hektar diikuti buah-buahan (RM258.90 juta), tanaman getah (RM134.22 juta) dan sayur-sayuran (RM14.25 juta). Bagi tanaman buah-buahan, getah dan sayur-sayuran masing-masing berkeluasan 2,666.0 hektar, 28,874.2 hektar dan 163.6 hektar. Jajahan Kuala Krai merekodkan jumlah pendapatan sebanyak RM791.63 juta bagi subsektor ni dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM251.59 juta.

Paparan 92 : Parameter Utama Subsektor Tanaman, Kuala Krai, 2023



4.9.2 Subsektor Perhutanan & Pembalakan


Kuantiti pengeluaran bagi aktiviti pembalakan di Kuala Krai dicatatkan sebanyak 527.2 ribu meter padu dengan nilai jualan RM208.47 juta. Manakala bagi hasil hutan pula, kuantiti pengeluaran adalah sebanyak 250 kilogram. Nilai jualan yang direkodkan adalah sebanyak RM1.40 ribu. Jumlah pendapatan yang dijana oleh subsektor ini adalah sebanyak RM209.18 juta dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM113.72 juta.

4.9.3 Subsektor Ternakan

Kuantiti pengeluaran bagi penternakan ruminan (lembu/ kambing /bebiri/ kerbau) dan unggas (ayam/ itik) adalah sebanyak 4.5 juta ekor dengan nilai jualan sebanyak RM57.46 juta. Manakala kuantiti pengeluaran bagi hasilan ternakan pula direkodkan dengan 458.4 ribu biji telur dan 538 kilogram bagi hasilan yang lain. Nilai jualan keseluruhan bagi aktiviti ternakan adalah sebanyak RM57.99 juta. Jumlah pendapatan pula mencecah RM66.96 juta dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM49.59 juta. Pegangan pertanian bagi subsektor ternakan di Kuala Krai adalah sebanyak 334 dimana pegangan individu dan pertubuhan masing-masing adalah sebanyak 331 (99.1%) dan 3 (0.9%).

Paparan 93: Parameter Utama Subsektor Ternakan, Kuala Krai, 2023

TERNAKAN	Ekor	Biji	Kilogram
Kuantiti Pengeluaran	4.5 juta	485.4 ribu	538
Nilai Jualan (RM)	57.49 juta	124.64 ribu	370.48 ribu
Jumlah Pendapatan (RM)			66.96 juta
Jumlah Perbelanjaan (RM)			49.59 juta



4.9.4 Subsektor Perikanan

Kuantiti pengeluaran bagi subsektor akuakultur di Tanah Merah direkodkan sebanyak 5.9 juta ekor bagi baka & benih dan ikan hiasan dengan nilai jualan RM593.54 ribu. Sebanyak 542.3 tan metrik pengeluaran pula meliputi aktiviti air tawar dan air payau. Nilai jualan yang direkodkan adalah RM4.87 juta. Jumlah pendapatan dan perbelanjaan pula masing-masing direkodkan sebanyak RM5.51 juta dan RM1.58 juta. Bagi subsektor perikanan tangkapan, kuantiti pengeluaran adalah sebanyak 66.0 tan metrik dengan nilai jualan RM1.86 juta. Jumlah pendapatan bagi subsektor ini adalah sebanyak RM1.99 juta dan jumlah perbelanjaan sebanyak RM1.08 juta.


Paparan 94: Parameter Utama Subsektor Perikanan, Kuala Krai,



4.9.5 Guna Tenaga Dan Gaji & Upah

Jumlah guna tenaga yang terlibat dalam aktiviti pertanian di Jajahan Kuala Krai adalah seramai 5,882 orang. Berdasarkan jumlah ini, sebanyak 2,802 orang terdiri daripada pegangan individu dan 3,080 orang daripada pegangan pertubuhan. Secara keseluruhan sebanyak 46.8 peratus merupakan Pemilik & Rakan Niaga yang aktif, iaitu bersamaan 2,750 orang, manakala 3,010 orang atau 51.2 peratus terdiri daripada Pekerja Bergaji. Selebihnya, seramai 122 orang atau 2.1 peratus adalah Pekerja Keluarga Tanpa Gaji. Purata gaji dan upah tahunan yang dicatatkan adalah sebanyak RM19,596. Pegangan pertanian individu mencatatkan purata gaji dan upah tahunan sebanyak RM24,940 manakala pegangan pertanian pertubuhan pula merekodkan RM19,414.

Paparan 95: Guna Tenaga Pertanian, Kuala Krai, 2023




4.10 DAERAH PENTADBIRAN JELI

Hasil dapatan Banci Pertanian 2024 menunjukkan Jajahan Jeli mempunyai jumlah pegangan pertanian sebanyak 5,426 meliputi seramai 5,405 (99.6%) pegangan pertanian individu dan 21 (0.4%) pegangan pertubuhan.

Bilangan pegangan pertanian tertinggi di Jeli adalah subsektor tanaman iaitu 5,156 dengan 5,148 pegangan individu dan lapan (8) pegangan pertubuhan, diikuti oleh subsektor ternakan iaitu 251 dengan 247 pegangan pertanian individu dan empat (4) pegangan pertanian pertubuhan. Seterusnya adalah akuakultur iaitu 65 dengan 54 pegangan individu dan 11 pegangan pertubuhan, perhutanan & pembalakan iaitu 28 dengan keseluruhannya adalah pegangan pertubuhan serta perikanan tangkapan iaitu tiga (3) dengan keseluruhannya adalah pegangan individu.

Paparan 96: Pegangan Pertanian, Jeli, 2023



Keluasan bertanam yang direkodkan di Jajahan ini adalah 21,392.5 hektar. Nilai jualan sektor pertanian bagi Jeli adalah sebanyak RM598.37 juta pada tahun 2023. Subsektor tanaman masih lagi mendahului subsektor lain dengan menyumbang sebanyak RM554.64 juta atau 92.7 peratus daripada keseluruhan nilai jualan pertanian di Jajahan ini diikuti oleh, subsektor ternakan RM39.78 juta, subsektor akuakultur RM3.82 juta, subsektor perikanan tangkapan RM0.07 juta dan subsektor perhutanan & pembalakan berjumlah RM0.07 juta.

Carta 10: Nilai Jualan Mengikut Subsektor, Jeli, 2023 (RM Juta)



4.10.1 Subsektor Ternakan

Kuantiti pengeluaran bagi penternakan ruminan (lembu/ kambing/ bebiri/ kerbau) dan unggas (ayam/ itik) adalah 2.4 juta ekor dengan nilai jualan sebanyak RM39.28 juta. Manakala kuantiti pengeluaran bagi hasilan ternakan pula direkodkan dengan 22.5 ribu biji telur dan 1,283 kilogram bagi hasilan yang lain. Nilai jualan keseluruhan bagi aktiviti ternakan adalah RM39.78 juta. Jumlah pendapatan pula mencecah RM40.50 juta dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM14.61 juta. Pegangan pertanian bagi subsektor ternakan Jeli adalah 251 dimana pegangan individu dan pertubuhan masing-masing adalah sebanyak 247 (98.4%) dan 4 (1.6%).


Paparan 97 : Parameter Utama Subsektor Ternakan, Jeli, 2023

TERNAKAN	Ekor	Biji	Kilogram	Liter
Kuantiti Pengeluaran	2.4 juta	22.5 ribu	1.3 ribu	-
Nilai Jualan (RM)	39.35 juta	8.82 ribu	418.01 ribu	-
Jumlah Pendapatan (RM)			40.50 juta	
Jumlah Perbelanjaan (RM)			14.61 juta	

4.10.2 Subsektor Tanaman

Bagi subsektor tanaman, kuantiti pengeluaran yang direkodkan adalah 173.6 ribu tan metrik dengan nilai jualan sebanyak RM554.64 juta. Keluasan tanaman mencecah 21,392.5 hektar. Pegangan pertanian bagi subsektor ini adalah sebanyak 5,156. Daripada jumlah ini 99.8 peratus (5,148) adalah pegangan individu manakala 0.2 peratus (8) merupakan pegangan pertubuhan. Berdasarkan dapatan Banci Pertanian 2024, tanaman buah-buahan merekodkan nilai jualan tertinggi iaitu sebanyak RM394.88 juta dengan keluasan bertanam 5,352.0 hektar diikuti kelapa sawit (RM111.38 juta), getah (RM23.80 juta) dan sayur-sayuran (RM20.07 juta). Bagi tanaman kelapa sawit, getah dan sayur-sayuran masing-masing berkeluasan 7,950.6 hektar, 7,393.0 hektar dan 456.8 hektar. Jajahan Jeli merekodkan jumlah pendapatan sebanyak RM600.81 juta bagi subsektor ni dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM193.36 juta.

Paparan 98: Parameter Utama Subsektor Tanaman, Jeli, 2023



4.10.3 Subsektor Perhutanan & Pembalakan

Kuantiti pengeluaran bagi hasil hutan di Jajahan Jeli adalah sebanyak 6,841.0 kilogram dengan nilai jualan RM68.77 ribu. Jumlah pendapatan yang dijana oleh subsektor ini adalah sebanyak RM69.97 ribu dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM5.09 ribu.

4.10.4 Subsektor Perikanan

Kuantiti pengeluaran bagi subsektor akuakultur bagi Jajahan Jeli adalah 1.1 juta ribu ekor bagi baka & benih dan ikan hiasan dengan nilai jualan RM193.55 ribu. Sebanyak 405.2 tan metrik pengeluaran pula meliputi aktiviti air tawar dan air payau. Nilai jualan yang direkodkan adalah RM3.62 juta. Jumlah pendapatan dan perbelanjaan pula masing-masing direkodkan sebanyak RM3.83 juta dan RM1.01 juta. Bagi subsektor perikanan tangkapan, kuantiti pengeluaran adalah 6.7 tan metrik dengan nilai jualan RM72.39 ribu. Jumlah pendapatan bagi subsektor ini adalah RM72.39 ribu dan jumlah perbelanjaan RM33.79 ribu.


Paparan 99: Parameter Utama Subsektor Perikanan, Jeli, 2023



4.10.5 Guna Tenaga Dan Gaji & Upah

Jumlah guna tenaga yang terlibat dalam aktiviti pertanian di Jajahan Jeli adalah seramai 3,766 orang. Berdasarkan jumlah ini, sebanyak 2,989 orang terdiri daripada pegangan individu dan 777 orang daripada pegangan pertubuhan. Secara keseluruhan sebanyak 48.4 peratus merupakan Pemilik & Rakan Niaga yang aktif, iaitu bersamaan 1,822 orang, manakala 1,846 orang atau 49.0 peratus terdiri daripada Pekerja Bergaji. Selebihnya, seramai 98 orang atau 2.6 peratus adalah Pekerja Keluarga Tanpa Gaji. Purata gaji dan upah tahunan yang dicatatkan adalah sebanyak RM18,146. Pegangan pertanian individu mencatatkan purata gaji dan upah tahunan sebanyak RM18,212 manakala pegangan pertanian pertubuhan pula merekodkan RM18,045.

Paparan 100: Guna Tenaga Pertanian, Jeli, 2023




4.11 DAERAH PENTADBIRAN KECIL LOJING

Jajahan Kecil Lojing merekodkan jumlah pegangan pertanian paling rendah berbanding jajahan lain di Negeri Kelantan. Jumlah pegangan pertanian adalah sebanyak 1,223 meliputi seramai 1,213 (99.2%) pegangan pertanian individu dan 10 (0.8%) pegangan pertubuhan.


Bilangan pegangan pertanian tertinggi di Kecil Lojing adalah subsektor tanaman iaitu 1,202 dengan 1,192 pegangan individu dan 10 pegangan pertubuhan, diikuti oleh subsektor perhutanan & pembalakan iaitu 72 dengan keseluruhannya adalah pegangan pertanian individu. Seterusnya adalah perikanan tangkapan dan ternakan dengan masing-masing satu (1) pegangan pertanian individu.

Paparan 101: Pegangan Pertanian, Kecil Lojing, 2023



Keluasan bertanam yang direkodkan di Jajahan ini adalah 3,379.3 hektar. Nilai jualan sektor pertanian bagi Kecil Lojing adalah sebanyak RM 715.16 juta pada tahun 2023. Subsektor tanaman mendominasi aktiviti pertanian dengan menyumbang sebanyak RM714.77 juta atau 99.9 peratus daripada keseluruhan nilai jualan pertanian di Jajahan ini diikuti oleh subsektor perhutanan & pembalakan berjumlah RM0.21 juta, subsektor ternakan RM0.15 juta dan subsektor perikanan tangkapan RM0.03 juta.


Carta 11: Nilai Jualan Mengikut Subsektor, Kecil Lojing, 2023 (RM Juta)



4.11.1 Subsektor Tanaman

Bagi subsektor tanaman kuantiti pengeluaran yang direkodkan adalah sebanyak 106.3 ribu tan metrik dengan nilai jualan sebanyak RM714.77 juta. Keluasan tanaman mencecah 3,379.3 hektar. Pegangan pertanian bagi subsektor ini adalah sebanyak 1,202. Daripada jumlah ini 99.2 peratus (1,192) adalah pegangan individu manakala 0.8 peratus (10) merupakan pegangan pertubuhan. Berdasarkan dapatan Banci Pertanian 2024, tanaman sayur-sayuran merekodkan nilai jualan tertinggi iaitu sebanyak RM643.53 juta dengan keluasan bertanam 2,047.1 hektar diikuti buah-buahan (RM40.99 juta), kelapa sawit (RM1.80 juta) dan tanaman lain (RM25.18 juta). Bagi tanaman buah-buahan, kelapa sawit dan tanaman lain masing-masing berkeluasan 177.9 hektar, 109.0 hektar dan 66.3 hektar. Jajahan Kecil Lojing merekodkan jumlah pendapatan sebanyak RM839.30 juta bagi subsektor ni dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM311.91 juta.

Paparan 102: Parameter Utama Subsektor Tanaman, Jeli, 2023



4.11.2 Subsektor Perhutanan & Pembalakan

Kuantiti pengeluaran bagi hasil hutan di Jajahan Kecil Lojing adalah sebanyak 19.3 kilogram dengan nilai jualan RM209.69 ribu. Jumlah pendapatan yang dijana oleh subsektor ini adalah sebanyak RM209.69 ribu dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM11.31 ribu.

4.11.3 Subsektor Ternakan

Kuantiti pengeluaran bagi penternakan ruminan (lembu/kambing/bebiri/kerbau) dan unggas (ayam/itik) adalah sebanyak 107.0 ekor dengan nilai jualan sebanyak RM110.45 ribu. Jumlah pendapatan pula mencecah RM148.61 ribu dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM85.89 ribu.

Paparan 103 : Parameter Utama Subsektor Ternakan, Kecil Lojing, 2023

TERNAKAN	Ekor	Biji	Kilogram	Liter
Kuantiti Pengeluaran	176	-	-	-
Nilai Jualan (RM)	148.61 ribu	-	-	-
Jumlah Pendapatan (RM)			148.61 ribu	
Jumlah Perbelanjaan (RM)			85.89 ribu	



4.11.4 Subsektor Perikanan

Bagi subsektor perikanan tangkapan, kuantiti pengeluaran adalah sebanyak 0.5 tan metrik dengan nilai jualan RM33.90 ribu. Jumlah pendapatan bagi subsektor ini adalah sebanyak RM36.90 ribu dan jumlah perbelanjaan sebanyak RM18.07 ribu.


Paparan 104: Parameter Utama Subsektor Perikanan, Kecil Lojing, 2023



4.11.5 Guna Tenaga Dan Gaji & Upah

Jumlah guna tenaga yang terlibat dalam aktiviti pertanian di Jajahan Kecil Lojing adalah seramai 1,546 orang. Berdasarkan jumlah ini, sebanyak 651 orang terdiri daripada pegangan individu dan 895 orang daripada pegangan pertubuhan. Secara keseluruhan sebanyak 31.0 peratus merupakan Pemilik & Rakan Niaga yang aktif, iaitu bersamaan 480 orang, manakala 1,012 orang atau 65.5 peratus terdiri daripada Pekerja Bergaji. Selebihnya, seramai 54 orang atau 3.5 peratus adalah Pekerja Keluarga Tanpa Gaji. Purata gaji dan upah tahunan yang dicatatkan adalah sebanyak RM22,015. Pegangan pertanian individu mencatatkan purata gaji dan upah tahunan sebanyak RM19,891 manakala pegangan pertanian pertubuhan pula merekodkan RM22,661.

Paparan 105: Guna Tenaga Pertanian, Kecil Lojing, 2023













RENCANA

105 Lada Hitam Pemangkin Ekonomi Baru Negeri Kelantan

110 Industri Durian di Kelantan: Peluang, Cabaran Dan Sumbangan Kepada Ekonomi

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

LADA HITAM PEMANGKIN EKONOMI BARU PETANI KELANTAN

Nur Khuzaimah binti Lokhman, Norazimah binti Zakaria
Jabatan Perangkaan Malaysia, Negeri Kelantan

Pendahuluan

Sektor pertanian terus memainkan peranan penting dalam menyokong pembangunan ekonomi negeri serta meningkatkan kesejahteraan Masyarakat luar bandar. Seiring dengan usaha mempelbagaikan sumber pendapatan petani, tanaman rempah bernilai tinggi seperti lada hitam semakin mendapat perhatian sebagai komoditi alternatif yang berpotensi untuk dibangunkan secara lebih meluas di negeri Kelantan. Dengan permintaan pasaran yang stabil serta nilai komersial yang tinggi, tanaman ini berupaya menjadi pemangkin kepada peluang ekonomi baharu dalam kalangan petani tempatan.

Lada hitam atau *Piper nigrum* merupakan antara rempah utama yang digunakan secara meluas dalam industry makanan di seluruh dunia. Selain digunakan sebagai bahan penting dalam masakan, lada hitam turut dimanfaatkan dalam industri farmaseutikal, produk Kesihatan dan pemprosesan makanan. Permintaan global yang berterusan menjadikan lada hitam sebagai salah satu komoditi pertanian yang mempunyai nilai ekonomi tinggi serta potensi pasaran yang luas.

Di Malaysia, pembangunan industri lada diselaraskan oleh Lembaga Lada Malaysia yang bertanggungjawab dalam penyelidikan, pembangunan serta pemasaran produk lada negara. Negara ini dikenali sebagai antara pengeluar lada berkualiti tinggi di dunia dan berada dalam kalangan pengeluar utama lada di peringkat global. Walau bagaimanapun sebahagian besar pengeluaran lada negara masih tertumpu di negeri Sarawak yang menyumbang hampir keseluruhan pengeluaran lada di Malaysia. Keadaan ini menunjukkan bahawa masih terdapat ruang yang luas untuk memperluaskan tanaman lada ke negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia termasuk Kelantan.

Dari segi agroiklim, Kelantan mempunyai kelebihan semula jadi yang sesuai untuk pembangunan tanaman lada hitam. Tanaman ini memerlukan iklim tropika yang panas dan lembap dengan suhu sekitar 25 hingga 32 *darjah celsius* serta taburan hujan yang mencukupi sepanjang tahun. Keadaan ini sememangnya terdapat di kebanyakan kawasan di negeri Kelantan. Selain itu, tanah yang mempunyai sistem saliran yang baik serta struktur tanah yang sesuai seperti loam berpasir sangat membantu pertumbuhan pokok lada. Kawasan tanah berbukit juga amat sesuai kerana ia mengurangkan risiko takungan air yang boleh menyebabkan penyakit akar. Beberapa kawasan di Kelantan dikenal pasti mempunyai potensi untuk pembangunan tanaman lada hitam. Antaranya termasuk daerah Kota Bharu, Pasir Mas, Pasir Puteh, Tanah Merah dan Tumpat yang

mempunyai keluasan tanah pertanian yang masih boleh dimanfaatkan. Kawasan-kawasan ini juga mempunyai komuniti petani yang aktif serta berpotensi untuk terlibat dalam projek tanaman komersial secara berperingkat. Terdapat juga usahawan kecil di Kelantan telah berjaya menjadikan penanaman lada hitam sebagai sumber pendapatan tetap. Berdasarkan kepada Laporan Interim Tanaman Lada daripada dapatan Banci Pertanian 2024, daerah Tumpat mencatatkan pengeluaran tanaman lada teratas di negeri Kelantan iaitu dengan keluasan bertanam lada 0.28 hektar dan nilai jualan sebanyak RM38.7 ribu.

Paparan 1: Pengeluaran Tanaman lada Teratas megikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023



Julau, Sarawak	3,407	1,065.5	960.0	5,133.4	4,564.5	109.5
Tebedu, Sarawak	3,058	814.4	614.5	3,492.3	2,477.9	59.5
Serian, Sarawak	2,736	637.0	563.2	3,289.1	2,707.4	65.0

Berdasarkan kepada dapatan Banci Pertanian 2024, keseluruhan keluasan bertanam dan keluasan bertuai bagi penanaman lada di Malaysia merekodkan 7,675.1 hektar dan 6,707.0 hektar dengan Kelantan merekodkan keluasan bertanam dan bertuai sebanyak 1.22 hektar (0.02%) dan 1.01 hektar (0.02%). Kuantiti pengeluaran untuk penanaman lada merekodkan keseluruhan 35,833.7 tan metrik dengan Kelantan merekodkan kuantiti pengeluaran 4,093.3 tan metrik (11.4%) bagi pegangan pertanian individu manakala untuk pegangan pertanian pertubuhan masih belum ada di Kelantan. Di peringkat daerah, Tumpat merekodkan pengeluaran lada tertinggi iaitu 1,836.0 tan metrik (44.9%).

Bagi parameter kuantiti jualan dan nilai jualan penanaman lada merekodkan sebanyak 30,647.9 tan metrik dengan nilai jualan RM735.2 juta. Kelantan merekodkan kuantiti nilai jualan RM84.4 ribu, kedudukan ketujuh di Malaysia. Julau, Sarawak mencatatkan kuantiti dan nilai jualan tertinggi iaitu 4,564.5 tan metrik (14.9%) dan RM109.5 juta (14.9%), diikuti Tebedu, Sarawak, 2,477.9 tan metrik (8.1%) dan nilai jualan RM59.5 juta (8.1%).

Paparan 2: Parameter Utama Tanaman Lada, Malaysia, 2023



32,602	8,362.6	6,814.2	34,942.2	30,742.0	738.0

Paparan 3: Parameter Utama Tanaman Lada bagi 3 negeri teratas, Malaysia, 2023 dan negeri Kelantan



1. Sarawak	32,155	7,622.2	6,659.6	35,605.9	30,440.5	730.6
2. Sabah	261	31.4	28.3	137.5	128.8	2.8
3. Johor	105	47.0	45.89	121.7	110.8	2.8
7. Kelantan	**11**	**1.2**	**1.0**	**4.1**	**3.7**	**0.08**

Tanaman lada hitam berpotensi memberikan pulangan ekonomi menarik kepada pengusaha pertanian. Pokok lada lazimnya mula mengeluarkan hasil selepas tiga hingga empat tahun penanaman dan mampu menghasilkan buah secara berterusan sehingga belasan tahun sekiranya diuruskan dengan baik. Justeru itu, melihat kepada potensi penanaman lada ini, Kerajaan Negeri Kelantan melalui Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad (KPKB) dengan kerjasama Lemabaga Lada Malaysia (MPB) telah melaksanakan pelbagai insiatif untuk menggalakkan penanaman lada di Kelantan. Antara inisiatif yang dilaksanakan adalah Kursus Penanaman Lada Hitam di mana di dalam kursus ini peserta diberi pendedahan mengenai variati lada, penyediaan bahan tanaman, penanaman, penjagaan, pengurusan masalah nutrient, pengurusan penyakit dan program pembangunan huluan industri lada.

Lembaga Lada Hitam Malaysia (LLHM) turut memberi bantuan dan khidmat nasihat kepada usahawan kecil yang mengusahakan tanaman lada terutamanya daripada aspek teknikal termasuk penyediaan anak benih berkualiti dari negeri Sarawak, Johor, Perak dan Terengganu. LLHM juga turut memberi bekalan baja yang diperlukan oleh usahawan kecil yang mengusahakan tanaman lada bagi menghasilkan pertumbuhan pokok yang berkualiti. Dengan pengurusan yang sistematik dan sokongan teknikal yang mencukupi, tanaman lada hitam berpotensi menjadi komoditi bernilai tinggi yang mampu meningkatkan taraf ekonomi petani.

Cabaran Pembangunan Tanaman Lada

Walaupun mempunyai potensi yang besar, pembangunan tanaman lada di Kelantan turut berdepan beberapa cabaran. Antaranya termasuk kos penyediaan sokongan tanaman seperti tiang atau pokok sokongan yang diperlukan bagi memastikan pokok lada dapat tumbuh dengan baik.

Selain itu, tempoh matang tanaman yang agak panjang memerlukan kesabaran dan komitmen tinggi daripada petani sebelum hasil dapat dituai secara optimum. Risiko serangan penyakit seperti reput pangkal juga boleh menjejaskan produktiviti tanaman sekiranya tidak dikawal dengan baik.

Di samping itu, pengalaman petani tempatan dalam mengusahakan tanaman lada masih terhad berbanding pengusaha di Sarawak yang telah lama terlibat dalam industri ini. Oleh itu, latihan teknikal, bimbingan serta pemindahan teknologi amat penting bagi memastikan petani dapat menguruskan tanaman lada secara lebih cekap dan produktif.

Hala Tuju Pembangunan Industri Lada

Bagi memastikan pembangunan tanaman lada di Kelantan dapat dilaksanakan secara berkesan, kerjasama antara agensi kerajaan, institusi penyelidikan serta pengusaha pertanian amat diperlukan. Program latihan, khidmat nasihat teknikal serta penyediaan bahan tanaman berkualiti perlu diperkukuhkan bagi membantu meningkatkan produktiviti dan kualiti hasil tanaman.

Dalam masa yang sama, pembangunan tanaman lada juga boleh dijadikan sebagai salah satu strategi untuk memperkukuh sektor pertanian negeri serta meningkatkan pendapatan petani luar bandar. Usaha ini selari dengan aspirasi pembangunan pertanian yang menekankan kepada pengeluaran komoditi bernilai tinggi dan berdaya saing.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, tanaman lada hitam mempunyai potensi besar untuk dikembangkan di Kelantan sebagai komoditi pertanian bernilai tinggi. Dengan kelebihan agroiklim yang sesuai, sokongan daripada agensi berkaitan serta penglibatan aktif petani, tanaman ini mampu menjadi pemangkin kepada peluang ekonomi baharu dalam kalangan masyarakat luar bandar.

Sekiranya dimanfaatkan secara optimum, pembangunan tanaman lada hitam bukan sahaja dapat meningkatkan pendapatan petani, malah berpotensi menjadikan Kelantan sebagai salah satu negeri pengeluar lada baharu di Semenanjung Malaysia pada masa hadapan.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis dan tidak mewakili pandangan DOSM.

Rujukan

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2025). *Banci Pertanian 2024: Laporan Interim Lada*. https://www.dosm.gov.my/

Laman Web Rasmi Majlis Keselamatan Negara: https://www.mkn.gov.my/web/ms/2022/05/22/kelantan-berpotensi-sebagai-pengeluar-lada-hitam/

INDUSTRI DURIAN DI KELANTAN: PELUANG, CABARAN DAN SUMBANGAN KEPADA EKONOMI

Wan Aziam binti Wan Awang @ Wan Ismail, Rosmaria binti Hussin
Jabatan Perangkaan Malaysia, Negeri Kelantan

Pendahuluan

Sektor pertanian kekal sebagai penyumbang kedua terbesar kepada KDNK Negeri Kelantan pada tahun 2024 selepas sektor perkhidmatan dengan catatan 20.1 peratus dan nilai ditambah RM5.7 bilion. Sektor ini mencatatkan peningkatan 2.8 peratus berbanding penguncupan 1.6 peratus pada tahun 2023, didorong oleh peningkatan signifikan di dalam subsektor tanaman, 5.4 peratus dan subsektor perikanan, 2.0 peratus. Subsektor tanaman mendominasi sektor pertanian dengan sumbangan 75.2 peratus, diikuti oleh subsektor perhutanan dan pembalakan (13.3 peratus), subsektor perikanan (6.3 peratus) dan subsektor ternakan (5.1 peratus). Peningkatan dalam pengeluaran buah-buahan seperti durian, tembikai, pisang, dokong dan manggis serta sayur-sayuran seperti tomato, timun, labu manis dan sebagainya merupakan faktor berlakunya pertumbuhan yang positif di dalam subsektor tanaman.

Kelantan yang mempunyai tanah yang subur dan iklim tropika menjadikan negeri ini sebagai lokasi yang bersesuaian dengan pelbagai jenis tanaman makanan dan buah-buahan. Durian yang sinonim dengan gelaran ‘raja buah’ merupakan tanaman yang semakin mendapat perhatian kerana terdapatnya permintaan yang tinggi bukan sahaja di pasaran tempatan, bahkan juga di pasaran antarabangsa seperti China, Singapura dan lain-lain negara. Permintaan bagi durian premium seperti Musang King, D24 dan Udang Merah menjadikan tanaman ini berpotensi dijadikan sebagai komoditi strategik yang mampu meningkatkan pendapatan para petani seterusnya memberi impak kepada ekonomi negeri. Industri durian di negeri ini bukan sahaja memberi peluang penanaman secara komersial, malah membuka ruang bagi produk hiliran yang menambah nilai kepada hasil ladang.

Walaupun industri durian menunjukkan potensi yang besar, terdapat pelbagai cabaran yang perlu dihadapi oleh para petani atau pengusaha. Antaranya termasuk tempoh matang pokok yang agak lama bagi mengeluarkan hasil, faktor cuaca yang tidak menentu seperti banjir dan risiko penyakit tanaman. Turun naik harga pasaran yang berlaku semasa musim lambakan juga turut memberikan kesan kepada pendapatan petani dan kestabilan industri ini. Walau bagaimanapun, sokongan yang diberikan oleh kerajaan melalui pelbagai program pembangunan pertanian dan penggunaan teknologi pertanian yang lebih moden akan dapat memastikan tanaman durian ini terus kekal memberikan sumbangan yang signifikan kepada ekonomi negeri Kelantan.

Senario Penanaman Durian di Negeri Kelantan

Berdasarkan Banci Pertanian 2024, tanaman durian mencatatkan pengeluaran tertinggi dalam subsektor tanaman buah-buahan iaitu sebanyak 793,683.2 tan metrik. Selain itu, tanaman durian juga merekodkan keluasan bertanam dan bertuai terbesar di Malaysia masing-masing seluas 94,801.9 hektar dan 81,828.9 hektar. Tiga negeri yang menghasilkan kuantiti pengeluaran utama bagi tanaman durian adalah Johor (295,613.3 tan metrik), Pahang (146,718.1 tan metrik) dan Kelantan (72, 306.8 tan metrik). Di Kelantan, durian merupakan tanaman utama bagi kategori buah-buahan diikuti tembikai dan pisang. Bilangan pegangan pertanian di Kelantan yang terlibat dalam aktiviti tanaman durian adalah seramai 1,955 pegangan dengan pegangan individu seramai 1,943 (99.4%) dan pertubuhan sebanyak 12 (0.6%). Keluasan bertanam di Kelantan adalah seluas 8,020.7 hektar dan nilai bertuai adalah seluas 7,215.6 hektar. Manakala kuantiti jualan adalah sebanyak 53,809.2 tan metrik dengan nilai jualan adalah berjumlah RM1,083.02 juta bagi tanaman durian di Kelantan.

Tanaman durian merupakan tanaman utama bagi daerah Jeli, Kuala Krai, Machang, Lojing, Gua Musang dan Tanah Merah. Keluasan bertanam tertinggi adalah di daerah Jeli (3,917 hektar), Kuala Krai (1,227.6 hektar) dan Machang (710.1 hektar). Situasi yang sama juga bagi keluasan bertuai tertinggi bagi tanaman durian iaitu di Jeli (3,567.6 hektar), Kuala Krai (1,082.2 hektar) dan Machang (689.5 hektar). Kuantiti pengeluaran terbesar adalah di daerah Jeli (23,925.7 tan metrik), Kuala Krai (16,285.9 tan metrik), Machang (7,387.4 tan metrik) dan Gua Musang (5,891.5 tan metrik). Bagi kuantiti jualan, Jeli merekodkan kuantiti tertinggi iaitu 19,155.0 tan metrik, diikuti Kuala Krai (11,883.3 tan metrik), Machang (5,525.1 tan metrik) dan Gua Musang (5,082.9 tan metrik). Manakala bagi nilai jualan, Jeli merupakan penyumbang terbesar bagi tanaman di Kelantan dengan nilai jualan sebanyak RM363.94 juta selari dengan kuantiti pengeluaran tertinggi dicatatkan. Nilai jualan kedua tertinggi adalah Kuala Krai (RM 225.78 juta), diikuti Gua Musang (RM125.46 juta) dan Machang (RM110.11 juta).

Spesies durian popular ditanam di Kelantan adalah Musang King atau dikenali rakyat setempat sebagai durian kunyit kerana permintaan tinggi, harga premium dan dikenali luas di Malaysia serta pasaran antarabangsa. Varieti ini telah didaftarkan secara rasmi dengan Jabatan Pertanian pada 9 Disember 1993 dengan kod pendaftaran rasmi D197. Pokok asal durian Raja Kunyit ditemui di Tanah Merah, Kelantan dan pendaftarannya telah dibuat atas nama Wee Chong Beng individu yang bertanggungjawab memperkenalkan varieti ini kepada umum. Nama “Raja Kunyit” diberikan kerana warna isinya yang kuning keemasan menyerupai kunyit, manakala nama komersial “Musang King” dipercayai merujuk kepada daerah asalnya yang berdekatan Gua Musang dan statusnya sebagai “raja” segala durian dari segi rasa dan kualiti.

Varieti durian ini berkembang pesat dengan wujudnya ladang terbesar negara di Lojing iaitu Ladang Sindiyan yang telah diiktiraf sebagai ladang durian terbesar

negara, menandakan peralihan daripada dusun kecil kepada pengeluaran berskala industri. Hasilnya dieksport ke negara seperti China, Australia, dan Eropah. Ladang ini mempunyai lebih 200,000 pokok, menyasarkan pengeluaran 60,000 tan metrik setahun. Kawasan tanah tinggi di Lojing menyediakan cuaca dan keadaan persekitaran yang ideal untuk kualiti durian yang bertaraf dunia. Usaha ini juga merangkumi kawasan lain seperti Tanah Merah yang merupakan tempat asal varieti ini ditemui . Ladang yang berkeluasan 3,000 ekar juga berpotensi sebagai agropelancongan yang dapat menarik pelancong domestik dan luar negara untuk merasai pengalaman makan durian segar di bawah pokok dalam suasana yang selesa.

Rancangan Kerajaan Negeri

Walaupun berhadapan dengan risiko perubahan iklim global, ketidaktentuan geopolitik dan sekatan eksport yang menjejaskan keterjaminan makanan, kerajaan negeri tetap komited dalam usaha menjadikan Kelantan sebagai **jelapang makanan negara** atau **baloh negara**. Pelbagai inisiatif dan projek digerakkan bagi menjana sumber, bekalan dan keterjaminan makanan, selari dengan Dasar Pertanian Negeri Kelantan 2021-2025, Halatuju Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) 2024-2028, Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan sasaran projek flagship portfolio pertanian kerajaan negeri.

Bagi meningkatkan keluasan tanaman dan memperkukuh sektor pertanian, sebanyak 3,332.92 hektar tanah terbiar telah diusahakan menjadi ladang produktif sejak 2006 dengan pembiayaan kerajaan negeri dan persekutuan melebihi RM26 juta. Kerajaan negeri memperuntukkan sejumlah RM12.6 juta bagi membangunkan tanah terbiar seluas 2,332.57 hektar, manakala kerajaan persekutuan menyumbang lebih RM13.7 juta bagi 1,000.35 hektar tanah terbiar. Pelbagai tanaman kekal seperti kelapa, durian, limau madu serta tanaman kontan seperti tembikai, nanas dan sebagainya telah diusahakan pada tanah berkenaan. Melalui pembiayaan tersebut, kerajaan turut menyediakan komponen infrastruktur merangkumi sistem pengairan dan saliran, pembelian input, pembersihan dan penyediaan tapak serta mekanisasi dan peralatan pertanian.

Dalam usaha menjadikan durian sebagai komoditi bernilai tinggi selari dengan hasrat kerajaan negeri, beberapa projek komersial berskala besar telah dijalankan oleh pihak swasta seperti S Durian World dan Duriagro Berhad. Tumpuan diberikan terhadap penanaman durian premium iaitu Raja Kunyit dan Musang King di jajahan Kuala Krai dan Gua Musang. Faktor geografi di kawasan berkenaan seperti iklim tropika dengan suhu panas lembap serta taburan hujan yang mencukupi, di samping kawasan tanah tinggi dan berbukit menjadikan ianya pilihan lokasi yang tepat bagi menghasilkan buah yang berkualiti tinggi. Ini terbukti apabila syarikat-syarikat ini berjaya mengukuhkan kedudukan di dalam pasaran eksport, di mana negara China menyumbang sebahagian besar permintaan bagi durian premium. Bagi memastikan buah ini terus

gah di pasaran global, teknologi moden seperti penggunaan dron digunakan bagi memantau kesihatan pokok dan meningkatkan kecekapan ladang, disamping melaksanakan amalan pertanian yang baik dan strategi eksport yang tersusun. Penerokaan bagi menembusi pasaran Eropah dan Timur Tengah seterusnya memperkenalkan produk nilai tambah seperti durian sejuk beku dan snek berasaskan durian turut dilaksanakan bagi mengurangkan berlakunya pembaziran selepas penuaian.

Kerajaan Negeri turut menyokong pengembangan projek seperti Sindiyan Eco Park di Gua Musang yang telah diiktiraf di dalam **'The Malaysia Book of Records'** sebagai ladang penanaman durian jenis Musang King yang terbesar di Malaysia. Pembangunan ladang ini bukan sahaja dapat meningkatkan pengeluaran buah bahkan meggalakkan agropelancongan, membuka peluang pekerjaan tempatan dan memperkenalkan produk durian Kelantan kepada pelawat domestik dan antarabangsa. Selain pengembangan kawasan dan projek besar ini, terdapat juga usaha yang dilaksanakan oleh universiti seperti Agro Techno Park di Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Dalam hal ini, plot durian komersial dan koleksi germplasm pelbagai varieti ditubuhkan bagi tujuan kajian, rujukan dan penyelidikan. Projek seperti ini jelas menunjukkan kerjasama dari segi pendidikan dan penyelidikan dengan kerajaan negeri yang sudah pastinya berpotensi menyumbang kepada pembangunan teknologi penanaman durian yang lebih efisien. Fokus utama UMK adalah melaksanakan kajian tanaman durian yang bersesuaian dengan keadaan iklim dan tanah di negeri Kelantan serta membuat perancangan teknologi penanaman bagi meningkatkan produktiviti. Pihak kerajaan seterusnya mengambil inisiatif dengan melaksanakan Jualan Agro Madani bagi membantu para petani memasarkan hasil mereka di samping membuka peluang perniagaan. Secara tidak langsung, program ini memberikan nilai tambah kepada hasil ladang.

Rumusan

Tanaman durian, khususnya varieti Musang King (Raja Kunyit), mempunyai potensi ekonomi yang sangat besar di Kelantan, terutamanya di Gua Musang dan Lojing berikutan kesesuaian tanah dan cuaca. Harga durian Musang King Malaysia di pasaran China yang mencecah RM800 sekilogram dan sebatang pokok dapat menghasilkan lebih RM21,000 semusim mendorong tanaman durian ini dipergiatkan dengan lebih meluas di seluruh Malaysia. Keadaan muka bumi di Kelantan menunjukkan potensi yang tinggi bagi menyokong ke arah usaha penanaman durian di negeri ini. Sokongan daripada pelbagai pihak termasuk kerajaan negeri dan swasta dalam usaha ini secara berterusan diharapkan dapat memberikan impak positif kepada industri penanaman durian di Kelantan terutamanya bagi varieti Musang King pada masa hadapan.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis dan tidak mewakili pandangan DOSM.

Rujukan

Astro Awani. (2026, Mac 9). *Kelantan rekod sejarah miliki ladang durian Musang King terbesar*. Diperoleh daripada https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kelantan-rekod-sejarah-miliki-ladang-durian-musang-king-terbesar-437466

DOA Malaysia. (2026, Mac 9). *Pokok asal durian raja kunyit ditemui di Tanah Merah, Kelantan* [Status Facebook]. Diperoleh daripada https://www.facebook.com/mydoaHQ/posts/pokok-asal-durian-raja-kunyit-ditemui-di-tanah-merah-kelantan-dan-pendaftarannya/1152050490281871/

Harian Metro. (2025, November). *Duriagro tumpu raja kunyit*. Diperoleh pada 23 Februari 2026 daripada https://www.hmetro.com.my/bisnes/2025/11/1288799/duriagro-tumpu-raja-kunyit

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2024). *Laporan sosioekonomi Negeri Kelantan 2024*.

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2024). *Laporan banci pertanian 2024: Buah-buahan*.

Jabatan Pertanian Malaysia. (2023). *Pakej teknologi durian*.

Majlis Daerah Gua Musang. (t.t.). *Ladang Musang King Gua Musang Kelantan diiktiraf terbesar di Malaysia*. Diperoleh pada 23 Februari 2026 daripada https://mdgm.kelantan.gov.my/index.php/mdgm/berita/491-ladang-musa

SDurian World. (t.t.). *Laman rasmi SDurian World*. Diperoleh pada 23 Februari 2026 daripada https://sdurianworld.com.my/

The Sun. (2026, Februari 23). *Kelantan develops over 3,000 hectares of idle land with RM26 million*. Diperoleh daripada https://thesun.my/news/malaysia-news/kelantan-develops-over-3000-hectares-of-idle-land-with-rm26-million/


Universiti Malaysia Kelantan. (t.t.). *Agro Techno Park gallery*. Diperoleh pada 23 Februari 2026 daripada https://atp.umk.edu.my/index.php/en/gallery











JADUAL

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

Jadual 1.0: Pegangan Pertanian mengikut Negeri, Malaysia, 2023

Table 1.0: Agricultural Holdings by State, Malaysia, 2023

Negeri *State*	Individu *Individual*		Pertubuhan *Establishment*		Pegangan Pertanian *Agricultural Holdings*	
	Bilangan *Number*	Peratus (%) *Percentage (%)*	Bilangan *Number*	Peratus (%) *Percentage (%)*	Bilangan *Number*	Peratus (%) *Percentage (%)*
Malaysia	**1,012,993**	**98.0**	**21,189**	**2.0**	**1,034,182**	**100.0**
Johor	102,423	96.6	3,580	3.4	106,003	100.0
Kedah	127,996	99.0	1,235	1.0	129,231	100.0
Kelantan	87,597	99.5	442	0.5	88,039	100.0
Melaka	13,018	94.2	802	5.8	13,820	100.0
Negeri Sembilan	44,011	97.0	1,344	3.0	45,355	100.0
Pahang	87,356	97.2	2,543	2.8	89,899	100.0
Perak	105,228	97.6	2,596	2.4	107,824	100.0
Perlis	19,994	99.3	131	0.7	20,125	100.0
Pulau Pinang	12,559	91.6	1,154	8.4	13,713	100.0
Sabah	156,770	98.4	2,624	1.6	159,394	100.0
Sarawak	145,377	98.6	2,034	1.4	147,411	100.0
Selangor	35,933	95.6	1,646	4.4	37,579	100.0
Terengganu	72,405	99.1	684	0.9	73,089	100.0
W.P. Kuala Lumpur	1,428	81.2	330	18.8	1,758	100.0
W.P. Labuan	732	95.6	34	4.4	766	100.0
W.P. Putrajaya	166	94.3	10	5.7	176	100.0

Sumber: Banci Pertanian 2024

Source: Agriculture Census 2024

Nota:
1. Negeri merujuk kepada lokasi tempat kediaman pegangan pertanian

Notes:
1. States indicate the location of agricultural holder's living quarters

Jadual 1.1: Pegangan Pertanian mengikut Daerah Pentadbiran, Kelantan, 2023

Table 1.1: Agricultural Holdings by Administrative District, Kelantan, 2023

Daerah Pentadbiran *Administrative District*	Individu *Individual*		Pertubuhan *Establishment*		Pegangan Pertanian *Agricultural Holdings*	
	Bilangan *Number*	Peratus (%) *Percentage (%)*	Bilangan *Number*	Peratus (%) *Percentage (%)*	Bilangan *Number*	Peratus (%) *Percentage (%)*
Kelantan	**87,597**	**99.5**	**442**	**0.5**	**88,039**	**100.0**
Bachok	10,019	99.9	12	0.1	10,031	100.0
Kota Bharu	7,893	99.0	76	1.0	7,969	100.0
Machang	7,389	99.7	23	0.3	7,412	100.0
Pasir Mas	16,155	99.9	14	0.1	16,169	100.0
Pasir Puteh	5,913	99.4	33	0.6	5,946	100.0
Tanah Merah	10,781	99.7	29	0.3	10,810	100.0
Tumpat	3,960	99.5	18	0.5	3,978	100.0
Gua Musang	7,448	98.1	147	1.9	7,595	100.0
Kuala Krai	11,421	99.5	59	0.5	11,480	100.0
Jeli	5,405	99.6	21	0.4	5,426	100.0
Kecil Lojing	1,213	99.2	10	0.8	1,223	100.0

Sumber: Banci Pertanian 2024

Source: Agriculture Census 2024

Nota:

1. Negeri dan daerah pentadbiran merujuk kepada lokasi tempat kediaman pegangan pertanian

Notes:

1. States and administrative districts indicate the location of agricultural holder's living quarters

Jadual 2.0: Pegangan Pertanian mengikut Subsektor, Malaysia, 2023

Table 2.0: Agricultural Holdings by Subsector, Malaysia, 2023

Subsektor *Subsector*		Individu *Individual*		Pertubuhan *Establishment*		Pegangan Pertanian *Agricultural Holdings*	
		Bilangan *Number*	Peratus (%) *Percentage (%)*	Bilangan *Number*	Peratus (%) *Percentage (%)*	Bilangan *Number*	Peratus (%) *Percentage (%)*
Tanaman *Crops*	**Kelapa Sawit** *Oil Palm*	236,241	96.0	9,806	4.0	246,047	100.0
	Padi *Paddy*	130,394	99.9	170	0.1	130,564	100.0
	Getah *Rubber*	386,910	99.9	309	0.1	387,219	100.0
	Nanas *Pineapple*	7,752	96.2	308	3.8	8,060	100.0
	Kenaf *Kenaf*	862	99.5	4	0.5	866	100.0
	Lada *Pepper*	32,191	100.0	10	0.0	32,201	100.0
	Koko *Cocoa*	4,147	99.6	16	0.4	4,163	100.0
	Buah-Buahan *Fruits*	87,729	97.4	2,375	2.6	90,104	100.0
	Sayur-Sayuran *Vegetables*	44,261	94.3	2,658	5.7	46,919	100.0
	Tanaman Lain *Other Crops*	38,801	96.7	1,344	3.3	40,145	100.0
Ternakan *Livestocks*		44,087	93.7	2,963	6.3	47,050	100.0
Perikanan *Fisheries*	**Perikanan Tangkapan** *Captured Fisheries*	48,267	99.2	399	0.8	48,666	100.0
	Akuakultur *Aquaculture*	8,407	81.8	1,872	18.2	10,279	100.0
Perhutanan & Pembalakan *Forestry & Logging*		7,930	93.7	534	6.3	8,464	100.0

Sumber: Banci Pertanian 2024

Source: Agriculture Census 2024

Nota:

1. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.

2. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/ arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambilkira pengeluaran kayu balak sahaja.

3. Aktiviti Perhutanan & Pembalakan dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan/atau luar kawasan HSK tidak tertakluk kepada definisi yang digunapakai oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak.

Notes:

1. Forestry activities refer to the location where the agricultural holder reside and establishment. Logging activities refer to the location of logging.

2. Logging activities include the production of rubber wood, mangrove/jaras/charcoal and logs, which is different from the reports of the Peninsular Malaysia Forestry Department, Sabah Forestry Department and Sarawak Forestry Department which only take into account the production of logs.

3. Forestry & Logging Activities within Permanent Forest Reserve (PFR) areas and/or outside the PFR areas are not subject to the definitions used by the Forestry Department Peninsular Malaysia, Sabah Forestry Department and Sarawak Forestry Department.

Jadual 2.1: Pegangan Pertanian mengikut Subsektor, Kelantan, 2023

Table 2.1: Agricultural Holdings by Subsector, Kelantan, 2023

Subsektor *Subsector*		Individu *Individual*		Pertubuhan *Establishment*		Pegangan Pertanian *Agricultural Holdings*	
		Bilangan *Number*	Peratus (%) *Percentage (%)*	Bilangan *Number*	Peratus (%) *Percentage (%)*	Bilangan *Number*	Peratus (%) *Percentage (%)*
Tanaman *Crops*	**Kelapa Sawit** *Oil Palm*	2,282	92.4	187	7.6	2,469	100.0
	Padi *Paddy*	5,656	99.8	12	0.2	5,668	100.0
	Getah *Rubber*	58,422	100.0	26	0.0	58,448	100.0
	Nanas *Pineapple*	222	96.1	9	3.9	231	100.0
	Kenaf *Kenaf*	72	100.0	-	-	72	100.0
	Lada *Pepper*	12	100.0	-	-	12	100.0
	Koko *Cocoa*	130	100.0	-	-	130	100.0
	Buah-Buahan *Fruits*	5,712	99.5	28	0.5	5,740	100.0
	Sayur-Sayuran *Vegetables*	4,438	98.5	66	1.5	4,504	100.0
	Tanaman Lain *Other Crops*	3,287	99.6	13	0.4	3,300	100.0
Ternakan *Livestocks*		9,010	99.4	56	0.6	9,066	100.0
Perikanan *Fisheries*	**Perikanan Tangkapan** *Captured Fisheries*	1,379	99.3	10	0.7	1,389	100.0
	Akuakultur *Aquaculture*	707	93.0	53	7.0	760	100.0
Perhutanan & Pembalakan *Forestry & Logging*		202	92.7	16	7.3	218	100.0

Sumber: Banci Pertanian 2024

Source: Agriculture Census 2024

Nota:
1. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.
2. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/ arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambilkira pengeluaran kayu balak sahaja.
3. Aktiviti Perhutanan & Pembalakan dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan/atau luar kawasan HSK tidak tertakluk kepada definisi yang digunapakai oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak.

Notes:
1. Forestry activities refer to the location where the agricultural holder reside and establishment. Logging activities refer to the location of logging.
2. Logging activities include the production of rubber wood, mangrove/jaras/charcoal and logs, which is different from the reports of the Peninsular Malaysia Forestry Department, Sabah Forestry Department and Sarawak Forestry Department which only take into account the production of logs.
3. Forestry & Logging Activities within Permanent Forest Reserve (PFR) areas and/or outside the PFR areas are not subject to the definitions used by the Forestry Department Peninsular Malaysia, Sabah Forestry Department and Sarawak Forestry Department.

Jadual 2.2: Pegangan Pertanian Individu mengikut Subsektor dan Kewarganegaraan, Kelantan, 2023

Table 2.2: Individual Agricultural Holdings by Subsector and Citizenship, Kelantan, 2023

Subsektor *Subsector*		**Warganegara** *Malaysian*		**Bukan Warganegara** *Non Malaysian*	
		Bilangan *Number*	**Peratus (%)** *Percentage (%)*	**Bilangan** *Number*	**Peratus (%)** *Percentage (%)*
Tanaman *Crops*	**Kelapa Sawit** *Oil Palm*	2,278	99.8	4	0.2
	Padi *Paddy*	5,654	100.0	2	0.0
	Getah *Rubber*	58,368	99.9	54	0.1
	Nanas *Pineapple*	222	100.0	-	-
	Kenaf *Kenaf*	72	100.0	-	-
	Lada *Pepper*	12	100.0	-	-
	Koko *Cocoa*	130	100.0	-	-
	Buah-Buahan *Fruits*	5,692	99.6	20	0.4
	Sayur-Sayuran *Vegetables*	4,420	99.6	18	0.4
	Tanaman Lain *Other Crops*	3,279	99.8	8	0.2
Ternakan *Livestocks*		9,009	100.0	1	0.0
Perikanan *Fisheries*	**Perikanan Tangkapan** *Captured Fisheries*	1,379	100.0	-	-
	Akuakultur *Aquaculture*	707	100.0	-	-
Perhutanan & Pembalakan *Forestry & Logging*		202	100.0	-	-

Sumber: Banci Pertanian 2024

Source: Agriculture Census 2024

Nota:
1. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.
2. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/ arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambilkira pengeluaran kayu balak sahaja.
3. Aktiviti Perhutanan & Pembalakan dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan/atau luar kawasan HSK tidak tertakluk kepada definisi yang digunapakai oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak.

Notes:
1. Forestry activities refer to the location where the agricultural holder reside and establishment. Logging activities refer to the location of logging.
2. Logging activities include the production of rubber wood, mangrove/jaras/charcoal and logs, which is different from the reports of the Peninsular Malaysia Forestry Department, Sabah Forestry Department and Sarawak Forestry Department which only take into account the production of logs.
3. Forestry & Logging Activities within Permanent Forest Reserve (PFR) areas and/or outside the PFR areas are not subject to the definitions used by the Forestry Department Peninsular Malaysia, Sabah Forestry Department and Sarawak Forestry Department.

Jadual 2.3: Pegangan Pertanian Individu mengikut Subsektor dan Jantina, Kelantan, 2023

Table 2.3: Individual Agricultural Holdings by Subsector and Sex, Kelantan, 2023

Subsektor *Subsector*		**Lelaki** *Male*		**Perempuan** *Female*	
		Bilangan *Number*	**Peratus (%)** *Percentage (%)*	**Bilangan** *Number*	**Peratus (%)** *Percentage (%)*
Tanaman *Crops*	**Kelapa Sawit** *Oil Palm*	1,742	76.3	540	23.7
	Padi *Paddy*	4,829	85.4	827	14.6
	Getah *Rubber*	33,461	57.3	24,961	42.7
	Nanas *Pineapple*	198	89.2	24	10.8
	Kenaf *Kenaf*	57	79.2	15	20.8
	Lada *Pepper*	10	83.3	2	16.7
	Koko *Cocoa*	112	86.2	18	13.8
	Buah-Buahan *Fruits*	4,578	80.1	1,134	19.9
	Sayur-Sayuran *Vegetables*	3,529	79.5	909	20.5
	Tanaman Lain *Other Crops*	2,523	76.8	764	23.2
Ternakan *Livestocks*		7,767	86.2	1,243	13.8
Perikanan *Fisheries*	**Perikanan Tangkapan** *Captured Fisheries*	1,371	99.4	8	0.6
	Akuakultur *Aquaculture*	664	93.9	43	6.1
Perhutanan & Pembalakan *Forestry & Logging*		193	95.5	9	4.5

Sumber: Banci Pertanian 2024

Source: Agriculture Census 2024

Nota:
1. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.
2. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/ arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambilkira pengeluaran kayu balak sahaja.
3. Aktiviti Perhutanan & Pembalakan dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan/atau luar kawasan HSK tidak tertakluk kepada definisi yang digunapakai oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak.

Notes:
1. Forestry activities refer to the location where the agricultural holder reside and establishment. Logging activities refer to the location of logging.
2. Logging activities include the production of rubber wood, mangrove/jaras/charcoal and logs, which is different from the reports of the Peninsular Malaysia Forestry Department, Sabah Forestry Department and Sarawak Forestry Department which only take into account the production of logs.
3. Forestry & Logging Activities within Permanent Forest Reserve (PFR) areas and/or outside the PFR areas are not subject to the definitions used by the Forestry Department Peninsular Malaysia, Sabah Forestry Department and Sarawak Forestry Department.

Jadual 2.4: Pegangan Pertanian Individu mengikut Subsektor dan Kumpulan Umur, Kelantan, 2023

Table 2.4: Individual Agricultural Holdings by Subsector and Age Group, Kelantan, 2023

Subsektor *Subsector*		**15 – 30 tahun** *15 – 30 years*		**31 – 45 tahun** *31 – 45 years*		**46 – 59 tahun** *46 – 59 years*		**60 tahun dan ke atas** *60 years and above*	
		Bilangan *Number*	**Peratus (%)** *Percentage (%)*	**Bilangan** *Number*	**Peratus (%)** *Percentage (%)*	**Bilangan** *Number*	**Peratus (%)** *Percentage (%)*	**Bilangan** *Number*	**Peratus (%)** *Percentage (%)*
Tanaman *Crops*	**Kelapa Sawit** *Oil Palm*	22	1.0	236	10.3	515	22.6	1,509	66.1
	Padi *Paddy*	178	3.1	1,099	19.4	1,872	33.1	2,507	44.3
	Getah *Rubber*	1,192	2.0	8,825	15.1	18,447	31.6	29,958	51.3
	Nanas *Pineapple*	4	1.8	37	16.7	77	34.7	104	46.8
	Kenaf *Kenaf*	3	4.2	18	25.0	22	30.6	29	40.3
	Lada *Pepper*	1	8.3	1	8.3	6	50.0	4	33.3
	Koko *Cocoa*	-	-	24	18.5	66	50.8	40	30.8
	Buah-Buahan *Fruits*	116	2.0	895	15.7	1,874	32.8	2,827	49.5
	Sayur-Sayuran *Vegetables*	364	8.2	956	21.5	1,671	37.7	1,447	32.6
	Tanaman Lain *Other Crops*	74	2.3	480	14.6	1,016	30.9	1,717	52.2
Ternakan *Livestocks*		343	3.8	1,716	19.0	3,129	34.7	3,822	42.4
Perikanan *Fisheries*	**Perikanan Tangkapan** *Captured Fisheries*	44	3.2	342	24.8	537	38.9	456	33.1
	Akuakultur *Aquaculture*	80	11.3	247	34.9	217	30.7	163	23.1
Perhutanan & Pembalakan *Forestry & Logging*		43	21.3	85	42.1	46	22.8	28	13.9

Sumber: Banci Pertanian 2024

Source: Agriculture Census 2024

Nota:

1. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.

2. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/ arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambilkira pengeluaran kayu balak sahaja.

3. Aktiviti Perhutanan & Pembalakan dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan/atau luar kawasan HSK tidak tertakluk kepada definisi yang digunapakai oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak.

Notes:

1. Forestry activities refer to the location where the agricultural holder reside and establishment. Logging activities refer to the location of logging.

2. Logging activities include the production of rubber wood, mangrove/jaras/charcoal and logs, which is different from the reports of the Peninsular Malaysia Forestry Department, Sabah Forestry Department and Sarawak Forestry Department which only take into account the production of logs.

3. Forestry & Logging Activities within Permanent Forest Reserve (PFR) areas and/or outside the PFR areas are not subject to the definitions used by the Forestry Department Peninsular Malaysia, Sabah Forestry Department and Sarawak Forestry Department.

Jadual 2.5: Pegangan Pertanian Individu mengikut Subsektor dan Kumpulan Etnik, Kelantan, 2023

Table 2.5: Individual Agricultural Holdings by Subsector and Ethnic Group, Kelantan, 2023

Subsektor *Subsector*		Bumiputera		Cina *Chinese*		India *Indian*		Lain-lain *Others*	
		Bilangan *Number*	Peratus (%) *Percentage (%)*	Bilangan *Number*	Peratus (%) *Percentage (%)*	Bilangan *Number*	Peratus (%) *Percentage (%)*	Bilangan *Number*	Peratus (%) *Percentage (%)*
Tanaman *Crops*	**Kelapa Sawit** *Oil Palm*	2,232	98.0	39	1.7	2	0.1	5	0.2
	Padi *Paddy*	5,565	98.4	10	0.2	-	-	79	1.4
	Getah *Rubber*	56,424	96.7	1,558	2.7	116	0.2	270	0.5
	Nanas *Pineapple*	217	97.7	3	1.4	-	-	2	0.9
	Kenaf *Kenaf*	72	100.0	-	-	-	-	-	-
	Lada *Pepper*	12	100.0	-	-	-	-	-	-
	Koko *Cocoa*	123	94.6	7	5.4	-	-	-	-
	Buah-Buahan *Fruits*	5,473	96.2	165	2.9	3	0.1	51	0.9
	Sayur-Sayuran *Vegetables*	3,961	89.6	129	2.9	4	0.1	326	7.4
	Tanaman Lain *Other Crops*	3,122	95.2	90	2.7	1	0.0	66	2.0
Ternakan *Livestocks*		8,871	98.5	48	0.5	-	-	90	1.0
Perikanan *Fisheries*	**Perikanan Tangkapan** *Captured Fisheries*	1,376	99.8	2	0.1	-	-	1	0.1
	Akuakultur *Aquaculture*	701	99.2	4	0.6	-	-	2	0.3
Perhutanan & Pembalakan *Forestry & Logging*		198	98.0	4	2.0	-	-	-	-

Sumber: Banci Pertanian 2024

Source: Agriculture Census 2024

Nota:

1. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.

2. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/ arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambilkira pengeluaran kayu balak sahaja.

3. Aktiviti Perhutanan & Pembalakan dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan/atau luar kawasan HSK tidak tertakluk kepada definisi yang digunapakai oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak.

Notes:

1. Forestry activities refer to the location where the agricultural holder reside and establishment. Logging activities refer to the location of logging.

2. Logging activities include the production of rubber wood, mangrove/jaras/charcoal and logs, which is different from the reports of the Peninsular Malaysia Forestry Department, Sabah Forestry Department and Sarawak Forestry Department which only take into account the production of logs.

3. Forestry & Logging Activities within Permanent Forest Reserve (PFR) areas and/or outside the PFR areas are not subject to the definitions used by the Forestry Department Peninsular Malaysia, Sabah Forestry Department and Sarawak Forestry Department.

Jadual 2.6: Pegangan Pertanian Individu mengikut Subsektor dan Taraf Perkahwinan, Kelantan, 2023

Table 2.6: Individual Agricultural Holdings by Subsector and Marital Status, Kelantan, 2023

Pulau Pinang	6,732	1,617	188	4,927	21,283
Perak	51,108	3,566	242	47,300	20,242
Perlis	927	205	48	674	21,708
Selangor	20,425	2,401	339	17,685	21,191
Terengganu	14,273	1,033	184	13,056	23,946
Sabah	117,125	2,986	154	113,985	19,860
Sarawak	113,359	2,580	212	110,567	20,192
W.P. Kuala Lumpur	105	40	4	61	23,750
W.P. Labuan	323	61	2	260	26,280
W.P. Putrajaya	44	15	2	27	12,845

Sumber: Banci Pertanian 2024

Source: Agriculture Census 2024

Nota:

1. Negeri merujuk kepada lokasi tempat aktiviti pertanian

2. Jumlah guna tenaga keseluruhan merujuk kepada bilangan individu yang terlibat dalam aktiviti pertanian. Walau bagaimanapun, jumlah ini bukan merupakan hasil tambah bagi semua aktiviti pertanian, kerana seorang individu boleh terlibat dalam lebih daripada satu jenis aktiviti secara serentak

Notes:

1. States indicate the locations of agricultural activities

2. Total employment refers to the number of individuals involved in agricultural activities. However, this number is not the sum of all agricultural activities, as an individual can be involved in more than one type of activity simultaneously

Jadual 33.1: Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Pegangan Pertanian Mengikut Daerah Pentadbiran, Kelantan, 2023

Table 33.1: Number of Employment and Average Annual Salaries & Wages in Agricultural Holdings by Administrative District, Kelantan, 2023

Daerah Pentadbiran *Administrative District*	Jumlah Guna Tenaga *Total Employment*	Pegangan Pertanian *Agricultural Holdings* Pemilik & Rakan Niaga Yang Aktif *Active Owners & Partners*	Pekerja Keluarga Tanpa Gaji *Unpaid Family Workers*	Pekerja Bergaji *Paid Employees*	Purata Gaji & Upah Tahunan (RM) *Average Annual Salary & Wages (RM)*
Kelantan	**80,256**	**37,799**	**3,965**	**38,492**	**18,507**
Bachok	18,038	9,631	1,395	7,012	17,762
Kota Bharu	8,817	5,422	429	2,966	20,518
Machang	2,788	1,775	134	879	17,335
Pasir Mas	4,905	2,865	359	1,681	17,852
Pasir Puteh	7,009	3,810	459	2,740	21,430
Tanah Merah	5,228	2,052	192	2,984	18,842
Tumpat	6,544	4,335	495	1,714	19,515
Gua Musang	15,733	2,857	228	12,648	17,281
Kuala Krai	5,882	2,750	122	3,010	19,596
Jeli	3,766	1,822	98	1,846	18,146
Kecil Lojing	1,546	480	54	1,012	22,015

Sumber: Banci Pertanian 2024

Source: Agriculture Census 2024

Nota:

1. Negeri dan daerah pentadbiran merujuk kepada lokasi tempat aktiviti pertanian.

2. Jumlah guna tenaga keseluruhan merujuk kepada bilangan individu yang terlibat dalam aktiviti pertanian. Walau bagaimanapun, jumlah ini bukan merupakan hasil tambah bagi semua aktiviti pertanian, kerana seorang individu boleh terlibat dalam lebih daripada satu jenis aktiviti secara serentak.

Notes:

1. State and administrative district indicate the locations of agricultural activities.

2. Total employment refers to the number of individuals involved in agricultural activities. However, this number is not the sum of all agricultural activities, as an individual can be involved in more than one type of activity simultaneously.

Jadual 33.2: Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Pegangan Pertanian Individu Mengikut Daerah Pentadbiran, Kelantan, 2023

Table 33.2: Number of Employment and Average Annual Salaries & Wages in Individual Agricultural Holdings by Administrative District, Kelantan, 2023

Daerah Pentadbiran *Administrative District*	Jumlah Guna Tenaga *Total Employment*	Individu *Individual*			Purata Gaji & Upah Tahunan (RM) *Average Annual Salary & Wages (RM)*
		Pemilik & Rakan Niaga Yang Aktif *Active Owners & Partners*	Pekerja Keluarga Tanpa Gaji *Unpaid Family Workers*	Pekerja Bergaji *Paid Employees*	
Kelantan	**61,167**	**37,004**	**3,851**	**20,312**	**19,100**
Bachok	17,915	9,606	1,395	6,914	17,627
Kota Bharu	8,354	5,345	409	2,600	20,376
Machang	2,455	1,743	120	592	17,173
Pasir Mas	4,815	2,843	357	1,615	18,192
Pasir Puteh	6,784	3,760	453	2,571	21,131
Tanah Merah	3,659	2,002	189	1,468	22,023
Tumpat	6,446	4,304	490	1,652	19,296
Gua Musang	4,297	2,634	208	1,455	18,996
Kuala Krai	2,802	2,607	96	99	24,940
Jeli	2,989	1,786	93	1,110	18,212
Kecil Lojing	651	374	41	236	19,891

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024

Nota:
1. Negeri dan daerah pentadbiran merujuk kepada lokasi tempat aktiviti pertanian.
2. Jumlah guna tenaga keseluruhan merujuk kepada bilangan individu yang terlibat dalam aktiviti pertanian. Walau bagaimanapun, jumlah ini bukan merupakan hasil tambah bagi semua aktiviti pertanian, kerana seorang individu boleh terlibat dalam lebih daripada satu jenis aktiviti secara serentak.

Notes:
1. State and administrative district indicate the locations of agricultural activities.
2. Total employment refers to the number of individuals involved in agricultural activities. However, this number is not the sum of all agricultural activities, as an individual can be involved in more than one type of activity simultaneously.

Jadual 33.3: Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Pegangan Pertanian Pertubuhan Mengikut Daerah Pentadbiran, Kelantan, 2023

Table 33.3: Number of Employment and Average Annual Salaries & Wages in Establishment Agricultural Holdings by Administrative District, Kelantan, 2023

Daerah Pentadbiran *Administrative District*	Jumlah Guna Tenaga *Total Employment*	Pertubuhan *Establishment*			
		Pemilik & Rakan Niaga Yang Aktif *Active Owners & Partners*	Pekerja Keluarga Tanpa Gaji *Unpaid Family Workers*	Pekerja Bergaji *Paid Employees*	Purata Gaji & Upah Tahunan (RM) *Average Annual Salary & Wages (RM)*
Kelantan	**19,089**	**795**	**114**	**18,180**	**17,845**
Bachok	123	25	-	98	27,308
Kota Bharu	463	77	20	366	21,526
Machang	333	32	14	287	17,670
Pasir Mas	90	22	2	66	9,529
Pasir Puteh	225	50	6	169	25,967
Tanah Merah	1,569	50	3	1,516	15,761
Tumpat	98	31	5	62	25,332
Gua Musang	11,436	223	20	11,193	17,058
Kuala Krai	3,080	143	26	2,911	19,414
Jeli	777	36	5	736	18,045
Kecil Lojing	895	106	13	776	22,661

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024

Nota:
1. Negeri dan daerah pentadbiran merujuk kepada lokasi tempat aktiviti pertanian.
2. Jumlah guna tenaga keseluruhan merujuk kepada bilangan individu yang terlibat dalam aktiviti pertanian. Walau bagaimanapun, jumlah ini bukan merupakan hasil tambah bagi semua aktiviti pertanian, kerana seorang individu boleh terlibat dalam lebih daripada satu jenis aktiviti secara serentak.

Notes:
1. State and administrative district indicate the locations of agricultural activities.
2. Total employment refers to the number of individuals involved in agricultural activities. However, this number is not the sum of all agricultural activities, as an individual can be involved in more than one type of activity simultaneously.











NOTA TEKNIKAL

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

1. PENDAHULUAN

Banci Pertanian 2024 adalah banci keempat dilaksanakan bagi Malaysia. Banci Pertanian telah dilaksanakan pertama kalinya pada tahun 1960 melibatkan negeri-negeri Persekutuan Tanah Melayu dan Sarawak dan diperluaskan ke Sabah pada tahun 1961. Manakala, Banci Pertanian kedua pula telah dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) pada tahun 1977. DOSM dengan kerjasama Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Kementerian Perladangan dan Komoditi telah melaksanakan banci ketiga pada tahun 2005. Selepas itu, banci tidak dilaksanakan dan penyusunan statistik pertanian dilaksanakan oleh agensi yang berkaitan untuk kegunaan masing-masing. DOSM telah diberi mandat untuk melaksanakan banci pertanian pada tahun 2023 dengan kerjasama agensi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

Objektif pelaksanaan Banci Pertanian 2024 adalah untuk mendapatkan stok dan profil sektor pertanian yang komprehensif dan terperinci sehingga ke peringkat geografi terkecil sebagai penanda aras bagi ciri-ciri demografi dan ekonomi dalam penyediaan indikator sektor pertanian. Data banci ini boleh dijadikan sebagai input utama untuk merangka polisi sektor pertanian oleh pelbagai pihak berkepentingan dan sebagai persediaan rangka pensampelan pegangan pertanian untuk survei pertanian pada masa hadapan.

Kerajaan Persekutuan bertanggungjawab untuk melaksanakan banci dan dijalankan mengikut peruntukan yang terkandung dalam Akta Banci 1960 (Disemak-1989). DOSM telah dipertanggungjawabkan untuk menjalankan Banci Pertanian 2024 dengan kerjasama agensi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Tujuan laporan ini ialah untuk membekalkan maklumat utama berkaitan sektor pertanian di peringkat negeri dan daerah pentadbiran di Malaysia.

Operasi pengumpulan data Banci Pertanian 2024 telah dilaksanakan bermula 7 Julai 2024 dan berakhir pada 10 Oktober 2024. Di samping itu, mopping up dilaksanakan sehingga
30 Oktober 2024. Banci Pertanian 2024 merupakan satu aktiviti pengumpulan data yang kompleks. Oleh itu, terdapat potensi berlakunya ralat liputan dan ralat kandungan. Dari segi ralat liputan, sebilangan pegangan pertanian mungkin tertinggal, tersalah hitung atau berlaku duplikasi penghitungan. Ralat kandungan pula merujuk kepada kesilapan dalam melapor jantina, umur, warganegara, taraf perkahwinan dan kumpulan etnik, serta parameter keluasan bertanam, keluasan bertuai, kuantiti pengeluaran, kuantiti jualan dan nilai jualan. Bagi menganggarkan kedua-dua ralat tersebut, gerak kerja operasi Semakan Kualiti (QC) dan Penilaian Liputan Banci (PLB) dilaksanakan selepas selesai pembancian bermula pada 1 November 2024 sehingga 31 Januari 2025.

2. KAWASAN GEOGRAFI

Banci Pertanian 2024 meliputi semua negeri di Malaysia. Setiap negeri dibahagikan mengikut Daerah Pentadbiran (DP) masing-masing. Bagi tujuan operasi banci, pegangan pertanian dikategorikan kepada individu dan pertubuhan. Pegangan pertanian individu dibanci di tempat kediaman biasa. Unit pembancian kecil iaitu Blok Penghitungan (BP) dibentuk yang mengandungi secara puratanya 80 hingga 120 Tempat Kediaman (TK) dan lebih kurang 80 hingga 120 BP membentuk satu Daerah Banci (DB). Pembanci bertanggungjawab melaksanakan pembancian ke atas TK yang telah dikenal pasti sebagai TK pertanian. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat TK pertanian yang tidak disenaraikan dalam BP tersebut, pembanci perlu membuat pembancian bagi TK berkenaan. Manakala bagi pegangan pertanian pertubuhan, bancian dijalankan mengikut alamat pertubuhan.

Setiap negeri mempunyai beberapa Daerah Pentadbiran (DP) yang diketuai oleh seorang Timbalan Pesuruhjaya (TP). Penolong Pesuruhjaya (PP) Banci bertanggungjawab menguruskan dan menyelaras kerja operasi banci di DP masing-masing serta dibantu oleh Penguasa Daerah (PD) yang bertanggungjawab memantau di peringkat Daerah Banci (DB). Satu DB dipertanggungjawabkan kepada seorang PD. Walau bagaimanapun, seorang PD boleh dipertanggungjawabkan lebih daripada satu DB. Secara umumnya, seorang penyelia bertanggungjawab menyelia lima pembanci.

Organisasi banci di peringkat negeri dan kawasan geografi untuk tujuan banci adalah seperti berikut:

Jawatan	Kawasan Dipertanggungjawabkan
Timbalan Pesuruhjaya	Negeri
Penolong Pesuruhjaya	Daerah Pentadbiran
Penguasa Daerah	Daerah Banci
Penyelia	Blok Penghitungan
Pembanci	Blok Penghitungan

3. PENDEKATAN BANCI

3.1 Secara bersemuka - *Paper and Pen Interview* (PAPI)

Pembanci melawat TK untuk melakukan proses temu ramah secara bersemuka kepada responden dan mencatatkan maklumat yang diperoleh di dalam borang soal selidik.

3.2 Pendekatan bagi Pegangan Pertanian

3.2.1 Pegangan Pertanian Individu - mengikut tempat tinggal biasa responden; dan

3.2.2 Pegangan Pertanian Pertubuhan - menggunakan alamat lokasi pertubuhan berada.

3.3 Parameter Banci

Maklumat aktiviti pertanian dikumpul berdasarkan alamat lokasi aktiviti dijalankan bagi tujuan pengeluaran pertanian/ hasilan pertanian. Maklumat yang dikumpul adalah merujuk kepada tahun rujukan 2023 iaitu daripada 1 Januari sehingga 31 Disember 2023. Walau bagaimanapun, bagi tujuan pengiraan stok ternakan di bawah subsektor ternakan, bilangan ternakan merujuk kepada Hari Banci iaitu 7 Julai 2024.

4. LIPUTAN BANCI

Banci ini meliputi individu dan pertubuhan pertanian **merangkumi empat (4) subsektor seperti Tanaman, Ternakan, Perikanan Tangkapan & Akuakultur dan Perhutanan & Pembalakan** yang menjalankan aktiviti pertanian bagi tujuan pengeluaran seperti berikut:

i. Keseluruhan pengeluaran untuk jualan;
ii. Tujuan utama pengeluaran untuk jualan dan sampingan untuk kegunaan sendiri; atau
iii. Tujuan utama pengeluaran untuk kegunaan sendiri dan sampingan untuk jualan.

Pertubuhan pertanian termasuklah yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM – ROB & ROC), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), *Registrar of Societies* (ROS) dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).

Manakala pegangan pertanian yang **TIDAK DILIPUTI** dalam Banci Pertanian 2024 adalah:

i. Keseluruhan pengeluaran untuk sara diri (kegunaan sendiri);
ii. Aktiviti pertanian sebagai hobi (contoh: memancing);
iii. Rekreasi dalam sektor pertanian;
iv. Pekerja sektor pertanian; dan
v. Individu yang memiliki tanah pertanian tetapi tidak mengusahakannya atau disewa/ dipajak kepada pihak lain.

5. LIPUTAN INDUSTRI

Banci Pertanian ini menggunakan Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008, *Version 1.0* (Seksyen A) selaras dengan *International Standard Industrial Classification* (ISIC) *Version 4* yang dikeluarkan oleh *United Nations Statistics Division* (UNSD). Liputan MSIC 2008 ini telah dikemaskini bagi menyesuaikan liputan seperti berikut:

Jadual 1: Bilangan Industri Mengikut Subsektor Pertanian

SUBSEKTOR/ AKTIVITI	BILANGAN INDUSTRI
PERTANIAN	**189**
Tanaman	76
Ternakan	27
Perhutanan & Pembalakan	28
Perikanan Tangkapan & Akuakultur	37
Pertanian Campuran	4
Aktiviti Perkhidmatan Pertanian	17
PERKHIDMATAN	**8**
Aktiviti Ibu Pejabat	8

Kumpulan industri (017) pemburuan, penjeratan dan aktiviti perkhidmatan berkaitan tidak diliputi dalam Banci Pertanian 2024.

6. SUMBER RANGKA

Sumber utama senarai isi rumah adalah daripada *Malaysia Statistical Address Register* (MSAR), manakala senarai pertubuhan daripada *Malaysia Statistical Business Register* (MSBR). MSAR adalah senarai TK di Malaysia, manakala MSBR adalah senarai pertubuhan/ perusahaan yang beroperasi di Malaysia yang merangkumi Daftar Syarikat (ROC), Daftar Perniagaan (ROS) dan Perkongsian Liabiliti Terhad (LLP) yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) serta pertubuhan yang berdaftar dengan pihak berkuasa tempatan dan badan profesional. Maklumat MSAR dan MSBR dikemaskini secara berkala berdasarkan survei dan bancian yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan sumber data pentadbiran daripada agensi lain.

Sumber utama data pentadbiran MSBR adalah daripada SSM. Selain itu, DOSM juga bekerjasama untuk mendapatkan maklumat terkini daripada agensi lain seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK), Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan

Sabah, Jabatan Hutan Sarawak, pihak berkuasa tempatan dan badan profesional. Senarai dikemaskini untuk mengambil kira pertubuhan baharu dan merekod sebarang perubahan yang berlaku kepada status operasi pertubuhan seperti tutup dan tidak beroperasi; perubahan jenis aktiviti dan lokasi/ alamat pos bagi memastikan maklumat dalam MSBR adalah terkini.

7. KONSEP DAN DEFINISI

Konsep dan definisi dalam pelaksanaan Banci Pertanian 2024 berasaskan syor *International Recommendations for Industrial Statistics, United Nations Statistical Division, Statistical Papers, Series M No. 90, United Nations, New York, 2009* dan *Food and Agriculture Organization* (FAO). Konsep dan definisi yang seragam membolehkan perbandingan data dibuat di peringkat antarabangsa.

7.1 Definisi Pertanian

Pertanian merujuk kepada aktiviti penanaman, pemeliharaan dan penternakan haiwan dan pengeluaran produk haiwan, penebangan kayu balak dan tanaman lain, serta perikanan tangkapan dan akuakultur termasuk penggunaan sumber semulajadi tumbuh-tumbuhan dan haiwan (MSIC 2008, kemaskini 2024). Terdapat empat subsektor iaitu tanaman, ternakan, perhutanan & pembalakan dan perikanan.

7.1.1 **Tanaman** merujuk kepada penanaman dan pengeluaran produk tanaman termasuk pertanian organik. Tanaman juga meliputi penanaman tanaman tidak kekal dan kekal merangkumi penanaman tumbuh- tumbuhan untuk tujuan pengeluaran benih.

7.1.2 **Ternakan** merujuk kepada binatang atau unggas yang dipelihara untuk tujuan komersil dan pembiakbakaan. Pengeluaran ternakan termasuk penternakan (ladang) dan pembiakan semua haiwan serta pengeluaran daripada hasilan ternakan seperti telur, susu, madu dan sebagainya;

7.1.3 **Perikanan tangkapan** tangkapan merujuk kepada aktiviti penangkapan, pemungutan dan pengumpulan organisma hidupan akuatik liar seperti ikan, moluska dan krustasia, termasuk tumbuhan yang terdapat di perairan air tawar atau air masin bagi tujuan komersial;

7.1.4 **Akuakultur** merujuk kepada proses pengeluaran yang melibatkan pengkulturan (termasuk tuaian) organisma akuatik (ikan, moluska, krustasia, tumbuhan, buaya, aligator dan amfibia) menggunakan teknik yang direka bentuk untuk meningkatkan pengeluaran organisma tersebut melebihi kapasiti persekitaran semulajadi (contoh: stok biasa, pemberian

makanan dan perlindungan dari pemangsa). Ia terdiri daripada empat jenis iaitu air payau, air tawar, ikan hiasan dan baka & benih; dan

7.1.5 **Perhutanan dan pembalakan** termasuk pengeluaran kayu balak untuk industri berasaskan kayu, meliputi pengestrakan dan pengumpulan produk hutan bukan kayu yang tumbuh liar. Selain pengeluaran kayu balak, aktiviti perhutanan yang menghasilkan produk melalui proses minima seperti kayu api, kayu arang, reja kayu dan kayu balak yang digunakan dalam bentuk yang belum diproses. Aktiviti ini boleh dijalankan dalam hutan asli dan ladang hutan. Ia juga termasuk sebahagian daripada aktiviti operasi perhutanan berdasarkan bayaran atau secara kontrak.

7.2 Pegangan Pertanian

Pegangan Pertanian secara ideal ditakrifkan sebagai satu unit ekonomi yang bergiat di bawah satu hak milik atau penguasaan tunggal untuk tujuan pengeluaran pertanian tanpa mengambil kira hak milik, taraf sah atau saiz tanah. Pegangan Pertanian terdiri daripada dua kategori iaitu individu dan pertubuhan perniagaan. Maklumat untuk profil pegangan pertanian merujuk kepada lokasi tempat kediaman atau lokasi pertubuhan perniagaan.

7.3 Pegangan Pertanian Individu adalah seseorang yang menjalankan aktiviti pertanian bagi tujuan pengeluaran tanaman, ternakan, perikanan, akuakultur dan/ atau pembalakan & perhutanan. Contoh, individu yang menjalankan aktiviti pertanian adalah seperti berikut:

7.3.1 Petani/ Peladang/ Pesawah - individu yang mengusahakan tanaman padi, buah-buahan, sayur-sayuran, tanaman ladang (kelapa sawit, getah, koko, kelapa, nanas dan lada) dan tanaman lain.

7.3.2 Nelayan - individu yang mendapat pendapatan melalui aktiviti menangkap ikan di laut, tasik atau di sungai. Nelayan terdiri daripada tekong dan pemilik (tidak termasuk awak-awak).

7.3.3 Penternak akuakultur - individu yang mengusahakan aktiviti akuakultur. Aktiviti akuakultur merujuk kepada proses pengeluaran yang melibatkan pengkulturan termasuk tuaian organisma akuatik (ikan, moluska, krustasia, tumbuhan, buaya, aligator dan amfibia) menggunakan teknik yang direkabentuk untuk meningkatkan pengeluaran organisma tersebut melebihi kapasiti persekitaran semulajadi (sebagai contoh, stok biasa, pemberian makanan dan perlindungan daripada pemangsa).

7.3.4 Penternak - individu yang memiliki, memelihara dan/ atau membiak ternakan seperti unggas, lembu termasuk hasil ternakan seperti telur, susu, madu dan sebagainya.

7.4 Pertubuhan Perniagaan ditakrifkan sebagai:

"Satu unit ekonomi yang bergiat di bawah satu hak milik atau penguasaan tunggal, iaitu di bawah satu entiti yang sah yang menjalankan satu atau beberapa aktiviti di suatu tempat/ lokasi fizikal". Setiap pertubuhan dikelaskan mengikut industri berdasarkan aktiviti utama dan bukannya mengikut aktiviti syarikat induk.

Setiap cawangan organisasi yang mempunyai beberapa cawangan di lokasi berlainan dari segi konsep dianggap sebagai pertubuhan yang berlainan. Pertubuhan berkenaan diminta memberikan penyata yang berasingan bagi setiap kegiatannya dari segi nilai. Walau bagaimanapun, dari segi praktis akaun biasanya disediakan secara berpusat kerana kesukaran untuk memperoleh data yang berasingan bagi setiap unit atau cawangan. Entiti atau 'enterprise' ini akan dianggap sebagai satu unit pelapor dan dibenarkan mengemukakan soal selidik yang menggabungkan semua unit atau cawangannya.

Dalam penyusunan parameter pertanian, pertubuhan pertanian dirujuk sebagai pegangan pertanian pertubuhan dan boleh terdiri daripada syarikat; badan bukan kerajaan (NGO); institusi seperti masjid, sekolah dan penjara; persatuan yang menjalankan aktiviti pertanian bagi tujuan jualan.

8. TAHUN BANCI

Tahun banci adalah merujuk kepada tahun pelaksanaan banci.

9. TAHUN RUJUKAN

Tahun rujukan bagi maklumat yang dikumpul dalam banci ini merujuk kepada tahun rujukan aktiviti pertanian mengikut tahun takwim. Pertubuhan yang mempunyai tahun kewangan yang berbeza daripada tahun takwim perlu menyediakan laporan mengikut tahun perakaunan atau kewangan yang meliputi sekurang-kurangnya enam bulan dalam tahun rujukan.

10. UNIT PELAPOR

Unit pelapor adalah **pegangan pertanian individu** dan **pegangan pertanian pertubuhan** yang menjalankan aktiviti pertanian.

11. LOKASI PEGANGAN PERTANIAN

Lokasi pegangan pertanian merujuk kepada lokasi TK biasa pegangan pertanian individu, manakala bagi pegangan pertanian pertubuhan berdasarkan alamat pertubuhan.

12. LOKASI AKTIVITI

Lokasi aktiviti merujuk kepada lokasi aktiviti pertanian dijalankan. Satu pegangan pertanian individu atau pegangan pertanian pertubuhan boleh menjalankan satu/ lebih aktiviti pertanian di lokasi yang sama atau di lokasi yang berlainan.

13. KELUASAN BERTANAM

Luas bertanam sesuatu tanaman adalah berasaskan kepada Luas Bertanam Tanaman Setara (CHE). Manakala, lokasi bagi pegangan pertanian pertubuhuntuk tanaman kekal diperolehi melalui pengiraan jumlah bilangan pokok di dalam sesuatu lot dibahagikan dengan bilangan pokok yang disyorkan sehektar bagi tanaman tersebut. Bagi tanaman jangka pendek, Manakala, lokasi bagi pegangan pertanian pertubuhialah jumlah luas bertanam yang ditanam beberapa kali setahun di atas kawasan yang sama. Luas bertanam tanaman merangkumi semua kawasan pertanian di Malaysia termasuk di sektor pekebun kecil (individu dan kelompok), estet seperti FELDA, FELCRA, RISDA, Rancangan Negeri, Jabatan/ Agensi Kerajaan dan lain-lain skim pembangunan pertanian.

14. KELUASAN BERTUAI

Keluasan bertuai menggunakan konsep yang sama dengan Luas Berhasil Tanaman Setara (CHE). CHE untuk tanaman kekal diperolehi melalui pengiraan jumlah bilangan pokok yang di tuai di dalam sesuatu lot dibahagikan dengan bilangan pokok yang disyorkan sehektar bagi tanaman tersebut. Bagi tanaman jangka pendek, CHE ialah jumlah luas berhasil yang dituai beberapa kali setahun di atas kawasan yang sama. Luas berhasil tanaman merangkumi semua kawasan pertanian di Malaysia termasuk di sektor pekebun kecil (individu dan kelompok), estet seperti FELDA, FELCRA, RISDA, Rancangan Negeri, Jabatan/ Agensi Kerajaan dan lain-lain skim pembangunan pertanian.

15. KELUASAN TERNAKAN AKUAKULTUR

Keluasan ternakan akuakultur merujuk kepada luas kawasan yang digunakan untuk ternakan (effective area) mengikut jenis sistem ternakan bagi hidupan akuatik seperti ikan, udang dan moluska. Di Malaysia, jenis sistem ternakan akuakultur boleh dilakukan dalam pelbagai bentuk seperti kolam tanah, kolam konkrit, tangki, sangkar, kandang, hatcheri/ nurseri, rumpai laut, tumbuhan akuatik, kerang-kerangan dan lain-lain.

16. KUANTITI PENGELUARAN

Kuantiti pengeluaran merujuk kepada jumlah pengeluaran aktiviti pertanian yang boleh dikeluarkan untuk tujuan jualan. Kuantiti pengeluaran juga merujuk kepada kuantiti yang rosak selepas dikeluarkan tetapi belum dijual/ diproses/ diguna sendiri, digunakan untuk proses menjadi hasil pertanian dan kegunaan sendiri individu/ pertubuhan.

16.1 Kuantiti Pengeluaran Subsektor Tanaman

Merujuk kepada jumlah pengeluaran aktiviti tanaman kekal dan tidak kekal. Tanaman kekal merujuk kepada aktiviti tanaman yang melibatkan tempoh masa yang lebih panjang dan boleh menghasilkan hasil sepanjang tahun atau untuk beberapa tahun. Jenis tanaman adalah dalam bentuk komoditi, seperti kelapa sawit, getah, koko, lada dan kelapa. Tanaman tidak kekal merujuk kepada aktiviti tanaman yang melibatkan tempoh masa yang pendek dan hanya satu atau dua musim sahaja. Jenis tanaman adalah seperti sayur sayuran dan aktiviti tanaman industri.

16.2 Kuantiti Pengeluaran Subsektor Ternakan

Merujuk kepada bilangan yang dikeluarkan daripada aktiviti ternakan termasuk kuantiti ternakan atau hasilan ternakan yang rugi, kuantiti untuk diproses, kuantiti untuk kegunaan sendiri dan kuantiti yang dijual. Kuantiti pengeluaran meliputi binatang yang digunakan untuk tujuan sembelihan, baka dan ternakan belum matang seperti anak ayam/ kambing/ lembu untuk peliharaan; kuantiti hasilan ternakan seperti telur, susu segar, madu dan sarang burung.

16.3 Kuantiti Pengeluaran Subsektor Perikanan Tangkapan

Merujuk kepada kuantiti bagi jumlah tangkapan/ pendaratan ikan.

16.4 Kuantiti Pengeluaran Subsektor Akuakultur

Merujuk kepada jumlah pengeluaran akuakultur.

16.5 Kuantiti Pengeluaran Subsektor Perhutanan dan Pembalakan

Merujuk kepada kuantiti pengeluaran aktiviti pengusaha hasilan hutan yang diukur dalam unit kilogram bagi pengeluaran hasil hutan bukan kayu yang tumbuh liar seperti pengumpulan rotan, buluh; pemungutan sarang burung; pengumpulan pokok sagu liar; dan pengumpulan produk hutan bukan kayu seperti damar, buah berangan, buah kerdas, buah keranji, petai, daun bertam, daun nipah, daun

kajang, minyak keruing, lilin lebah dan madu, nira, pucuk midin, rebung dan lain-lain. Manakala bagi pengeluaran aktiviti berasaskan kayu merujuk kepada pengeluaran kayu balak; pengeluaran arang kayu dalam hutan yang menggunakan kaedah tradisional; pembalakan kayu getah; dan ladang hutan/ nurseri yang diukur dalam unit meter padu.

17. KUANTITI JUALAN

Kuantiti jualan adalah kuantiti pengeluaran daripada aktiviti pertanian yang digunakan untuk tujuan jualan dan nilainya kurang atau sama dengan kuantiti pengeluaran.

18. NILAI JUALAN

Nilai jualan merujuk kepada jumlah pendapatan yang diperoleh daripada jualan aktiviti pertanian berdasarkan kuantiti dan harga semasa penjualan tersebut dilaksanakan:

Nilai Jualan = Kuantiti Jualan x Harga Semasa.

19. PENDAPATAN

Pendapatan merujuk kepada nilai pendapatan yang berkaitan dengan aktiviti pertanian.

Pendapatan ini merangkumi pendapatan yang diperoleh daripada nilai jualan hasil aktiviti pertanian, aktiviti pertanian yang dijalankan untuk pihak lain, hasil pertanian sendiri yang telah diproses, nilai jualan barangan atau bahan yang dibeli daripada pihak lain dan dijual semula tanpa diproses, serta pendapatan lain yang berkaitan dengan aktiviti pertanian tersebut.

Pendapatan juga merangkumi subsidi, bantuan dan geran (tidak termasuk pinjaman) yang diterima.

20. PERBELANJAAN

Perbelanjaan merujuk kepada nilai perbelanjaan yang berkaitan dengan aktiviti pertanian.

Perbelanjaan ini merangkumi kos bahan langsung yang digunakan dalam aktiviti pertanian, termasuk kos benih bagi tanaman tidak kekal, kos anak ternakan, serta kos barang yang dibeli untuk dijual semula tanpa melalui sebarang proses selanjutnya. Ia turut meliputi kos pengangkutan, kos pensijilan, bayaran air dan elektrik yang digunakan, bahan bagi tujuan pembaikan dan penyelenggaraan, bahan pembakar, pelincir dan gas, bayaran telekomunikasi, sewa atau pajakan, serta perbelanjaan operasi lain yang berkaitan.

Perbelanjaan tidak termasuk gaji & upah, penggajian lain, harta modal, percukaian dan susut nilai aset tetap

21. KLASIFIKASI PENJADUALAN

Bagi subsektor Ternakan, kategori penjadualan dikelaskan seperti berikut:

21.1 Lembu/Kerbau

Melibatkan aktiviti penternakan ternakan lembu dan ternakan kerbau;

21.2 Kambing/Bebiri

Melibatkan aktiviti penternakan ternakan kambing dan ternakan bebiri;

21.3 Babi

Melibatkan aktiviti penternakan ternakan babi;

21.4 Ayam/Itik

Melibatkan aktiviti penternakan ternakan ayam dan ternakan itik;

21.5 Lain-lain Ternakan

Melibatkan aktiviti penternakan ternakan alpaca, anak ayam, angsa, anjing, arnab, ayam belanda, ayam hiasan, ayam mutiara, ayam selasih, biawak*, black soldier fly larva*, buaya, burung, burung, cacing, *capybara*, cengkerik, dhab, *gecko*, hamster, iguana, kala jengking, kancil, kera, koloni kelulut, kucing, kuda, kura-kura, landak, lipas, monyet, pelanduk, puyuh, rusa, tikus, tupai, ular, ulat, unta dan *wallaby*;

21.6 Telur Ayam/Itik

Melibatkan aktiviti penjualan hasilan ternakan telur ayam dan telur itik;

21.7 Susu Segar

Melibatkan aktiviti penjualan hasilan ternakan susu lembu, susu kambing dan susu kerbau; dan

21.8 Lain-lain Hasilan Ternakan

Melibatkan aktiviti penjualan hasilan ternakan telur angsa, telur puyuh, telur burung, sarang burung walet dan madu/ kelulut.

22. KEWARGANEGARAAN

Maklumat berkaitan kewarganegaraan adalah berdasar kepada pengenalan diri atau jawapan yang diberi oleh responden.

23. KUMPULAN ETNIK

Untuk tujuan penjadualan dan analisis, klasifikasi kumpulan etnik adalah berasaskan klasifikasi seperti berikut:

Warganegara Malaysia
Bumiputera
Cina
India
Lain-lain

Maklumat kumpulan etnik termasuk kewarganegaraan adalah berdasarkan kepada perakuan responden dan tidak merujuk kepada sebarang dokumen rasmi.

24. KUMPULAN UMUR

Umur adalah berdasarkan hari lahir terakhir pada hari lawatan. Untuk tujuan penjadualan dan analisis, klasifikasi kumpulan umur adalah seperti berikut:

i. 15 – 30 tahun;
ii. 31 – 45 tahun;
iii. 46 – 59 tahun; dan
iv. 60 tahun dan ke atas.

25. SIJIL TERTINGGI DIPEROLEH

Individu dikategorikan mengikut tahap kelayakan tertinggi kepada empat peringkat iaitu Tertiari, Menengah, Rendah dan Tiada Sijil. Tahap Tertiari melibatkan pemegang ijazah kedoktoran (PhD), ijazah, diploma lanjutan, serta sijil kemahiran teknikal (TVET) atau STPM atau setaraf dari institusi diiktiraf. Tahap Menengah merangkumi mereka yang memiliki SPM/ SPM(V) atau setaraf. Tahap Rendah pula terdiri daripada individu dengan kelulusan di bawah SPM, manakala Tiada Sijil merujuk kepada mereka tanpa sebarang kelulusan rasmi. Sijil tertinggi diperoleh merujuk kepada sijil pendidikan tertinggi diperoleh seperti berikut:

25.1. Doktor Falsafah (PhD)

Merujuk kepada ijazah kedoktoran yang diperoleh daripada institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan swasta (IPTS) di dalam dan luar negara yang diiktiraf.

25.2. Ijazah/ Diploma Lanjutan/ Sarjana

Merujuk kepada Ijazah Sarjana Muda, Diploma Lanjutan, Diploma/ Sijil Pasca Ijazah, Diploma/ Sijil daripada badan profesional atau yang setaraf dengannya yang diperoleh dari IPTA dan IPTS di dalam dan luar negara yang diiktiraf. Contoh, Diploma lanjutan, Diploma Sebaran Am dan kelulusan setaraf dengan ijazah seperti:

25.2.1. Diploma/ sijil pasca ijazah; dan
25.2.2. Diploma/ sijil dari badan professional.

25.3. Diploma Politeknik/ Universiti atau yang setaraf

Merujuk kepada diploma yang diperoleh dari politeknik, universiti, kolej atau yang setaraf. Contoh, Diploma Kejururawatan, Diploma Perguruan, Diploma Kesihatan Bersekutu, Diploma Perancang Bandar dan Ukur, Diploma Senibina, Diploma Sains Komputer & Teknologi Maklumat dan Diploma Pengajian Perniagaan.

25.4. Diploma/ Diploma Lanjutan dalam kemahiran khusus atau teknikal (TVET)

Merujuk kepada Diploma atau Diploma Lanjutan atau *Higher National Diploma* (HND) bagi kemahiran khusus dan teknikal yang diperoleh daripada institusi latihan yang diiktiraf oleh badan-badan tertentu seperti Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan/ Jabatan Pembangunan Kemahiran (Diploma Kemahiran Malaysia, Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia), Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan (NATC), Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan *London Chamber of Commerce & Industry* (LCCI) Tahap 3 dan 4. Contoh, Diploma atau Diploma Lanjutan atau HND bagi kemahiran khusus dan teknikal yang diperoleh daripada Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM), Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN), *Advanced Technology Training Centre* (ADTEC), *State Skill Development Centre* (TATI, PSDC, NSSDC, KISMEC, PUSPATRI dan lain-lain) dan kolej swasta yang berkenaan.

25.5. Sijil Politeknik/ Universiti/ Badan-Badan yang memberi pengiktirafan atau yang setaraf

Merujuk kepada sijil yang diperoleh daripada politeknik, universiti, kolej, badan yang memberi pengiktirafan contoh, *Construction Industry Development Board* (CIDB) atau yang setaraf. Contoh sijil, Sijil Kejururawatan, Sijil Perguruan, Sijil Kesihatan Bersekutu, Sijil Perancang Bandar dan Ukur, Sijil Senibina, Sijil Sains

Komputer & Teknologi Maklumat dan Sijil Pengajian Perniagaan.

25.6. Sijil kemahiran khusus atau teknikal (TVET)

Merujuk kepada sijil kemahiran khusus dan teknikal yang diperoleh dari institusi latihan yang diiktiraf oleh badan-badan tertentu seperti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK)/Jabatan Pembangunan Kemahiran (Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1 hingga 3), Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan (NATC), Institut Pertanian, Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan *London Chamber of Commerce & Industry* (LCCI) Tahap 2. Contoh, sijil kemahiran khusus dan teknikal yang diperoleh dari Institut Kemahiran Mara (IKM), Institut Pertanian, Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), Institut Latihan Perindustrian (ILP), Kolej Komuniti, *State Skill Development Centre* contoh, TATI, PSDC, NSSDC, KISMEC, PUSPATRI dan lain-lain atau kolej swasta yang berkenaan. Kategori ini tidak termasuk sijil yang diperoleh daripada GIAT MARA, politeknik, universiti atau yang setaraf.

25.7. Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) atau yang setaraf

Merujuk kepada sijil yang dikeluarkan oleh Kolej Komuniti, Politeknik, Institut Latihan Perindustrian, Institut Kemahiran Belia Negara, Kolej Swasta serta agensi lain yang mengkhusus kepada Pendidikan dan TVET.

25.8. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/ SPM (V) atau yang setaraf

Merujuk kepada kelayakan SPM/ SPM(V)/ MCE atau peperiksaan setaraf dengannya seperti GCE ‘O’ Level.

25.9. Di bawah taraf kelulusan SPM/ SPM (V)

Merujuk kepada kelayakan seperti PMR/ SRP/ LCE, tamat sekolah rendah atau di bawah taraf kelulusan yang dinyatakan.

25.10. Tiada sijil

Tiada sijil yang diperoleh.

26. PRODUKTIVITI TANAMAN

Produktiviti tanaman ditakrifkan sebagai hasil tuaian tanaman bagi setiap unit keluasan tanah yang diusahakan.

27. SIMBOL DAN SINGKATAN

-	:	tiada data
0	:	nilai kurang daripada 0.5
0.0	:	nilai kurang daripada 0.05

≠	:	tidak sama dengan
n.a.	:	tidak berkenaan
&	:	dan
%	:	peratus
dll	:	dan lain-lain
RM	:	Ringgit Malaysia
t.t.t.l	:	tidak terkelas di tempat lain
W.P.	:	Wilayah Persekutuan
ha	:	hektar
kg	:	kilogram
mm	:	milimeter
cm	:	sentimeter
m^2	:	meter persegi
m^3	:	meter padu
mt	:	tan metrik
samb.	:	sambungan
NGO	:	Badan Bukan Kerajaan
BP	:	Blok Penghitungan
CIDB	:	*Construction Industry Development Board*
DB	:	Daerah Banci`
DP	:	Daerah Pentadbiran
ROS	:	Daftar Perniagaan
ROC	:	Daftar Syarikat
TVET	:	Diploma/ Diploma Lanjutan dalam kemahiran khusus atau teknikal
PhD	:	Doktor Falsafah
FELDA	:	*The Federal Land Development Authority*
FELCRA	:	Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Persekutuan
FAO	:	*Food and Agriculture Organization of the United Nations*
HND	:	*Higher National Diploma*
IPTA	:	Institusi Pengajian Tinggi Awam
IPTS	:	Institusi Pengajian Tinggi Swasta
IKTBN	:	Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara
DOSM	:	Jabatan Perangkaan Malaysia
KPM	:	Kementerian Pendidikan Malaysia
KPK	:	Kementerian Perladangan dan Komoditi
KPKM	:	Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
KKTM	:	Kolej Kemahiran Tinggi MARA
KWSP	:	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
LHDN	:	Lembaga Hasil Dalam Negeri
CHE	:	Luas Bertanam Tanaman Setara
MARA	:	Majlis Amanah Rakyat
MSAR	:	*Malaysia Statistical Address Register*
MSBR	:	*Malaysia Statistical Business Register*

PAPI	:	*Paper and Pen Interview*
PD	:	Penguasa Daerah
PLB	:	Penilaian Liputan Banci
PP	:	Penolong Pesuruhjaya
LLP	:	Perkongsian Liabiliti Terhad
PERKESO	:	Pertubuhan Keselamatan Sosial
MSIC	:	Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia
PBT	:	Pihak Berkuasa Tempatan
PMR	:	Penilaian Menengah Rendah
ROS	:	*Registrar of Societies*
RISDA	:	*Rubber Industry Smallholders Development Authority*
QC	:	Semakan Kualiti
SPM	:	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	:	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
SKM	:	Suruhanjaya Koperasi Malaysia
SSM	:	Suruhanjaya Syarikat Malaysia
TK	:	Tempat Kediaman
TP	:	Timbalan Pesuruhjaya
UNSD	:	United Nations Statistics Division



PENGHARGAAN

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Setinggi-tinggi penghargaan terima kasih kepada semua Agensi Pelaksana dan Rakan Strategik Banci Pertanian 2024

Agensi Peneraju
Jabatan Perangkaan Malaysia

Kementerian dan Agensi Persekutuan

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
- Jabatan Pertanian Malaysia
- Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia
- Jabatan Perikanan Malaysia
- Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan
- Lembaga Pertubuhan Peladang
- Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia
- Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia

Kementerian Perladangan dan Komoditi
- Lembaga Minyak Sawit Malaysia
- Lembaga Getah Malaysia
- Lembaga Koko Malaysia
- Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara
- Lembaga Lada Malaysia
- Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam
- Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia
- Jabatan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN)
- Jabatan Alam Sekitar

Kementerian Ekonomi

Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri
- Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri
- Kementerian Industri Makanan dan Pembangunan Wilayah, Sarawak
- Kementerian Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan Sabah
- Unit Perancang Ekonomi Negeri
- Jabatan Pertanian Negeri
- Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri
- Jabatan Perikanan Negeri
- Jabatan Perhutanan Negeri

Setinggi-tinggi penghargaan terima kasih kepada semua Agensi Pelaksana dan Rakan Strategik Banci Pertanian 2024

Agensi Teknikal dan Sokongan

Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)
Jabatan Infrastruktur dan Teknologi Negara (JITN)
Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia
Jabatan Imigresen Malaysia

Pemegang Taruh Lain

Kementerian Kewangan Malaysia
Kementerian Dalam Negeri Malaysia
Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)
Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA)
Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA)
Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)
Universiti Awam dan Institusi Akademik
Pejabat Daerah dan Tanah
Pihak Berkuasa Tempatan

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Setinggi-tinggi penghargaan terima kasih kepada semua Agensi Pelaksana dan Rakan Strategik Banci Pertanian 2024

PENGERUSI JAWATANKUASA PERTANIAN, INDUSTRI AGROMAKANAN DAN KOMODITI

YB. Dato' Ustaz Haji Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN

YB. Dato' Kaya Setia Datuk Nazran Bin Muhammad	Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan

JAWATANKUASA TEKNIKAL ANTARA AGENSI BANCI PERTANIAN

YABrs. Wan Zulfadhli Syahman bin Wan Yusof	Pengarah Unit Perancangan Ekonomi Negeri
YABrs. Encik Mohd. Roshdi Ismail	Ketua Jajahan Gua Musang
YABrs. Tuan Haji Rusydee Bin Abdullah	Ketua Jajahan Kota Bharu
YABrs. Encik Mohamad Nazwan Bin Ismail	Ketua Jajahan Tumpat
YABrs. Encik Fazrul Azan Mohd Basari	Ketua Jajahan Pasir Mas
YABrs. Encik Wan Ahmad Suwaidi Zainal Abidin	Ketua Jajahan Tanah Merah
YABrs. Encik Mohd Shaifudeen Md Salleh	Ketua Jajahan Kuala Krai
YABrs. Encik Mohd Kamarulzaman Ab Wahab	Ketua Jajahan Pasir Puteh
YABrs. Encik Mohd Zamri bin Ibrahim	Ketua Jajahan Machang
YABrs. Tuan Haji Mohd Zaki Yusoff	Ketua Jajahan Bachok
YABrs. Encik Wan Fahazil Wan Mohamad Jaffar	Ketua Jajahan Jeli
YABrs. Tuan Md Yani Bin Mat Zin	Ketua Jajahan Kecil Lojing
Puan Norbahani Binti Zakaria	Pengarah Jabatan Pertanian Negeri Kelantan
Puan Nor Hazlini Binti Ab Manan	Timbalan Pengarah Jabatan Pertanian Negeri Kelantan

Dr. Yahasmida binti Yaacob	Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar
Tuan Haji Ibrahim Ismail	Pengarah Pejabat Perikanan Negeri Kelantan
Tuan Haji Mohd Rahim Ramli	Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan
Encik Mohd Ardi Baharom	Pengarah Wilayah Felda Wilayah Gua Musang
Encik Ahmad Firdaus Abd Ghani	Pengarah RISDA Negeri Kelantan
Encik Mohd Faedzyal Mohamed	Pengarah Jabatan Kemajuan Orang Asli Kelantan
Encik Muhammad Amri Idris	Pengarah Bahagian Perangkaan Pertanian dan Alam Sekitar
Encik Mohd Shahrill Abdul Rashid	Pengarah Jabatan Perangkaan Negeri Kelantan
Cik Wan Nur Hasnarizwa Wan Hasan	Timbalan Pengarah Jabatan Perangkaan Negeri Kelantan
Puan Wan Aziam Binti Wan Awang@Wan Ismail	Penolong Pengarah Jabatan Perangkaan Negeri Kelantan
Puan Nur Khuzaimah Binti Lokhman	Penolong Pengarah Jabatan Perangkaan Negeri Kelantan
Puan Rosmaria Binti Hussin	Penolong Pengarah Jabatan Perangkaan Negeri Kelantan
Puan Norazimah Binti Zakaria	Penolong Pegawai Perangkaan Jabatan Perangkaan Negeri Kelantan
Puan Intan Salina Binti Alias	Penolong Pegawai Perangkaan Jabatan Perangkaan Negeri Kelantan
Puan Nek Nazirah Binti Mohamad	Penolong Pegawai Perangkaan Jabatan Perangkaan Negeri Kelantan
Encik Mohd Zharif Bin Yusof	Penolong Pegawai Perangkaan Jabatan Perangkaan Negeri Kelantan
Encik Zulkynandy Bin Zainuddin	Penolong Pegawai Perangkaan Jabatan Perangkaan Negeri Kelantan

Puan Mazlin Fazni Binti Mohd Hanapi	Penolong Pegawai Perangkaan Jabatan Perangkaan Negeri Kelantan
Encik Mohammad Roslan Bin Ab Llah	Penolong Pegawai Perangkaan Jabatan Perangkaan Negeri Kelantan
Puan Zalina Binti Mat Soh	Pembantu Perangkaan Jabatan Perangkaan Negeri Kelantan
Encik Nik Azam Bin Mohd Nor	Pembantu Perangkaan Jabatan Perangkaan Negeri Kelantan
Puan Nik Robiah Binti Nik Li	Pembantu Perangkaan Jabatan Perangkaan Negeri Kelantan
Puan Azizah Binti Mat Esa	Pembantu Perangkaan Jabatan Perangkaan Negeri Kelantan
Puan Mahiram Binti Jaafar	Pembantu Perangkaan Jabatan Perangkaan Negeri Kelantan
Puan Azean Binti Ab. Wahab	Pembantu Perangkaan Jabatan Perangkaan Negeri Kelantan
Puan Sufarni Binti Che Yaacob	Pembantu Perangkaan Jabatan Perangkaan Negeri Kelantan
Puan Zatul 'Iffah Binti Hashim	Pembantu Perangkaan Jabatan Perangkaan Negeri Kelantan
Puan Darajah Binti Ismail	Pembantu Perangkaan Jabatan Perangkaan Negeri Kelantan
Puan Fadilah Binti Yusof	Pembantu Perangkaan Jabatan Perangkaan Negeri Kelantan
Puan Noor Hasimah Binti Mat Hassan	Pembantu Perangkaan Jabatan Perangkaan Negeri Kelantan
Puan Zaleha Binti Mat	Pembantu Perangkaan Jabatan Perangkaan Negeri Kelantan
Encik Sumariadi Bin Che Mohd. Zin	Pembantu Perangkaan Jabatan Perangkaan Negeri Kelantan
Encik Che Azhar Bin Che Hussain	Pembantu Perangkaan Jabatan Perangkaan Negeri Kelantan
Puan Ilmiza Binti Mohammed Lotfi	Pembantu Perangkaan Jabatan Perangkaan Negeri Kelantan
Puan Nor Kharulbariah Binti Ibrahim	Pembantu Perangkaan Jabatan Perangkaan Negeri Kelantan

Encik Mohamad Asri Bin Abdullah	Pembantu Perangkaan Jabatan Perangkaan Negeri Kelantan
Puan Noriza Binti Che Wil	Pembantu Perangkaan Jabatan Perangkaan Negeri Kelantan
Encik Ahmad Zaki Bin Razak	Pembantu Perangkaan Jabatan Perangkaan Negeri Kelantan
Encik Azwan Bin Ishak	Pembantu Perangkaan Jabatan Perangkaan Negeri Kelantan
Cik Suriana Ali	Pembantu Perangkaan Jabatan Perangkaan Negeri Kelantan
Encik Mohd Shamsul Bin Zakaria	Pembantu Perangkaan Jabatan Perangkaan Negeri Kelantan
Puan Nur Syazwani Binti Saufi	Pembantu Perangkaan Jabatan Perangkaan Negeri Kelantan
Cik Wan Maznah Binti Zawiah @ Zawawi	Pembantu Perangkaan Jabatan Perangkaan Negeri Kelantan
Puan Hazwani Binti Abdullah	Pembantu Perangkaan Jabatan Perangkaan Negeri Kelantan

